



BSN

MASA DEPAN KEWANGAN YANG

Mampan

SUSTAINABLE FINANCIAL FUTURE





MASA DEPAN KEWANGAN YANG MAMPAN

Bagi menyokong agenda keterangkuman kewangan negara, BSN memperkayakan kehidupan dengan pelbagai penyelesaian kewangan selain meningkatkan dan memperluaskan jangkauan dan kebolehcapaian. Dengan memanfaatkan pengaktifan berterusan inisiatif Berpandukan Pelanggan, memangkin ekonomi sebenar, memajukan usaha Pendigitalan, mengembangkan Kemakmuran Mampun, dan memastikan Pemerkaasan Komuniti berteraskan Budaya Berasaskan Nilai, BSN akan melangkah lebih jauh ke arah merealisasikan visinya iaitu Tiada Rakyat Malaysia yang ketinggalan.

Muka hadapan yang ceria untuk tahun ini menonjolkan impak dan nilai kewangan positif BSN yang disediakan untuk pihak berkepentingan dan pelanggannya dengan memupuk tabiat menabung. Sentimen ini disampaikan menerusi imej pihak berkepentingan dan pelanggan BSN menjalani kehidupan seharian mereka, sambil meraih manfaat daripada pengurusan kewangan yang baik menerusi perkhidmatan BSN.

SUSTAINABLE FINANCIAL FUTURE

Supporting the nation's financial inclusion agenda, BSN is enriching lives with a growing array of financial solutions and expanding reach and accessibility. Harnessing a continuous activation of Customer Centricity, catalysing the Real economy, advancing Digitalisation, growing Sustainable Prosperity and ensuring Community Empowerment anchored on a Values-based Culture, BSN is going further than ever towards realising its vision of No Malaysian Left Behind.

This year's vibrant cover spotlights the positive financial impact and value that BSN provides for its stakeholders and customers through cultivating a habit of saving. This sentiment is conveyed through images of BSN's stakeholders and customers in their day-to-day lives, comfortably benefitting from good financial management, thanks to BSN's services.



Salinan Digital Laporan Tahunan BSN 2022

Soft copy of BSN Annual Report 2022

1

Dapatkan

Muat turun "QR Code Reader" di App Store atau Google Play

Get it

Download the "QR Code Reader" on App Store or Google Play

2

Lancarkan

Lancarkan app "QR Code Reader" dan halakan kamera anda ke Kod QR yang tertera

Run it

Run the QR Code Reader app and point your camera to the QR Code

3

Akses

Dapatkan akses kepada borang maklumbalas

Access it

Get access to the feedback form



Dalam Laporan Ini

Inside This Report

Tinjauan Keseluruhan Bank Simpanan Nasional Overview of Bank Simpanan Nasional

Seimbias Lalu/At a Glance	002
Visi/Vision	004
Misi/Mission	004
Nilai-Nilai Murni/Core Values	005
Piagam Perkhidmatan Pelanggan/ Customer Service Charter	006
Struktur Korporat/Corporate Structure	007
Profil Korporat/Corporate Profile	008
Anugerah & Pengiktirafan/Awards & Recognitions	009
Carta Organisasi/Organisation Chart	010

Mesej Utama Key Messages

Daripada Timbalan Pengerusi/From the Deputy Chairman	014
--	-----

Kepimpinan Leadership

Lembaga Pengarah/Board of Director	024
Imbasan Lembaga Pengarah/Board at a Glance	026
Profil Lembaga Pengarah/Board of Director's Profile	027
Jawatankuasa Syariah/Shariah Committee	036
Profil Jawatankuasa Syariah/Shariah Committee's Profile	038
Pengurusan/Management	042

Mandat & Kelestarian Mandate & Sustainability

Hasil Pembangunan & Pencapaian Mandat/ Developmental Outcomes & Mandate Achievements	048
Tinjauan Strategik/Strategic Outlook	056
Laporan Aktiviti/Activities Report	060
BSN Care/BSN Care	069
Sorotan Media/Media Highlights	074

Tadbir Urus Governance

Penyataan Tadbir Urus Korporat Statement on Corporate Governance	076
Penyataan Pengurusan Risiko Statement on Risk Management	087
Kenyataan Audit Dalaman Internal Audit Statement	099
Laporan Jawatankuasa Syariah Shariah Committee Report	100
Imbuan Remuneration	101

Penyataan Kewangan Financial Statements

SEIMBAS LALU AT A GLANCE

BSN menawarkan perkhidmatan perbankan yang komprehensif merentasi komuniti bandar, luar bandar dan pedalaman di Malaysia melalui rangkaian perbankan meluas termasuklah Cawangan BSN, Ejen Bank BSN (EB BSN) dan Cawangan Bank Bergerak (CBB) di Sabah, Sarawak, Kelantan dan Pahang dalam memastikan keterangkuman kewangan ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

BSN offers comprehensive banking services across urban, rural and remote communities in Malaysia through an extensive network including BSN Branches, Ejen Bank BSN (EB BSN), Cawangan Bank Bergerak (CBB) in Sabah, Sarawak, Kelantan and Pahang in ensuring financial inclusivity towards improving the well-being and quality of life of Malaysians.



38

PUSAT MIKRO
KEWANGAN

MICRO FINANCE
CENTRES



390

CAWANGAN DI
SELURUH NEGARA

BRANCHES
NATIONWIDE



8

CAWANGAN BANK
BERGERAK (CBB)

CAWANGAN BANK
BERGERAK (CBB)



DEPOSIT DAN SIMPANAN
DEPOSITS AND SAVINGS

RM38.4

BILION/BILLION



PENDAPATAN
REVENUE
RM2.1
BILION/BILLION



PENDAPATAN BERSIH
NET INCOME
RM1.5
BILION/BILLION



LEBIH/OVER
7,200
KAKITANGAN/EMPLOYEES



LEBIH/OVER
2,600
EJEN BANK BSN (EB BSN)
EJEN BANK BSN (EB BSN)



248
MESIN DWI FUNGSI
CASH RECYCLER
MACHINES (CRM)



575
MESIN TELER AUTOMATIK
AUTOMATED TELLER
MACHINES (ATM)

JUMLAH TRANSAKSI EB BSN
TOTAL TRANSACTION OF EB BSN

RM1.4
BILION/BILLION



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI
DAN ZAKAT
PROFIT AFTER TAX AND ZAKAT
RM289.0
JUTA/MILLION



148
MESIN DEPOSIT TUNAI
CASH DEPOSIT MACHINES
(CDM)

VISI/ VISION

Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan

Sejak mulanya, objektif utama BSN adalah untuk menggalakkan pertumbuhan simpanan dan pelaburan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Kini, kami meneruskan usaha kami dengan menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan progresif kehidupan moden. Dengan berbuat demikian, kami berharap setiap rakyat Malaysia akan mendapat peluang yang sama untuk menikmati kehidupan yang lebih baik.

No Malaysian Left Behind

BSN's main objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life. Today, we continue on our quest by offering even more products and services that cater to the progressive needs of modern life. By doing so, we hope to provide every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life.



MISI/ MISSION

Misi kami adalah untuk membina hubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan yang lebih baik dengan:

Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:

Menyediakan saluran untuk menyimpan dan melabur kepada orang awam dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan perbankan yang komprehensif.

Providing the means for savings and investments to the general public with a comprehensive range of banking services.

Menggalakkan dan menggembeng simpanan, terutamanya daripada para penyimpan kecil.


Promoting and mobilising savings, particularly from small savers.

Memupuk tabiat berjimat cermat dan menyimpan.

Inculcating the habit of thrift and savings.

Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.

Utilising the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation.



NILAI-NILAI MURNI/ CORE VALUES

Di BSN, kami sentiasa berpandukan nilai teras yang menentukan cara kami bekerja dan bertindak:

At BSN, we are all guided by core values that govern the way we work and behave:



Komited

Kami komited untuk mencapai kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.

Committed

We are committed to excellence in all that we do.



Cerdas & Tangkas

Kami peka dengan trend pasaran dan sentiasa memanfaatkan peluang.

Agile

We anticipate market trends and leverage opportunities.



Menghormati

Kami hargai kepelbagaian, buah fikiran dan pandangan orang ramai, serta berusaha untuk meletakkan diri kami di tempat mereka untuk lebih memahami keperluan mereka.

Respectful

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.



Beretika

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai moral yang paling tinggi.

Ethical

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.



PIAGAM PERKHIDMATAN PELANGGAN

CUSTOMER SERVICE CHARTER



BSN komited sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan dan produk berkualiti tinggi yang layak diterima oleh setiap warga Malaysia.

BSN is totally committed in providing high quality services and products that every Malaysian deserves.

Piagam Perkhidmatan Pelanggan (juga dikenali sebagai Piagam) Bank Simpanan Nasional (BSN) yang ditubuhkan pada Disember 2020 bertujuan untuk menggariskan komitmen utama di samping memastikan tahap piawaian perkhidmatan berada pada tahap yang tertinggi dan bantuan yang di tawarkan untuk setiap perkhidmatan kepada pelanggan adalah berkualiti.

The Bank Simpanan Nasional (BSN) Customer Service Charter (also referred to as Charter) was established in December 2020 with the intention to outline our key commitments to deliver a high service standard of customer service and to provide quality service and assistance when providing banking services to customers.



Objektif utama BSN sejak dahulu lagi adalah menggalakkan perkembangan simpanan dan pelaburan dalam kalangan warga Malaysia dari segenap lapisan masyarakat. Kini, kami meneruskan usaha kami dengan menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan kehidupan moden. Dengan perubahan yang sejajar mengikut arus pembangunan, kami berharap dapat menyediakan peluang yang saksama kepada semua warga Malaysia untuk menikmati kehidupan yang lebih baik selari dengan visi BSN iaitu "Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan".

BSN's main objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life. Today, we continue on our quest by offering even more products and services that cater to the progressive needs of modern life. By doing so, we hope to provide every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life which is in line with the Bank's vision "No Malaysian Left Behind".




STRUKTUR KORPORAT CORPORATE STRUCTURE

Anak Syarikat/*Subsidiaries*

Anak Syarikat Milik Penuh *Wholly-owned Subsidiary*



PERMODALAN
BSN BERHAD




PRUDENTIAL
BSN TAKAFUL
BERHAD



Syarikat Bersekutu/*Associates*



BSNC
CORPORATION
BERHAD



GIBRALTAR BSN
HOLDINGS
SDN BHD

Pegangan BSN di dalam Anak Syarikat/Syarikat Bersekutu pada 31 Disember 2022

BSN's holdings in Subsidiary/Associate Companies as at 31 December 2022

PROFIL KORPORAT

CORPORATE PROFILE

Bank Simpanan Nasional (BSN) ditubuhkan pada 1 Disember 1974 dengan mandat yang jelas untuk mendorong pertumbuhan simpanan dalam kalangan rakyat Malaysia dan menyokong pembangunan negara. Sejak dilancarkan oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kedua Malaysia, Bank tetap berpegang teguh pada matlamat terangkum ini dan menerapkan prinsip korporatnya iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan'.

Bank Simpanan Nasional (BSN) was established on 1 December 1974 with a clear mandate to foster the growth of savings among Malaysians and to support national development. Since its launch by YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, the second Prime Minister of Malaysia, the Bank has stayed true to this inclusive objective and continues to embrace 'No Malaysian Left Behind' as its corporate maxim.

Tujuan utama BSN adalah untuk memperkasakan dan meningkatkan keupayaan kewangan pihak individu dan masyarakat di seluruh Malaysia. Menerusi kerjasama rakan niaga dan pihak berkepentingan yang berkongsi visi dan nilai yang sama, BSN telah memperluaskan keterangkuman kewangan merentasi seluruh negara dan menyediakan akses kepada sumber kewangan sekaligus mempertingkatkan kehidupan rakyat. BSN telah mewujudkan sebuah tradisi berunsurkan inovasi demi melaksanakan amanahnya. Sejak penubuhannya, BSN sentiasa beradaptasi mengikut perubahan zaman dengan menerapkan teknologi dan cara bekerja terkini untuk menyampaikan perkhidmatan yang sebaik mungkin. Ini memastikan capaian perkhidmatan kewangan termasuk golongan masyarakat di kawasan pedalaman atau kurang mendapat perkhidmatan perbankan.

BSN kini berusaha dengan gigih bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia. Sebagai salah satu institusi kewangan terkemuka di negara ini, BSN memberi perkhidmatan kepada lebih 9 juta rakyat Malaysia di seluruh negara, dengan deposit dan simpanan runcit berjumlah RM19.34 bilion. Jangkauan BSN yang semakin meluas merangkumi lebih daripada 7,200 kakitangan yang disokong oleh 390 cawangan, 38 Pusat Kewangan Mikro, 575 Mesin Teler Automatik (ATM), 148 Mesin Deposit Tunai (CDM), 8 Cawangan Bank Bergerak (3 di Sabah, 3 di Sarawak, 1 di Kelantan dan 1 di Pahang) dan lebih 2,600 Ejen Bank BSN di seluruh negara (setakat Disember 2022). Memandangkan kini rakyat Malaysia semakin menerima perbankan digital dan e-dagang, BSN terus melabur dalam produk dan perkhidmatan digital baharu bagi memastikan kami terus berkhidmat keperluan pelanggan dan negara.

Iltizam BSN terhadap mandatnya diterapkan di semua aspek perniagaannya dan merupakan teras budaya korporatnya. Setelah hampir mencecah lima dekad dalam perniagaan, amanah tersebut tetap menjadi prinsip panduan bagi BSN.

BSN's central purpose is to financially empower and elevate individuals and communities throughout Malaysia. Working with partners and stakeholders who share its vision and values, BSN has expanded financial inclusion across the nation and provided access to financial resources that have transformed lives. To deliver on its mandate, BSN has established a tradition of innovation. Since its inception, the Bank has continuously adapted to the changing times by embracing new technologies and ways of working to better-serve its clients, ensuring access to financial services even for those in remote and other underbanked communities.

Today, the Bank is doing more than ever to uplift the economic well-being of Malaysians. As one of the nation's leading financial institutions, BSN serves over 9 million Malaysians across the country, with deposits and retail deposits amounting to RM19.34 billion. The expanding reach of BSN encompasses over 7,200 staff supported by 390 branches, 38 Micro Finance Centers, 575 Automated Teller Machines (ATMs), 148 Cash Deposit Machines (CDM), 8 Mobile Bank Branches (3 in Sabah, 3 in Sarawak, 1 in Kelantan and 1 in Pahang) and over 2,600 BSN Bank Agents nationwide (as of December 2022). As Malaysians increasingly embrace digital banking and e-commerce, BSN is continuing to invest in new digital products and services to ensure that we continue to serve our customers' and the nation's needs.

BSN's commitment to its mandate is woven into all aspects of its business and is central to its corporate culture. As the Bank now marks almost five decades in business, it remains BSN's guiding principle and provides the standard against which BSN measures itself.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

AWARDS AND RECOGNITIONS

**Anugerah Khas Mempromosikan Skim
Jaminan Kredit Perumahan 2020-2021**
Special Award for Promoting the Home Credit
Guarantee Scheme 2020-2021

Majlis Pelancaran Semarak Niaga
Launching Ceremony of Semarak Niaga



Bank IBG Terbaik
Best IBG Bank

**Malaysian ePayments
Excellence Awards (MEEA)**
Malaysian ePayments
Excellence Awards (MEEA)



**Rakan Bancatakal Terbaik
- Institusi Kewangan**
Best Bancatakal Partner -
Financial Institution

**Malaysian Takaful
Association Awards 2022**
Malaysian Takaful Association
Awards 2022



**Sijil Pematuhan Standard Accounting
System for Government Agencies
(SAGA)**

Standard Accounting System for Government
Agencies (SAGA) Compliance Certificate

**Majlis Anugerah Sijil Pematuhan
SAGA 2022**
SAGA Compliance Certificate Awards
Ceremony 2022



**Rakan FI Terbaik 2021
(Kategori DFI)**
Top FI Partner 2021
(DFI Category)

**Anugerah CGC FI/DFI &
SME ke-27 2021**
CGC 27th FI/DFI & SME
Awards 2021



**Rakan FI Terbaik 2021
(Kategori SME)**
Top FI Partner 2021
(SME Category)

**Anugerah CGC FI/DFI &
SME ke-27 2021**
CGC 27th FI/DFI &
SME Awards 2021



Kategori Kewangan
Financial Category

**Majlis Anugerah Cemerlang
Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
Peringkat Kebangsaan 2020 dan 2021**
National Level Occupational Safety and
Health Excellence Award Ceremony
2020 and 2021



Rakan Sokongan Terbaik
Most Supportive Partner

**Anugerah Penghargaan 100
Go Digital, Malaysia Digital
Economy Corporation (MDEC)**
100 Go Digital Appreciation
Award, Malaysia Digital Economy
Corporation (MDEC)



CARTA ORGANISASI ORGANISATION CHART




MENGIKUT KATEGORI/BY CATEGORY

Pengurusan Management	Eksekutif Executive	Bukan Eksekutif Non-Executive
120	3,508	3,780

DEMOGRAFI/DEMOGRAPHY







Memacu Keterangkuman & Tumpuan ke atas Pelanggan Ensuring Inclusivity & Customer Centricity

BSN berusaha memahami keperluan masyarakat yang memerlukan selain memperluaskan usaha pemerkasaan belia dan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) dengan memacu Keterangkuman Kewangan yakni tonggak utama komitmennya terhadap keamanan serta Tumpuan Ke Atas Pelanggan yakni teras strategik utamanya. Pemerkasaan ekonomi dan kemakmuran untuk semua dipupuk menerusi latihan khusus, kerjasama, dan pengetahuan kewangan yang menyeluruh.

Advancing Financial Inclusivity is a core pillar of BSN's sustainability commitment while Customer Centricity is a key strategic thrust. Together, these push BSN to better understand the needs of underserved communities and expand initiatives empowering youth, micro, small, and medium enterprises (MSMEs). Through tailored training, partnerships, and comprehensive financial literacy, we strive to foster economic empowerment and prosperity for all.



BSN



Selari dengan visi BSN “Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan”, BSN terus komited memberikan perkhidmatan perbankan untuk semua rakyat Malaysia dengan mengutamakan aspek keterangkuman kewangan dan budaya menabung. Ini mencerminkan komitmen BSN dalam memenuhi mandatnya serta membantu untuk membentuk Malaysia yang lebih berdaya tahan dan inklusif.

Staying true to BSN’s north of “No Malaysian Left Behind”, the Bank remained committed to making banking services accessible to all Malaysians by prioritising financial inclusion and encouraging a savings culture. This reflects BSN’s unwavering commitment to deliver on our mandate and contribute to building a more inclusive and financially resilient Malaysia.

Di bawah kepimpinan Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid selaku Pengerusi Lembaga Pengarah, tahun 2022 menyaksikan BSN terus teguh memacu program transformasi bank di bawah Pelan Strategik Korporat BSN 2022 – 2026. Berteraskan Pengupayaan Teknologi, Mengutamakan Pelanggan dan Kewarganegaraan Korporat, pelan-pelan tindakan yang telah digariskan kini rancak digerakkan demi memperkasakan lagi pelaksanaan mandat bank. Usai selesai tempoh perkhidmatan beliau pada 31 Januari 2023 yang lalu, saya dan ahli Lembaga Pengarah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan dan khidmat bakti beliau membawa BSN ke era baharu.

Under the stewardship of Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid as the Chairman of the Board, the Bank continued to accelerate its transformation journey under its 2022 – 2026 Corporate Strategic Plan. Riding on Technology Empowerment, Customer Focus and Corporate Citizenship, the outlined action plans are now being actively mobilised towards further empowering the implementation of our mandate. Upon the end of her tenure on 31 January 2023, the Board and I would like to take this opportunity to express our appreciation for her service and contributions towards propelling BSN into the new era.

**RM416.37** juta/millionKeuntungan Sebelum Cukai dan Zakat
Profit Before Tax and Zakat**RM46.61**

bilion/billion

Jumlah Aset/Total Assets

Mohd Sakeri Abdul Kadir

Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman

DARIPADA
TIMBALAN
PENGERUSI
FROM THE DEPUTY CHAIRMAN

DARIPADA TIMBALAN Pengerusi

FROM THE DEPUTY CHAIRMAN

FASA PEMULIHAN PASCA-PANDEMIK

Meskipun berdepan dengan persekitaran global yang mencabar, ekonomi negara menunjukkan daya tahan yang kukuh dan memberangsangkan dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7%, rekod pencapaian tertinggi sepanjang 22 tahun lepas. Perkembangan ini didorong oleh penamatan sepenuhnya perintah-perintah kawalan pandemik, peningkatan perbelanjaan isi rumah dan pelaburan swasta, penurunan kadar pengangguran serta pengukuhan mata wang Ringgit.

Walau bagaimanapun, situasi memberangsangkan ini turut disertai lonjakan tahunan inflasi menyeluruh sebanyak 3.3%. Persekitaran inflasi yang tinggi mengakibatkan Bank Negara Malaysia (BNM) bertindak menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) secara beransur-ansur dan terkawal sebanyak empat kali pada tahun 2022, iaitu meningkatkan OPR dari 1.75% pada tahun 2021 kepada 2.75% pada tahun 2022. Kenaikan kadar OPR berjaya mengawal kadar inflasi yang lebih tinggi. Selain daripada itu, persaingan untuk mendapatkan deposit dalam kalangan bank turut menjadi lebih sengit.

Walau di sebalik cabaran-cabaran ini, prestasi kewangan BSN terus berkembang pada tahun 2022 dengan catatan perolehan sebanyak RM2.11 bilion dan peningkatan keuntungan sebanyak 2.7% kepada RM416.37 juta. Tunjang kewangan kami juga kekal kukuh, dengan jumlah aset sebanyak RM46.61 bilion dan rizab sebanyak RM3.64 bilion.

MEMENUHI AMANAH RAKYAT

BSN kekal komited dalam melaksanakan mandat yang diamanahkan kepada kami dalam memastikan akses perbankan inklusif untuk semua rakyat Malaysia. Pada tahun 2022, BSN telah meluaskan rangkuman perkhidmatan kami kepada 97.2% mukim, mengatasi sasaran awal 96.5%. Pencapaian ini dipacu oleh pelancaran Aplikasi Android EB (Ejen Bank) yang baharu selain penambahan Cawangan Bank Bergerak (CBB) BSN di Sarawak, Kelantan dan Pahang. Menerusi inisiatif strategik ini, akses perbankan untuk para pelanggan kami berjaya dipertingkatkan lantas mengukuhkan kehadiran kami di kawasan luar bandar. Pendekatan inklusif dan responsif ini selaras dengan matlamat utama kami memberikan perkhidmatan menyeluruh kepada masyarakat.

Sejajar dengan komitmen BSN untuk meningkatkan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di seluruh negara, saya berbesar hati melaporkan kejayaan BSN memegang sehingga 40.2% daripada pasaran segmen pembiayaan mikro pada tahun ini, jauh mengatasi sasaran tahunan kami sebanyak 30% lantas mengukuhkan lagi kedudukan kami sebagai peneraju industri pembiayaan mikro.

Pada tahun 2022, BSN telah meluaskan rangkuman perkhidmatan kami kepada 97.2% mukim, mengatasi sasaran awal 96.5%.

RIDING THE WAVE OF POST-PANDEMIC RECOVERY

In the face of multiple global setbacks, the local economy exhibited remarkable resilience and thrived as businesses gradually resumed full operations. Malaysia achieved an impressive 8.7% in GDP growth, the highest in 22 years, propelled by the resurgence of private spending and investments, a reduction in unemployment, and the strengthening of the Ringgit.

However, this encouraging economic upswing was accompanied by a notable surge in headline inflation, reaching 3.3% year-on-year. This prompted Bank Negara Malaysia (BNM) to respond by gradually raising the Overnight Policy Rate (OPR) four times in 2022, bringing it to 2.75% in 2022 from 1.75% in 2021. As a result, higher inflation rate was mitigated. Furthermore, there was heightened competition among banks vying for deposits added an additional layer of uncertainty.

Despite all that, BSN soared to financial heights with a revenue of RM2.11 billion and a 2.7% profit boost to RM416.37 million. Our financial backbone remained strong, boasting total assets of RM46.61 billion with reserves standing tall at RM3.64 billion.

FULFILLING OUR AMANAH TO RAKYAT

The commitment towards fulfilling our mandate continued in ensuring a more inclusive access to our banking services for the whole nation. In 2022, we achieved an exceptional milestone by serving a total of 97.2% mukims, surpassing our initial target of 96.5%. This achievement was made possible through the launch of the new EB (Agent Bank) Android Application and the addition of *Cawangan Bank Bergerak* (CBB) in Sarawak, Kelantan and Pahang. Through these strategic initiatives, we have effectively enhanced accessibility and convenience for our stakeholders while reinforcing our presence in rural areas. This translates into a more inclusive and responsive approach that aligns with our overarching goal of serving the community comprehensively.

In alignment with BSN's commitment to bolster the growth and expansion of micro, small, and medium enterprises (MSMEs) across the nation, I am delighted to share that we have achieved a substantial 40.2% market share in the microfinance segment. This achievement not only surpasses our year-end target of 30%, but also positions us as an industry leader in this sphere.

In 2022, we achieved an exceptional milestone by serving a total of 97.2% mukims, surpassing our initial target of 96.5%.

1,081



PMKS telah dinaik taraf
sebagai PKS

Facilitated the graduation of
1,081 MSMEs into SMEs



Pencapaian cemerlang ini disokong oleh penghasilan produk-produk inovatif seperti BSN Micro-i SemarakNiaga, BSN Micro-i Cashline dan BSN MulaNiaga selain geran pendigitalan PKS dan inisiatif-inisiatif pembiayaan mikro yang lain. Ini membuktikan bahawa produk-produk kami bukan sahaja memperkasakan rakyat, tetapi juga menyumbang kepada kemajuan memberangsangkan BSN.

Selain menyediakan pinjaman, kami juga secara aktif bekerjasama dengan pihak ketiga dalam menyediakan latihan peningkatan kemahiran dan keupayaan untuk PMKS. Selain menjana 5,870 peluang pekerjaan baharu, sebanyak 1,081 PMKS telah dinaik taraf sebagai PKS berikutan inisiatif ini, membuktikan dedikasi kami dalam memacu pertumbuhan dan kemampaan ekonomi.

Kami juga komited dalam memupuk golongan belia dan memperjuangkan keterangkuman. Kami telah memulakan pelbagai inisiatif Celik Kewangan (CK) dengan tujuan menerapkan tabiat menabung dari usia muda. Ini termasuk program Jelajah Celik Kewangan, merangkumi program CK yang sejajar dengan enam modul utama BNM. Pendekatan komprehensif ini telah menarik minat lebih 8,000 peserta di 44 sekolah seluruh negara. Bagi meluaskan pendidikan kewangan, BSN memanfaatkan inisiatif CBB dengan membuat lawatan ke kawasan-kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak termasuk Keningau, Tawau, Pakan, dan Kabong bagi menyampaikan ceramah kesedaran kewangan.

BSN juga telah memperkenalkan program Sekolah Tanpa Tunai bagi membantu penghijrahan kaedah pembayaran di kantin sekolah, kedai buku, dan koperasi kepada sistem tanpa tunai menggunakan peranti terminal POS. Inisiatif ini telah dilaksanakan di 109 sekolah yang membawa kepada pendaftaran lebih kurang 893,000 belia dalam Program Simpanan kami, yakni kadar penembusan pasaran sebanyak 11%. Selain itu, BSN telah menjalin kerjasama dengan 1,266 sekolah di seluruh negara bagi menjamin penglibatan berterusan dengan institusi pendidikan dan para pelajar.

This notable achievement can be largely attributed to the successful introduction of ground-breaking products like BSN Micro-i SemarakNiaga, BSN Micro-i Cashline, and BSN MulaNiaga, complemented by impactful initiatives such as the SME digitalisation grants and other micro financing initiatives. These offerings showcase how our financing solutions not only empower the Rakyat, but also contribute to BSN's remarkable progress.

BSN's commitment goes beyond the role of loan provision for MSMEs; we also actively engage in collaborative efforts with third parties to provide essential training that enhances MSMEs overall skills and capabilities. This endeavour has not only generated 5,870 new employment opportunities, but also facilitated the graduation of 1,081 MSMEs into SMEs, thus showcasing our dedication in fostering economic growth and sustainability.

We are also dedicated towards nurturing the youth and championing inclusivity. To date, we have embarked on an extensive range of Financial Literacy (FL) initiatives, aimed at instilling sound savings habits from an early age. This effort is channelled through the Jelajah Celik Kewangan programme, which incorporates FL programmes aligned with BNM's six key modules. The comprehensive approach has reached over 8,000 participants across 44 schools nationwide. To extend the reach of financial education by riding on the CBB initiative, BSN had visited remote areas in Sabah and Sarawak including Keningau, Tawau, Pakan, and Kabong to deliver financial talks and awareness.

In addition to this, BSN had also introduced the Cashless School programme, facilitating the transformation of payment methods at school canteens, bookstores, and cooperatives into a cashless system using POS terminal devices. This initiative has been embraced by 109 schools and the collective effort has led to a significant achievement – approximately 893,000 youths are now enrolled in our Savings Programme, reflecting a commendable market penetration rate of 11%. Moreover, BSN has established partnerships with 1,266 schools across the nation, ensuring continuous engagement and involvement with both educational institutions and students alike.

DARIPADA TIMBALAN PENERUSI FROM THE DEPUTY CHAIRMAN

RM3.64

billion/billion

Rizab/Reserves
(meningkat RM134.17 juta/
million increase)

34.8%

(2.5 juta pengguna/million users)
daripada jumlah pelanggan yang
berkelayakan menggunakan myBSN
secara aktif/of the eligible customer
base are actively using myBSN



MENGEKALKAN PERTUMBUHAN KEWANGAN

Pada 2022, BSN berjaya mencatat perolehan memberangsangkan iaitu sebanyak RM2.11 bilion. Keuntungan sebelum cukai dan zakat mencatat peningkatan sebanyak 2.7% atau RM416.37 juta. Ini mewakili pertumbuhan ketara RM10.9 juta berbanding tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan keuntungan ini disumbang oleh peningkatan dalam kualiti aset dan keseluruhan aktiviti perniagaan sepanjang tahun.

Di sebalik cabaran berterusan ekonomi negara amnya, kedudukan kewangan Bank kekal teguh pada tahun 2022. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah aset BSN meningkat kepada RM46.61 bilion iaitu peningkatan 7.11% atau RM3.09 bilion berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 74.8% daripada aset ini disalurkan kepada pembiayaan dan pinjaman, manakala 19.3% dalam bentuk pelaburan sekuriti.

Menjelang penutup 2022, jumlah liabiliti BSN berjumlah RM42.98 bilion, yakni peningkatan RM2.96 bilion berbanding tahun sebelumnya. Deposit kekal sebagai komponen utama liabiliti pada RM38.38 bilion, bersamaan 89.3% daripada jumlah keseluruhan liabiliti.

Sepanjang tahun 2022, jumlah rizab turut meningkat sebanyak RM134.17 juta, iaitu daripada RM3.50 bilion pada TK2021 kepada RM3.64 bilion pada penutup tahun 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh keuntungan Bank semasa tempoh semakan, yang menunjukkan trajektori kewangan yang kukuh.

MEMPERCEPATKAN USAHA TRANSFORMASI DIGITAL

Transformasi digital amat penting bagi memperkasakan BSN dalam menghadapi landskap kewangan yang semakin berubah.

Dengan matlamat memodenkan proses operasi, BSN menambah baik perkhidmatan dalam talian dan memacu integrasi perkhidmatan digital. Usaha ini diperkukuhkan dengan keupayaan IT yang mantap dan berdaya tahan baik dari aspek berkaitan Infrastruktur (pembaharuan dan peningkatan teknologi), Keselamatan (rangkaian), dan Pengurusan Aplikasi (automasi).

SUSTAINING FINANCIAL GROWTH

In 2022, the Bank achieved robust financial outcomes, with an impressive revenue of RM2.11 billion. Notably, our profit before tax and zakat saw a commendable increase of 2.7%, amounting to RM416.37 million. This marked a significant RM10.9 million growth from the previous financial year. The upswing in profit is attributed to the enhanced asset quality and the overall uptick in business activities throughout the year.

Despite the persistent challenges presented by the broader operating environment, the Bank's financial position remained steadfast in 2022. As of 31 December 2022, BSN's total assets expanded to RM46.61 billion, reflecting a substantial 7.11% increase of RM3.09 billion from the preceding year. A noteworthy 74.8% of these assets were channeled into financing, loans, and advances, while 19.3% took the form of investment securities.

BSN's total liabilities stood at RM42.98 billion by the close of 2022, showcasing an uptick of RM2.96 billion from the previous year. Deposits remained as the predominant component of liabilities, constituting RM38.38 billion, equivalent to 89.3% of total liabilities.

Moreover, over the course of the year, total reserves experienced a growth of RM134.17 million, escalating from RM3.50 billion in FY2021 to RM3.64 billion at the close of 2022. The majority of this increase was attributed to the Bank's profit during the review period, emphasising its sound financial trajectory.

ACCELERATING THE DIGITAL TRANSFORMATION JOURNEY

The acceleration towards digital transformation empowers BSN to adapt to an evolving financial landscape.

Driven by the goal of modernising operational processes, BSN took significant strides in enhancing online services and embracing digital service integration. This journey is fortified by robust IT capabilities and unwavering resilience on Infrastructure (technology refresh and upgrade), Security (network) and Application Management (automation).

Antara pencapaian ketara adalah dalam penggunaan perbankan internet, yang mana 34.8% (bersamaan 2.5 juta pengguna) daripada jumlah pelanggan yang berkecukupan menggunakan myBSN secara aktif. Ini merupakan pertumbuhan signifikan berbanding tahun fiskal sebelumnya (TK2021: 20.4%) berikutan pelbagai fungsi dan perkhidmatan baharu myBSN yang menambah baik pengalaman pelanggan dan memperluaskan penerimaan pengguna.

Satu lagi usaha digital baharu di BSN adalah pelancaran Saluran Khusus Pelaporan Penipuan menerusi Pusat Hubungan IVR pada Oktober 2022. Mekanisme ini memudahkan para pelanggan membuat laporan mengenai aktiviti penipuan melibatkan akaun mereka. Di samping itu, pelaksanaan Sistem Pengurusan E-mel pada Disember 2022 memperkemas pemrosesan e-mel yang diterima oleh pasukan perkhidmatan pelanggan dalaman.

MEMACU KEMUDAHAN PEMBAYARAN TANPA TUNAI

Pada April 2022, BSN menjalin kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Tioman dalam usaha membangunkan masyarakat tanpa tunai di Pulau Tioman. Selaku pelopor, BSN memperkenalkan kad debit berasaskan pelancongan, yakni usaha pertama seumpamanya di Malaysia. Pada tempoh yang sama, Program Tanpa Tunai Pasar Payang diperkenalkan bagi membantu peruncit kecil beralih kepada kaedah pembayaran tanpa tunai.

Dedikasi BSN juga terserlah dalam usaha pemerolehan peniaga. Pelancaran saluran jualan Master Merchant pada Oktober 2022 telah menarik minat 1,136 peniaga baharu sepanjang tahun tinjauan. Hasilnya, pertumbuhan Tahun-ke-Tahun (YoY) dalam volum urus niaga meningkat 112.79% berbanding tahun sebelumnya, manakala jumlah peniaga mencecah 1,889 sekaligus memberi kesan positif kepada pemerolehan kad bagi tahun tinjauan.

BSN turut berjaya mendaftarkan 57,795 kad kredit baharu, pertumbuhan tahunan sebanyak 63.39%. Ini membawa kepada peningkatan bilangan kad kredit dalam edaran, yang kini berjumlah 253,064.

PENYEMAIAN BUDAYA KEMAMPAHAN

Misi BSN dipacu oleh komitmen bersepadu untuk membentuk masa hadapan yang bukan sahaja makmur dari segi ekonomi, tetapi juga saksama dari aspek sosial dan kelestarian alam sekitar. Usaha kami adalah berpaksikan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang memandu keputusan dan tindakan kami.

Dengan asas kukuh yang termaktub dalam Piagam Perubahan Iklim 2021 kami, tahun semasa dikhususkan untuk membentuk asas kepada matlamat ESG kami. Ini membawa kepada penubuhan Bahagian Kemampuan dalam Jabatan Transformasi & Kelestarian, lantas menggariskan komitmen kami dalam memajukan inisiatif ESG.

Among the notable accomplishments of the year was the substantial increase in user engagement in internet banking, with a noteworthy 34.8% (equivalent to 2.5 million users) of the eligible customer base actively using myBSN. This achievement signifies a considerable growth from the previous fiscal year (FY2021: 20.4%) attributable to the launch of a range of new functions and services within myBSN, leading to an enhanced customer experience and broader adoption among users.

Another prominent digital advancement was the launch of the dedicated Fraud Queue through the Contact Centre IVR in October 2022. This innovative tool simplifies the reporting process for customers encountering fraudulent activities or scams on their accounts. Additionally, the implementation of the Email Management System in December 2022 streamlined the processing of emails received by our internal customer service team.

PROPELLING CASHLESS PAYMENT FACILITIES

In April 2022, BSN forged a partnership with Lembaga Pembangunan Tioman, positioning itself as a key player in driving the adoption of a cashless society on Tioman Island. As a trailblazer, BSN introduced a tourism-oriented debit card solution – a pioneering move in Malaysia. During the same period, the Pasar Payang Cashless Programme was introduced, extending support to small retailers by facilitating their transition to cashless payment methods.

BSN's dedication to progress was equally evident in its merchant acquisition efforts. The launch of the Master Merchant sales channel in October 2022 played a significant role, attracting 1,136 new merchants throughout the year. This robust engagement yielded an impressive Year-over-Year (YoY) growth of 112.79% in transaction volume compared to the previous year. Consequently, the total merchant count reached 1,889, thereby positively impacting card acquisitions for the year.

BSN also successfully acquired 57,795 new credit cards, marking a YoY growth of 63.39%. This feat resulted in an increased total of credit cards in circulation, which now stands at 253,064.

CULTIVATING GREATER SUSTAINABILITY

Central to BSN's mission is a resolute commitment to shape a future that's not only economically prosperous, but also socially equitable and environmentally sustainable. Our efforts are anchored in the Environmental, Social, and Governance (ESG) principles which drive our decisions and actions.

Building upon the strong foundation set by our 2021 Climate Change Charter, the current year has been dedicated to laying the groundwork for our ESG goals. This led to the creation of a dedicated Sustainability Division within the Transformation & Sustainability Department, highlighting our commitment towards advancing ESG initiatives.

DARIPADA TIMBALAN Pengerusi FROM THE DEPUTY CHAIRMAN

BSN sebagai sebuah entiti bersepadu terus berusaha memupuk budaya kemampanan yang dapat membantu dalam proses tadbir urus kami. Sejak 2021, pematuhan kami terhadap pelaporan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) BNM telah banyak membantu kami mengenal pasti aktiviti-aktiviti ekonomi yang dapat menangani isu perubahan iklim. Sebagai langkah strategik, BSN bekerjasama dengan pihak luar sebagai perunding Penasihat ESG agar selaras dengan Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim & Analisis Senario BNM.

BSN secara berhemah telah membangunkan Komitmen Kemampanannya, dipandu oleh Rancangan Malaysia ke-12, Pelan Tindakan Sektor Kewangan BNM, serta Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Komitmen ini disokong oleh tiga (3) tonggak utama iaitu Memajukan Keterangkuman Kewangan, Menyokong Usahawan Mikro, dan Tindakan Mampan, serta tiga (3) cita-cita teras Keterangkuman Kewangan menerusi Kewangan Sosial, Komitmen kepada Kedudukan Neutral Karbon, dan Pembinaan Budaya Mampan yang Kukuh.

MEMPERKUKUKKAN BUDAYA PEMATUHAN

Sejak beberapa tahun yang lepas, BSN telah pun membangunkan satu rangka kerja pematuhan dalaman yang komprehensif. Ia melibatkan gabungan strategik di antara automasi dan pembangunan budaya, termasuk inisiatif seperti Program Transformasi Budaya Pematuhan. Usaha ini diperkukuhkan dengan integrasi sistem berkemajuan tinggi menggunakan Kepintaran Buatan (AI) dan Automasi Proses Robotik (RPA) bagi menambah baik proses-proses Saringan Senarai Pantauan. Kejayaan Pengesahan Program AML/CFT membuktikan usaha berterusan BSN dalam mencapai kecemerlangan pematuhan.

Langkah seterusnya adalah pengenalan fungsi Tadbir Urus, Risiko, dan Pematuhan (GRCO) pada April 2022. Usaha ini memperkukuhkan lagi budaya risiko dan pematuhan kami, selain pembangunan berterusan Rangka Kerja dan Dasar Pematuhan. Pelaksanaan Penilaian Kendiri Kawalan Utama (KCSA) dan Ujian Kawalan Utama (KCT) turut memperkembangkan pelbagai proses di 24 jabatan dan 13 negeri.

Inisiatif-inisiatif ini telah membawa kepada pengurangan ketara sebanyak 68% dalam insiden ketidakpatuhan di seluruh Bank dari 2021 hingga 2022. Pencapaian ini menggariskan komitmen tinggi BSN terhadap piawaian pematuhan dan usaha memupuk budaya pematuhan dalam semua operasinya.

MEMBANGUNKAN WARGA KERJA KAMI

Bertunjangkan nilai-nilai teras kami dan berpaksikan objektif kecemerlangan berprestasi tinggi, BSN terus memberi tumpuan kepada pembelajaran sepanjang hayat dan pertumbuhan kakitangan. Tahun 2022 menyaksikan usaha bersepadu dalam memupuk budaya pembelajaran yang disokong oleh pembangunan bakat yang strategik, peningkatan kemahiran yang menyeluruh, serta inisiatif-inisiatif latihan semula bersasar. Pendekatan ini selaras dengan Pelan Strategik Korporat kami yang menekankan kecemerlangan operasi, pengurusan risiko yang teliti dan amalan pematuhan yang mantap.

BSN, as an integrated entity, is steadfast in cultivating a sustainability culture that guides our decision-making. Since 2021, our adherence to BNM's Climate Change and Principle-based Taxonomy (CCPT) reporting has helped us identify economic activities for climate change mitigation and adaptation. We took a strategic leap by partnering with an external party acting as our ESG Advisory, aligned with BNM's Climate Risk Management & Scenario Analysis Policy.

BSN has carefully developed its Sustainability Commitment, driven by the 12th Malaysia Plan, BNM's Financial Sector Action Plan, and the United Nation's Sustainable Development Goals. This commitment is supported by three (3) key pillars namely Advancing Financial Inclusivity, Supporting Micro-Entrepreneurs, and Sustainable Action, as well as three (3) core ambitions namely Financial Inclusion via Social Finance, Commitment to Carbon Neutral Position, and the Building of a Strong Sustainable Culture.

REINFORCING STRONG COMPLIANCE CULTURE

In the past year, BSN has been fully dedicated to establishing a comprehensive internal compliance framework. This was achieved through a strategic blend of automation and cultural development, including initiatives like the transformative Compliance Cultural Transformation Programme. This effort was further enhanced by integrating advanced systems that utilise Artificial Intelligence (AI) and Robotic Process Automation (RPA) to improve Watchlist Screening processes. The successful AML/CFT Programme Validation attests to BSN's unwavering pursuit of compliance excellence.

A significant step forward was the introduction of the Governance, Risk, and Compliance (GRCO) function in April 2022. This addition strengthened our risk and compliance culture, with ongoing development of a comprehensive Compliance Framework and Policy. The implementation of assessments like the Key Control Self-Assessment (KCSA) and Key Control Testing (KCT) streamlined processes across 24 departments and 13 states.

These compliance initiatives yielded concrete results. BSN achieved a substantial 68% reduction in group-wide non-compliance incidents from 2021 to 2022. These accomplishments underscore BSN's dedication to high compliance standards and cultivating a culture of adherence to regulatory norms across all operations.

BUILDING OUR PEOPLE

Rooted in our core values and integral to our path towards achieving high-performance excellence, BSN remains steadfastly committed to lifelong learning and nurturing our employees' growth. The year 2022 witnessed a dedicated effort to cultivate a potent learning culture, underpinned by strategic talent development, comprehensive upskilling, and targeted retraining initiatives. This resolute approach seamlessly aligns with our overarching Corporate Strategic Plan, where our focus on operational excellence, meticulous risk management, and robust compliance practices takes center stage.

Usaha transformasi digital kami diperkasakan oleh teknologi dan inovasi. Pemupukan budaya inovatif membolehkan kami menjangka arah aliran, memenuhi keperluan pelanggan dan memastikan pengalaman pelanggan yang lancar dan memuaskan.

Komitmen ini melibatkan pelaburan sebanyak RM2.3 juta untuk 99,712 jam latihan sepanjang tahun, yakni purata 13.6 jam untuk pembangunan setiap kakitangan. Peruntukan untuk latihan akan datang turut disediakan sebagai tanda komitmen jangka panjang kami terhadap pembelajaran berterusan.

Dari segi perancangan penggantian, Bank telah mengenal pasti peranan kritikal perniagaan dan memupuk kumpulan bakat berpotensi tinggi yang diperkukuhkan lagi dengan penilaian kecekapan kepimpinan serta kaji selidik nadi pada masa nyata.

Program mobiliti kami membantu memupuk budaya pertumbuhan dan penerokaan yang mana kakitangan bebas mencipta trajektori kerjaya tersendiri selain mempelbagaikan set kemahiran mereka. Strategi pengambilan kerja juga telah diperhalusi membolehkan kami menarik minat calon-calon dengan kemahiran yang tepat, selaras dengan misi dan visi kami.

MELANGKAH KE HADAPAN

Tahun 2022 menggariskan komitmen teguh BSN terhadap aspek keterangkuman, pertumbuhan, kelestarian, dan kecemerlangan. Di sebalik pelbagai kesulitan dalam mengemudi usaha pemulihan ekonomi, kami terus komited dalam mencatat pelbagai pencapaian kewangan yang signifikan, lantas mengukuhkan kedudukan kami dalam industri.

Usaha transformasi digital kami diperkasakan oleh teknologi dan inovasi. Pemupukan budaya inovatif membolehkan kami menjangka arah aliran, memenuhi keperluan pelanggan dan memastikan pengalaman pelanggan yang lancar dan memuaskan. Bagi memastikan keterangkuman kewangan, kami akan terus memperkasakan golongan belia serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menerusi latihan-latihan khusus, kerjasama dan inisiatif kesedaran kewangan. Kemampanan kekal menjadi asas utama yang menggerakkan inisiatif ESG kami.

Akhir sekali, saya ingin menzahirkan penghargaan tidak terhingga kepada kakitangan kami yang sentiasa ikhlas dalam memenuhi mandat BSN, Lembaga Pengarah sentiasa berdedikasi dan pasukan Pengurusan berwawasan. Komitmen dan kepakaran anda telah memacu BSN ke tahap yang lebih tinggi, serta mengukuhkan lagi misi meningkatkan kehidupan dan menyumbang kepada pembangunan Malaysia. Saya menyeru agar kita kekal teguh dalam mencapai kecemerlangan dan mencipta impak yang bermakna. Mari kita bersama-sama melakar perjalanan ke arah hari esok yang lebih cerah dan inklusif serta memastikan setiap lapisan rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada usaha ini.

Terima kasih.

Mohd Sakeri Abdul Kadir
Timbalan Pengerusi

Empowered by technology and innovation, we are steadfast in advancing our digital transformation journey. Cultivating an innovative culture enables us to anticipate trends and cater to evolving customer needs, ensuring seamless and enhanced experiences.

This commitment materialised with an investment of RM2.3 million, facilitating a remarkable total of 99,712 training hours throughout the year. This translates to an average of 13.6 hours of enriching development per employee. With foresight, we have earmarked an impressive RM3 million further investments for upcoming trainings investments, underscoring our unwavering dedication to continuous learning.

Crucially, our succession planning endeavours gained remarkable traction. The Bank methodically identified pivotal business-critical roles and cultivated a pool of high-potential talents, fortified by leadership competency assessments and real-time pulse surveys.

At the heart of employee development, our mobility programmes stand as a testament to our commitment. By allowing employees to craft bespoke career trajectories and diversify their skill sets within the Bank, we foster a culture of growth and exploration. Simultaneously, our refined recruitment strategies ensure that we attract and onboard candidates with precisely the right skills, effectively aligning our workforce with our purpose and vision.

MOVING FORWARD

BSN's journey in 2022 underscores our unwavering commitment to inclusivity, growth, sustainability, and excellence. Despite navigating the complexities of a recovering economy, we showcased resilience, achieving significant financial milestones and solidifying our industry position.

Empowered by technology and innovation, we are steadfast in advancing our digital transformation journey. Cultivating an innovative culture enables us to anticipate trends and cater to evolving customer needs, ensuring seamless and enhanced experiences. Our dedication to financial inclusion drives us to expand initiatives empowering youth, micro, small, and medium enterprises (MSMEs). Through tailored training, partnerships, and comprehensive financial literacy, we strive to foster economic empowerment and prosperity for all. Sustainability remains a cornerstone, with our ESG initiatives gaining momentum.

Since 2016, BSN is one of the partners under Financial Education Network (FEN) and has been promoting financial literacy both independently and in collaboration with members of the FEN i.e. the Ministry of Education (MoE), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) and Bank Negara Malaysia (BNM).

With the reopening of schools and the easing of pandemic restrictions since the second half of 2022, BSN has resumed its visits to almost 2,000 schools to deliver financial literacy programmes on financial management and savings not only for students, but also teachers and staff. As of 31 December 2022, we have presence in over 9,000 schools with 893,000 students having a BSN savings account with total deposits amounting over RM593.1 million.

To ease the burden of children's schooling expenses borne by parents or guardians from households with income of RM3,000 and below, BSN had channelled RM48.3 million from the government benefitting nearly 1.4 million students under the *Bantuan Awal Persekolahan (BAP) 2022*.

In 2022, BSN also conducted 630 sessions of "Bijak Kewangan" programme to raise awareness among the target segments (i.e.: teachers, civil servants, government agencies staff, blue collared workers and other underserved communities) on financial management, digital financial scams and fraud, knowledge sharing our financing and wealth management products to facilitate for better financial awareness and management.

BSN Cashless in Schools and Community Programmes

The pandemic has accelerated adoption of cashless transactions. To ensure that no Malaysians are left behind, the Bank continues to promote cashless banking in schools by educating students, teachers and staff on the use of debit card. BSN has also appointed thirteen (13) school co-ops as BSN agent banks (BSN EB) to encourage the use e-payments via debit card for transactions at the schools. As at 31 December 2022, we have successfully on-boarded 88 schools with approximately 18,000 students using BSN's debit card for their transactions.

HASIL PEMBANGUNAN & PENCAPAIAN MANDAT

DEVELOPMENTAL OUTCOMES & MANDATE ACHIEVEMENTS

Pada Disember 2022, BSN telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) untuk menjadi bank utama yang mempromosikan komuniti tanpa tunai di Pulau Tioman. BSN telah menempatkan tujuh belas (17) terminal titik jualan (POS) di premis-premis dagang bagi menggalakkan penggunaan pembayaran tanpa tunai. Inisiatif ini akan diteruskan pada tahun 2023 dengan penambahan terminal, pembukaan akaun korporat (perniagaan), serta program-program kesedaran untuk semua pedagang mengenai penggunaan BSNeBiz iaitu saluran pembayaran dalam talian bagi membantu mereka beralih kepada kaedah pembayaran tanpa tunai.

Sokongan dan Pembiayaan untuk Perniagaan Mikro

Pada Januari 2022, BSN telah memperluaskan inisiatif *BSN Micro Community (BMC)* ke seluruh negara, yang bermula dengan 3 negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Sarawak pada Oktober 2021. Selain pembiayaan, BMC juga memberi tumpuan untuk membimbing dan menyokong perniagaan mikro dengan khidmat nasihat perniagaan serta program-program peningkatan kemahiran.

Setakat 31 Disember 2022, lebih 10,000 perniagaan mikro telah menunjukkan peningkatan dalam perolehan jualan tahunan mereka, dengan 1,081 mencapai perolehan melebihi RM300,000 dan naiktaraf menjadi PKS. Presetasi memberangsangkan ini selari dengan trend industri seperti yang dilaporkan oleh Alliance Bank (MSME Business Outlook 2023) di mana 71.6% daripada PKS mikro Malaysia (PKSM) menunjukkan peningkatan perolehan pada 2022, berbanding 67.2% pada 2021¹.

BMC juga berazam untuk memastikan kelestarian dan pembangunan pelanggan mikro kami. Justeru, BSN telah mewujudkan kerjasama baharu dengan pelbagai entiti korporat seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), MYNIC Berhad, AKPK dan Maxis Berhad selaku penyedia latihan berkaitan topik-topik seperti pendigitalan perniagaan, pengurusan perniagaan, pemasaran, dan pengurusan aliran tunai. Sepanjang tahun ini, BSN telah mencalonkan 3,704 pelanggan untuk menghadiri 63 program latihan.

Setakat 31 Disember 2022, BSN kekal menjadi peneraju industri pembiayaan mikro dengan bahagian pasaran sebanyak 40.7% berdasarkan tunggakan pembiayaan sebanyak RM529.3 juta dan lebih 24,600 pelanggan, yang sebahagian besarnya dipacu oleh produk baharu BSN, BSN Micro Semarak. Skim ini yang dilancarkan pada April 2022 juga memenuhi keperluan kumpulan mikro yang terpinggir khususnya golongan wanita, belia, dan perniagaan pemula (graduan atau individu yang kehilangan kerja semasa pandemik). Pembiayaan yang ditawarkan adalah untuk tujuan modal kerja dan perbelanjaan modal pada kadar 4.00% setahun. Pada 2022, kami telah mengagihkan RM375.6 juta di bawah BSN Micro Semarak kepada 12,654 perniagaan mikro. Daripada jumlah ini, lebih 4,000 adalah perniagaan milik wanita dan lebih 2,000 adalah milik belia.

Pada Oktober 2022, kami telah melancarkan *Micro-i Cashline*, iaitu kemudahan overdraf untuk perniagaan mikro yang memerlukan modal kerja sehingga RM50,000.

In December 2022, BSN signed a Memorandum of Understanding (MoU) with Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) to be the anchor bank in promoting cashless society on Tioman Island. BSN has deployed seventeen (17) point-of-sales (POS) terminals at merchant premises to encourage the use of cashless payment options. This effort will continue in 2023 with deployment of more terminals, opening of corporate (business) account and awareness programmes for all merchants on the use of BSNeBiz which is our online payment solution to assist businesses to transition to cashless community.

Support and Financing Micro Businesses

In January 2022, BSN has expanded its BSN Micro Community (BMC) initiative to nationwide from the initial 3 pilot states – Kedah, Kelantan and Sarawak that started in October 2021. In addition to providing financing, the BMC focuses on nurturing and supporting micro-businesses through business advisory and up-skilling training programmes.

As at 31 December 2022, more than 10,000 micro businesses have improved their annual sales turnover with 1,081 achieving RM300,000 and above and have “graduated” from micro to SME level. The progress of our customers is aligned with industry trend as published by Alliance Bank (MSME Business Outlook 2023) where 71.6% of Malaysian micro SMEs (MSMEs) saw their revenues increase in 2022, compared to 67.2% in 2021¹.

The BMC also aims to ensure the sustainability and development of our micro customers. In this regard, BSN established new collaborations with corporate entities such as Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Construction Industry Development Board (CIDB), MYNIC Berhad, AKPK and Maxis Berhad as training providers on various business centric topics such as business digitalisation, business management, marketing and cashflow management. During the year, BSN nominated 3,704 customers to attend 63 training programmes.

As at 31 December 2022, BSN remains the industry leader in micro financing with 40.7% market share based on financing outstanding of RM529.3 million and more than 24,600 customers, mainly driven by BSN’s new product, BSN Micro Semarak. The scheme which was launched in April 2022 also caters to the needs of underserved micro segments especially women, youth and start-ups (graduates or individuals who had lost their jobs during the pandemic). The financing offered is for the purpose of working capital and capital expenditure at 4.00% per annum. In 2022, we have disbursed RM375.6 million under BSN Micro Semarak benefitting 12,654 micro businesses. Of these, more than 4,000 are businesses owned by women and more than 2,000 are businesses owned by youths.

In October 2022, we also launched *Micro-i Cashline*, which is an overdraft facility for micro business’ working capital needs up to RM50,000.

¹ NST Business, 10 Februari, 2023: Malaysian MSMEs post higher revenue in 2022

¹ NST Business, February 10, 2023: Malaysian MSMEs post higher revenue in 2022

Pembiayaan Sosial Islamik

BSN mula menyediakan pembiayaan sosial Islamik pada tahun 2022 menerusi program BSN MulaNiaga yang dilancarkan pada 29 Ogos 2022 di bawah iTEKAD BNM. BSN MulaNiaga merupakan program pembangunan keusahawanan bertempoh satu (1) tahun khusus untuk kumpulan Asnaf dan B40. Dengan kerjasama rakan strategik kami, Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) iaitu subsidiari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dua puluh (20) calon dari sektor makanan dan minuman (F&B) serta perniagaan runcit telah dikenalpasti sebagai peserta program ini. Mereka datang dari tiga daerah di Selangor iaitu Petaling, Gombak, dan Hulu Langat. BSN MulaNiaga dijangka menjadi penghubung di antara Bank dengan kumpulan sasaran ini menerusi penyediaan bantuan awal berasaskan geran diikuti dengan akses kepada pembiayaan mikro.

Setakat 31 Disember 2022, BSN telah mengagihkan RM200,000 atau RM10,000 kepada setiap peserta dalam bentuk geran untuk tujuan modal kerja atau pembelian aset, bergantung kepada keperluan perniagaan mereka, setelah dinilai oleh BSN dan TERAS. Setiap peserta juga telah menjalani empat (4) hari latihan berstruktur yang dibiayai oleh BSN dan diselenggarakan oleh TERAS. Di penghujung program, prestasi dan kemajuan para peserta akan dinilai oleh TERAS, dan BSN akan menawarkan pembiayaan mikro sehingga RM20,000 pada kadar 0% untuk tempoh maksimum 5 tahun kepada peserta yang layak.

Melangkah masuk ke tahun 2023, BSN merancang untuk mencalonkan 20 peserta untuk kumpulan kedua program BSN MulaNiaga, selain melanjutkan kerjasama dengan rakan-rakan berpotensi dari negeri-negeri lain.

RANGKA KERJA UKURAN PRESTASI (PMF) & PENCiptaan TAMBAHAN

Pada tahun 2022, BSN terus menginstitusikan PMF ke dalam perniagaan dan mandatnya bagi memperluaskan jangkauan kepada kumpulan berpendapatan rendah, perniagaan mikro yang terpinggir, dan penabung kecil dengan menyediakan akses perbankan kepada semua, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman. Penglibatan kami dalam keterangkuman kewangan, pendidikan, dan akses kepada kumpulan terpinggir telah termaktub dalam Petunjuk Skor Kad Koperat BSN seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Kewangan (MoF). Prestasi mandat juga disebarikan di seluruh BSN menerusi Sistem Pengukuran Prestasi (PMS).

Islamic Social Finance

BSN embarked on its Islamic social financing journey in 2022 and launched a pilot programme, BSN MulaNiaga on 29 August 2022 under the umbrella of iTEKAD BNM. BSN MulaNiaga is a one-year (1-year) entrepreneurship development programme for vulnerable segments, specifically targeting Asnaf and B40 segment. Together with our strategic partner, Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS), a subsidiary of Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), twenty (20) candidates from the food and beverage (F&B) and retail business sectors have been identified to participate in this programme. Participants were from three Selangor districts, namely Petaling, Gombak and Hulu Langat. BSN expects BSN MulaNiaga to serve as bridge between the unbankable and vulnerable segments by providing an initial grant-based assistance and followed by access to micro financing.

As at 31 December 2022, BSN has given out a total of RM200,000 or RM10,000 to each of the participants in the form of grants for either working capital or asset purchases depending on their business needs, upon assessment by both BSN and TERAS. Each participants have also undergone four (4) days of structured training which were funded by BSN and coordinated by TERAS. Pursuant to the completion of the programme, the participants' progress and performance will be assessed by TERAS and BSN will offer micro financing up to RM20,000 at 0% for a maximum tenure of 5 years to the eligible participants.

Moving forward in 2023, BSN plans to on-board another 20 candidates for BSN MulaNiaga under the second batch of the current programme, and is also exploring to expand its collaboration with other potential partners from other states.

PERFORMANCE MEASUREMENT FRAMEWORK (PMF) & ADDITIONALITY CREATION

In FY2022, BSN continued to institutionalise the PMF into our business and mandates of improving our outreach to the low income segments, underserved micro businesses and small savers by making banking services accessible and available to all, especially those living in the rural and remote areas of the country. The interventions in financial inclusion, education and access to underserved and unserved segments are incorporated in our scorecard as required by Ministry of Finance (MoF). The mandate performance has also been cascaded throughout BSN through its performance measurement system (PMS).

HASIL PEMBANGUNAN & PENCAPAIAN MANDAT

DEVELOPMENTAL OUTCOMES & MANDATE ACHIEVEMENTS

Tambahan Kewangan Financial Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2022 Performance for FYE2022	Nota Notes	
1. Rangkuman kewangan dan jangkauan Financial inclusion and outreach	Titik akses perbankan (menyediakan khidmat minimum seperti penerimaan deposit DAN servis pengeluaran wang oleh pelanggan) Banking access points (provides minimum services of accepting deposit AND facilitating withdrawal of funds by customers)	Titik akses perbankan sebanyak 4,019 merangkumi: Banking access points totaled 4,019 of which: <ul style="list-style-type: none"> • 390 cawangan/branches • 575 ATM/ATMs • 148 CDM/CDMs • 248 CRM/CRMs • 8 unit cawangan bank bergerak (CBB)/ units of mobile bank branches (CBB) • 2,650 BSN EB 	Titik akses perbankan di kawasan luar bandar sebanyak 2,462: Banking access points servicing rural areas totaled 2,462: <ul style="list-style-type: none"> • 179 cawangan/branches (46%) • 233 ATM/ATMs (41%) • 80 CDM/CDMs (54%) • 93 CRM/CRMs (38%) • 8 unit cawangan bank bergerak (CBB)/units of mobile bank branches (CBB) (100%) • 1,869 BSN EB (71%) 	
	Di mana: titik akses di kawasan terpinggir (mukim dengan titik akses kurang daripada 5) Of which: access points in underserved areas (mukims with no more than 5 access points)	Titik akses perbankan di kawasan terpinggir sebanyak 1,231 (31%) Banking access points in underserved areas totaled 1,231 (31%)		
	Di mana: BSN EB di kawasan terpinggir (mukim dengan titik akses kurang daripada 5) Of which: BSN EB in underserved areas (mukims with no more than 5 access points)	BSN EB di kawasan terpinggir: 951 (36%) BSN EB in underserved areas: 951 (36%)		
2. Bilangan isi rumah B40 yang menerima pembiayaan BSN Number of B40 households benefitting from BSN financing	Pembiayaan diluluskan untuk isi rumah B40 Financing approved to B40 households	Pembiayaan diluluskan untuk B40 sebanyak 45,767 akaun berjumlah RM3.14 bilion Approved financing to B40s totalled 45,767 accounts amounting to RM3.14 billion	Pembiayaan tertunggak kepada B40 berjumlah RM14.3 bilion Financing outstanding to B40s stood at RM14.3 billion	
3. Bilangan perniagaan mikro yang menerima pembiayaan BSN Number of micro businesses benefitting from BSN financing	<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan diluluskan untuk perniagaan mikro • Perniagaan baharu (beroperasi kurang dari 3 tahun) • Peminjam kali pertama (baru kepada sistem perbankan) <ul style="list-style-type: none"> • Of which first time borrowers (new to banking system) • Of which new businesses (in operation less than 3 years) • Of which first time borrowers (new to banking system) 	<ul style="list-style-type: none"> • Kes diluluskan sebanyak 18,094 akaun berjumlah RM519.7 juta • Kes perniagaan baharu yang diluluskan sebanyak 7,081 akaun berjumlah RM170.9 juta • Kes peminjam kali pertama yang diluluskan sebanyak 12,925 akaun berjumlah RM336.3 juta • Approved cases to first time borrowers totalled 12,925 accounts amounting to RM336.3 million • Approved cases to new business totalled 7,081 accounts amounting to RM170.9 million • Approved cases to first time borrowers totalled 12,925 accounts amounting to RM336.3 million 	Pembiayaan tertunggak kepada perniagaan mikro berjumlah RM1.6 bilion Financing outstanding to micro businesses stood at RM1.6 billion	

Tambahan Kewangan Financial Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2022 Performance for FYE2022	Nota Notes
4. Latihan dan kursus pengurusan kewangan untuk perniagaan mikro <i>Training and financial management courses offered to micro businesses</i>	Bilangan pelanggan mikro yang menjalani latihan anjuran BSN <i>Number of micro customers benefitting from training organised by BSN</i>	3,704 pelanggan mikro dicalonkan oleh BSN untuk menghadiri latihan anjuran rakan-rakan pelatih <i>3,704 micro customers were nominated by BSN to attend training by various training partners</i>	BSN bekerjasama dengan AKPK, MDEC, Maxis, CIDB/ NiuACE, dan myNIC untuk melatih pelanggan mikro <i>BSN collaborated with AKPK, MDEC, Maxis, CIDB/ NiuACE, and myNIC on training for micro customers</i>
5. Program celik kewangan <i>Financial literacy programmes</i>	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan individu yang menyertai program celik kewangan anjuran BSN Di mana sebilangan adalah golongan belia 	<ul style="list-style-type: none"> 893,380 individu menyertai program celik kewangan anjuran BSN 685,831 adalah belia berusia 13 hingga 21 tahun 893,380 individuals had participated in BSN's financial literacy programme 685,831 were youths aged 13 to 21 years old 	Berdasarkan jumlah akaun yang dibuka di bawah Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) dan BSN Smart Junior (BSJ) setakat 31 Disember 2022 <i>Based on number of account opened under the Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) and BSN Smart Junior (BSJ) as at 31 December 2022</i>

Tambahan Reka Bentuk Design Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2022 Performance for FYE2022	Nota Notes
1. Naiktaraf perniagaan mikro menjadi PKS (di bawah program Komuniti Mikro-BMC BSN) <i>Graduation of micro businesses to SME (under BSN's Micro Community- BMC programme)</i>	Bilangan perniagaan mikro yang mencapai jualan tahunan RM300,000 ke atas <i>Number of micro businesses achieving annual sales of RM300,000 and above</i>	<ul style="list-style-type: none"> 1,081 perniagaan mikro 1,081 micro businesses 	<ul style="list-style-type: none"> Pada Januari 2022, program BMC diperluaskan ke seluruh negara dari 3 negeri awal yang bermula pada Oktober 2021 In January 2022, the BMC programme was expanded nationwide from an initial 3 pilot states back in October 2021
2. Penciptaan perkerjaan baharu <i>New job creation</i>	Bilangan perkerjaan baharu yang tercipta <i>Number of new jobs created</i>	5,870 perkerjaan baharu dicipta: <ul style="list-style-type: none"> Sepenuh masa: 3,479 Separuh masa: 2,391 5,870 new jobs were created of which: <ul style="list-style-type: none"> Full-time: 3,479 Part-time: 2,391 	

HASIL PEMBANGUNAN & PENCAPAIAN MANDAT

DEVELOPMENTAL OUTCOMES & MANDATE ACHIEVEMENTS

Tambahan Dasar Policy Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2022 Performance for FYE2022	Nota Notes
<p>1. Nasihat dasar oleh BSN yang diambil oleh Kerajaan</p> <p>Policy advice by BSN taken up by Government</p>	<p>Pengenalan produk baharu untuk perniagaan mikro</p> <p>Rollout of new product for micro businesses</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancaran BSN Micro Semarak pada April 22 yang memberi akses pembiayaan mikro kepada kumpulan terpinggir – contoh: wanita (Semarak-Nita), belia (Semarak-Belia), pemula (Semarak-Mula) • Pembiayaan diluluskan berjumlah RM394.2 juta kepada 13,323 perniagaan mikro • Launched BSN Micro Semarak in April-22 which provides underserved segments access to micro financing – e.g. women (Semarak-Nita), youths (Semarak-Belia), start-ups (Semarak-Mula) • Financing approved totalled RM394.2 million to 13,323 micro businesses 	<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan dana untuk SemarakNiaga berjumlah RM800 juta • Pembiayaan tertunggak setakat 31 Disember 2022 berjumlah RM374.8 juta • Allocated funds for SemarakNiaga was RM800 million • Financing outstanding as at 31 Dec 2022 was RM374.8 million

Tambahan Demonstrasi Demonstration Additionality	Penunjuk Indicators	Prestasi untuk TK2022 Performance for FYE2022	Nota Notes
<p>1. Program pembangunan keusahawanan untuk kumpulan terdedah</p> <p>Entrepreneurship development programme for vulnerable segments</p>	<p>Program BSN MulaNiaga menghubungkan kumpulan ini menerusi penyediaan bantuan berasaskan geran, diikuti akses kepada pembiayaan mikro</p> <p>BSN MulaNiaga programme to serve as bridge between the unbankable and vulnerable segments by providing an initial grant-based assistance and followed by access to micro financing</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Program perintis BSN MulaNiaga dilancarkan pada Ogos 2022, dengan penyertaan 20 usahawan mikro Asnaf dan B40 dari sektor F&B dan perniagaan runcit • Geran berjumlah RM200,000 diagihkan kepada para peserta • Peserta menjalani latihan berstruktur selama 4 hari, dibiayai oleh BSN dan diselenggarakan oleh TERAS, dengan penilaian berterusan • BSN MulaNiaga pilot programme launched in August 2022, with selection of 20 Asnaf and B40 micro entrepreneurs from the F&B and retail business • RM200,000 worth of grants disbursed to participants • Participants have undergone 4 days of structured training, funded by BSN and coordinated by TERAS, and continue to be assessed 	<ul style="list-style-type: none"> • Berdasarkan penilaian dan kelayakan, para peserta akan ditawarkan pembiayaan mikro BSN sehingga RM20,000 pada kadar 0% untuk tempoh maksimum 5 tahun • Based on assessment and eligibility, participants will be offered BSN's micro financing up to RM20,000 at 0% for a maximum tenure of 5 years

KERJASAMA DENGAN KERAJAAN

Sebagai agensi yang dimandatkan untuk melaksanakan usaha pembangunan Kerajaan, BSN diamanahkan untuk menyalurkan pembiayaan kepada rakyat Malaysia, khususnya perniagaan mikro yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Jadual di bawah menunjukkan prestasi skim-skim Kerajaan yang disalurkan menerusi BSN pada 2022.

COLLABORATION WITH THE GOVERNMENT

As an agency mandated to carry out Government's developmental efforts, BSN has been entrusted to disburse financing to help Malaysians, particularly micro businesses affected by the spread of COVID-19 pandemic. The following table shows the performance of Government-led financing schemes channelled through BSN in 2022.

Skim Pembiayaan Financing Scheme	Tujuan Purpose	Saiz geran diterima setakat 31 Disember 2022 Grant size received as at 31 December 2022	Prestasi setakat 31 Disember 2022 Performance as at 31 December 2022	
			Pembiayaan Tertunggak Financing Outstanding	Bilangan peminjam yang dibantu ² Number of borrowers assisted ²
Mikro Pekeraka Micro Pekeraka	Pembiayaan untuk perniagaan mikro yang sedang pulih daripada pandemik COVID-19 Financing to micro businesses, recovering from the COVID-19 pandemic	RM800 juta/million	RM260.5 juta/million	12,083
BSN myRinggit-i Banjir BSN myRinggit-i Banjir	Pembiayaan peribadi untuk mangsa banjir pada Disember 2022 Personal financing to victims of floods in December 2022	RM230 juta/million	RM308.1 juta/million	34,620
Skim Khas Pekerja Rumah Estet (SKRE) Skim Khas Pekerja Rumah Estet (SKRE)	Skim pembiayaan gadai janji untuk pekerja estet membeli rumah pertama mereka Mortgage financing scheme for estate workers to purchase their first homes	RM50 juta/million	RM22.3 juta/million	294

² Berdasarkan agihan pembiayaan/Based on financing disbursed

TINJAUAN STRATEGIK

STRATEGIC OUTLOOK

Dalam aspek kewangan, pertumbuhan ketara dalam pinjaman dan sekuriti pelaburan menyumbang kepada prestasi kukuh lembaran imbalan lantas menghasilkan peningkatan dalam keuntungan dan pendapatan bersih.

On the financial front, the commendable growth in loan and investment securities contributed to a strong balance sheet performance resulting in better net income and profitability.



PECUTAN MOMENTUM PASCA PANDEMIK

BSN melangkah ke tahun 2022 dengan pandangan dan halatuju baharu, dengan inisiatif yang diperkemas merangkumi tiga teras strategik yang terkandung dalam Pelan Strategik Korporat 5-tahun kami, selari dengan keadaan ekonomi negara pasca pandemik. Teras-teras tersebut adalah Pemboleh Teknologi, Tumpuan ke atas Pelanggan, dan Kewarganegaraan Korporat yang berfungsi sebagai pemandu arah dalam menetapkan asas strategik Bank.

Daya tahan BSN terbukti menerusi pencapaian-pencapaiannya dalam pelbagai aspek. Dalam aspek kewangan, pertumbuhan ketara dalam pinjaman dan sekuriti pelaburan menyumbang kepada prestasi lembaran imbalan yang kukuh lantas menghasilkan peningkatan dalam keuntungan dan pendapatan bersih.

Pandemik telah merubah tingkahlaku dan jangkaan pelanggan dalam industri perbankan dengan ketara. Justeru, pelancaran Gudang Data Perusahaan membolehkan penggunaan data pelanggan bagi menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih khusus dan memenuhi keperluan mereka. Dengan bantuan analisis data dan kepintaran buatan, BSN boleh menawarkan saranan, tawaran, dan perkhidmatan khusus yang memenuhi keperluan pelanggan, disokong oleh perlindungan keselamatan siber yang berterusan. Ini sejajar dengan objektif menyediakan pengalaman pelanggan yang unggul secara konsisten bagi meningkatkan nilai pelanggan.

Dari segi mandat, BSN terus komited memberi perkhidmatan kepada golongan terpinggir. BSN secara proaktif menyalurkan perkhidmatan kewangan ke kawasan-kawasan luar bandar dan kepada usahawan mikro. Sebagai peneraju dalam MF, golongan usahawan baharu menerima manfaat daripada pelbagai skim mikro yang dilancarkan pada tahun lepas. Dalam usaha mendidik penabung kecil termasuk belia, BSN memberi tumpuan ke atas kumpulan pelajar kerana ia percaya bahawa kesejahteraan kewangan bermula dengan pendidikan pengurusan kewangan dari usia muda.

Melangkah ke tahun 2023, tumpuan adalah ke atas pengembangan Pendapatan Berasaskan Aset, Liabiliti, dan Yuran, disokong oleh inovasi produk yang mampan, usaha kerjasama, serta kempen-kempen strategik. Ini selari dengan transformasi IT dan Perbankan Digital selain peningkatan operasi bagi mencapai kedudukan berdaya saing.

ACCELERATING MOMENTUM POST PANDEMIC

Being mindful to the nation's state of economy and the aftermath of pandemic, BSN started 2022 with a fresh outlook and direction by aligning initiatives across three strategic thrusts outlined in the overall five year Corporate Strategic Plan. The identified thrusts of Technology Enablement, Customer Centricity and Corporate Citizenship function as the beacon in setting the strategic foundation of the Bank.

In totality, BSN has been resilient in its undertakings where this is evident in its achievements across all facets. On the financial front, the commendable growth in loan and investment securities contributed to a strong balance sheet performance resulting in better net income and profitability.

The pandemic has brought significant changes to customer behaviour and expectations in the banking industry. As such, with the newly launched Enterprise Data Warehouse, utilisation of customer data for a more personalised experience were made possible to suit customer needs. By leveraging on data analytics and artificial intelligence, BSN is able to offer personalised recommendations, offers, and services that meet customer needs supported by ongoing cyber security protection. This is in line with the aim of consistently delivering superior customer experience to enhance value to customers.

In the area of mandate, BSN has been continuously committed in its responsibility towards the unserved and underserved. BSN proactively champions financial services to rural areas as well as to micro entrepreneurs. Being a leader in MF, up and rising entrepreneurs has benefitted from the various micro schemes launched in the past year. Also, in carrying its mandated role to inculcate savings habit amongst the small savers that includes the young, BSN geared its focused on the student segment as the Bank believe that learning effective financial management from young will result in a lifetime of financial well-being.

Gliding into 2023, the gears are focused on the expansion of Asset, Liability and Fee Based Income with the support of unique and sustainable product innovation, collaborations and tactical campaigns. This goes hand in hand with a bullet proof IT and Digital Banking transformation as well as operations improvements to achieve competitive positioning.

PEMULIHAN DARIPADA KEMELESETAN PANDEMIK PADA 2022

Pada 2022, penyebaran COVID-19 tidak lagi menjadi kebimbangan di kebanyakan negara. Pembukaan semula ekonomi telah menyokong pemulihan pasca pandemik, dipacu oleh pelonggaran dalam kawalan pergerakan dan langkah-langkah pembendungan. Namun begitu, menurut anggaran IMF, pertumbuhan global perlahan kepada 3.4% pada 2022 akibat peningkatan inflasi, keadaan pasaran kewangan yang ketat di kebanyakan negara dan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine.

Malaysia mencatatkan pemulihan ekonomi yang kukuh pada 2022 sebanyak 8.7%, tahap tertinggi sejak tahun 2000, berbanding 3.1% pada 2021. Pembukaan semula ekonomi telah melonjakkan pertumbuhan KDNK berikutan normalisasi aktiviti perniagaan serta pengukuhan dalam permintaan domestik. Sektor perkhidmatan, pembuatan, dan perlombongan juga mengalami pertumbuhan, masing-masing pada 10.9%, 8.1%, dan 3.4%, hasil peningkatan dalam permintaan domestik.

Dalam sektor perbankan, pinjaman runcit meningkat 6.8% pada 2022, berbanding 4.9% pada 2021. Pembiayaan perumahan, pinjaman peribadi, sewa beli, dan kad kredit kekal kukuh, masing-masing merekodkan pertumbuhan tahun-ke-tahun sebanyak 6.9%, 2.8%, 7.4%, dan 14.9%, seperti dilaporkan dalam Buletin Statistik BNM. Angka-angka ini membuktikan daya tahan sektor perbankan Malaysia. Pinjaman keseluruhan di sektor perbankan juga meningkat 5.7% pada 2022 berbanding 4.6% pada 2021, menghampiri tahap pra-pandemik 6.2%.

Tekanan inflasi yang semakin meningkat menyebabkan BNM menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dengan kadar faedah kumulatif 100bps kepada 2.75% pada 2022, yang menandakan permulaan normalisasi kadar dasar. Kos kredit kekal tinggi di kala bank bersedia menghadapi kemungkinan kemerosotan kualiti aset menerusi pinjaman di bawah moratorium dan sebarang kemungkinan impak penggunaan akibat kenaikan kadar faedah. Nisbah pinjaman terjejas kasar (GIL) kekal sihat, walaupun sedikit tinggi pada 1.72% pada Disember 2022 (Disember 2021: 1.68%).

Pasaran hartanah kediaman menyaksikan peningkatan yang stabil pada 2022 ekoran beberapa inisiatif kerajaan serta peningkatan sentimen pembeli dan pemaju. Menurut laporan aktiviti pasaran hartanah NAPIC, volum transaksi hartanah melonjak 29.5% kepada 389,107 transaksi pada 2022, disokong oleh permintaan yang tinggi berikutan pembukaan semula sempadan Malaysia pada 2022. Pasaran hartanah kediaman merekodkan transaksi sebanyak 243,190 unit bernilai RM94.28 billion pada 2022. Ini menandakan peningkatan volum sebanyak 22.3% dan nilai sebanyak 22.6% berbanding 2021. Sementara itu, bekalan baharu hartanah kediaman yang baru dilancarkan beralih kepada segmen pasaran umum, dengan 44.3% hartanah berharga RM300,000 ke bawah (purata 2015-2019: 35.2%).

Sektor automatif Malaysia menunjukkan pemulihan yang kukuh pada 2022. Jumlah volum industri (TIV) mencatatkan pertumbuhan sebanyak 42% pada 2022 kepada 720,658 unit dan memecahkan rekod sebelumnya iaitu 666,598 unit pada 2015. Volum yang kukuh ini adalah hasil dari tamat tempoh pengecualian SST yang mendorong pelanggan untuk membuat tempahan lantas meningkatkan pengeluaran. TIV 2H22 adalah 17% lebih tinggi berbanding TIV 1H22, kerana syarikat-syarikat bergegas memenuhi tempahan pada 2H22, dibantu oleh rantaian bekalan yang semakin pulih.

RECOVERY FROM THE PANDEMIC RECESSION IN 2022

In 2022, the spread and severity of COVID-19 infection have been less of a concern in many countries. The economic reopening has supported post-pandemic recovery, further boosted by the absence of tight mobility and containment measures. Nonetheless, according to IMF estimates, global growth slowed to 3.4% in 2022, hampered by rising inflation, tightening financial conditions in most regions and Russia's invasion of Ukraine.

The Malaysian economy emerged with a strong recovery in 2022 by 8.7%, the highest level since 2000, against 3.1% in 2021. The full reopening of the economy led to a real GDP growth surge amid the normalisation of business activities, driven by stronger domestic demand. The services, manufacturing, and mining sectors all experienced growth, expanding by 10.9%, 8.1%, and 3.4% respectively, thanks to robust domestic demand.

In the banking sector, retail loan growth rose by 6.8% in 2022, up from 4.9% recorded in 2021. Mortgage, personal use, hire purchase and credit card lending remained robust, recording year-on-year growth of 6.9%, 2.8%, 7.4% and 14.9%, respectively, according to BNM's Statistical Bulletin. These figures testify to the overall resilience of the Malaysian banking sector. In addition, overall industry loan growth gathered momentum and rose 5.7% in 2022 from 4.6% in 2021, recovering close to pre-pandemic levels of 6.2%.

Rising inflationary pressure led BNM to raise its Overnight Policy Rate (OPR) by a cumulative interest rate of 100bps to 2.75% in 2022, marking the start of rate normalisation. Credit costs remained elevated as banks continued to pre-emptively provide for potential asset quality deterioration of loans under moratorium and ahead of any potential consumption impact from rising interest rates. The industry's gross impaired loans (GIL) ratio remained healthy, albeit marginally higher at 1.72% in Dec 2022 (Dec 2021: 1.68%).

The residential property market saw a steady improvement in 2022, led by several initiatives by the government and improvements in sentiment among buyers and developers. According to the NAPIC's property market activity, the transaction volume of properties jumped by 29.5% to 389,107 transactions in 2022, supported by pent-up demand following the reopening of Malaysia's borders in 2022. The residential properties market recorded 243,190 units worth RM94.28 billion transactions in 2022. This marked an increase of 22.3% in volume and 22.6% in value compared to 2021. Meanwhile, the incoming supply of newly launched residential properties shifted towards the mass market segment, with 44.3% of properties priced at RM300,000 and below (2015-2019 average: 35.2%).

Malaysia's automotive sector rebounded strongly in 2022. Total industry volume (TIV) registered a growth of 42% in 2022 and came in at 720,658 units, breaking the previous record of 666,598 units in 2015. The strong volume is primarily a result of the expiry of the SST exemption, which prompted customers to rush to place orders and improved production. Notably, 2H22 TIV was 17% higher than 1H22 TIV, as companies rushed to deliver the orders in 2H22, aided by the recovering supply chain.

TINJAUAN STRATEGIK

STRATEGIC OUTLOOK



Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar sederhana

4.0% hingga **5.0%**
dipacu oleh permintaan domestik.

Despite the external headwinds, Malaysian economic growth is expected to expand at a more moderate pace by

4.0% to **5.0%**
driven primarily by domestic demand.

PANDANGAN OPTIMISTIK DENGAN BERHATI-HATI PADA 2023

Pertumbuhan global dijangka menurun susulan ketidakpastian sektor kewangan, pengetatan dasar monetari, peningkatan tekanan inflasi, serta konflik berterusan Rusia-Ukraine, di mana IMF mengunjurkan penurunan sebanyak 2.8% pada 2023. Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar sederhana sebanyak 4.0% hingga 5.0%, yang dipacu oleh permintaan domestik. Perbelanjaan isi rumah pula akan disokong oleh pemulihan berterusan dalam pasaran buruh dan prospek pendapatan.

Penggunaan swasta mewakili 60% daripada KDNK Malaysia dan dijangka kekal berdaya tahan pada 2023 pada 6.1%. Perbelanjaan pelanggan akan berteraskan kepada tiga faktor utama iaitu kestabilan pasaran buruh, peningkatan pendapatan keseluruhan yang disokong oleh sektor perkhidmatan yang rancak, serta sokongan dasar yang berterusan oleh kerajaan. Selain itu, dasar kerajaan seperti peningkatan gaji minimum, liputan kelayakan gaji lebih masa, serta program pemindahan wang tunai dijangka akan terus menyokong pendapatan isi rumah.

Pelaburan swasta juga diunjur berkembang sebanyak 5.8%, walaupun lebih perlahan. Realisasi pelaburan baharu dan berterusan dalam projek-projek infrastruktur utama akan menyokong pertumbuhan. Semua sektor dijangka berkembang pada kadar sederhana, diterajui oleh sub-sektor pengguna dan pelancongan pada 2023. Pembukaan semula sempadan antarabangsa China akan melonjakkan penggunaan domestik, lantas memberi manfaat kepada sektor pengguna. Langkah-langkah seperti pengurangan cukai pendapatan serta bantuan kewangan untuk kumpulan B40 dan M40 yang terkandung dalam Belanjawan 2023 dijangka akan menyokong sektor pengguna di kala kos sara hidup meningkat.

Inflasi dijangka menyederhana, dipacu oleh harga komoditi utama yang lebih rendah pada 2023. Inflasi utama dan teras diunjurkan pada 2.8% dan 3.8% pada 2023. Bagaimanapun, prospek inflasi pada 2023 kekal ke arah positif. Risiko-risiko termasuk perubahan dalam dasar subsidi dan kawalan harga, keruncingan pergolakan geopolitik yang mengakibatkan kenaikan harga komoditi, keadaan cuaca melampau, permintaan melangkaui jangkaan daripada China, serta kos input yang lebih tinggi ekoran perkembangan kadar pertukaran.

CAUTIOUSLY OPTIMISTIC OUTLOOK IN 2023

Global growth is expected to decelerate amid financial sector turmoil, tightening of monetary policy, rising inflation pressure, and ongoing Russia-Ukraine conflicts, with the IMF forecasting 2023 growth to ease to 2.8%. However, despite the external headwinds, Malaysian economic growth is expected to expand at a more moderate pace by 4.0% to 5.0%, driven primarily by domestic demand, while household spending will be supported by the continued recovery in the labour market and income prospects.

Private consumption accounts for 60% of Malaysia's GDP and is envisaged to remain resilient in 2023 at 6.1%. Consumer spending would be anchored by three key factors, namely stable labour market conditions, improvement in overall incomes supported by a vibrant services sector, and continuous policy support by the government. In addition, government policy measures such as an increase in the minimum wage, coverage of employees entitled for overtime pay, and cash transfer programmes are expected to further support household income.

Similarly, private investment is projected to expand by 5.8%, albeit slower. The realisation of new and ongoing investment in key infrastructure projects will support growth. All sectors are anticipated to grow modestly, led by the consumer and tourism subsectors in 2023. The recovery of tourist footfalls due to the reopening of China's international border will boost domestic consumption, benefiting the consumer sector. In addition, measures such as income tax reduction and financial assistance aimed at B40 and M40 in Budget 2023 are expected to be instrumental in supporting the consumer sector during the rising cost of living.

Inflation is expected to moderate, driven by the lower prices of key commodities in 2023. Both headline and core inflation are projected to average between 2.8% and 3.8% in 2023. However, the outlook for inflation in 2023 remains tilted to the upside. Upside risks include changes in subsidy policy and price controls, intensifying geopolitical turmoil leading to higher commodity prices, extreme weather conditions, stronger than-expected demand from China and higher input costs due to exchange rate developments.

Dalam sektor hartanah, momentum jualan hartanah dijangka kekal pada 2023. Penganalisis kekal yakin terhadap pemaju yang menyasarkan hartanah pasaran pertengahan dan mampu milik berikutan minat belian yang kukuh dalam persekitaran kadar faedah yang semakin normal. Keyakinan terhadap pasaran hartanah semakin meningkat dalam kalangan ramai pemaju berdasarkan pelan pelancaran dan sasaran jualan mereka yang agresif. Hal ini terbukti seperti yang dilaporkan dalam data bulanan BNM: sejak 2H20, permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah telah meningkat, yang mungkin disebabkan oleh peningkatan simpanan di mana kecairan yang mencukupi disalurkan untuk pembelian hartanah. Dengan persekitaran luaran yang tidak menentu, prestasi pasaran hartanah dijangka meningkat selari dengan pertumbuhan ekonomi yang diramalkan lebih rendah pada 2023. Walau bagaimanapun, sektor hartanah dijangka meraih manfaat daripada dasar yang akomodatif, sokongan berterusan daripada kerajaan, pelaksanaan efektif kesemua pelan-pelan yang digariskan dalam semakan semula Belanjawan 2023, serta pelaksanaan strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif di bawah RMK-12.

Persatuan Automotif Malaysia (MAA) meramalkan jualan kenderaan yang lebih rendah dengan jumlah volum industri (TIV) menurun kepada 650,000 unit pada 2023 selepas melangkaui 700,000 unit pada 2022 ekoran tamat tempoh pengecualian cukai jualan dan kadar faedah yang lebih tinggi daripada jangkaan. Namun begitu, pengenalan beberapa model baharu dengan teknologi terkini serta pelbagai kenderaan elektrik pada harga mampu milik dan kompetitif akan menarik dan mengekalkan minat pembeli. Sementara itu, risiko kritikal dan cabaran-cabaran yang dihadapi industri automotif kekal berterusan seperti kekurangan cip semikonduktor, ketidaktentuan geopolitik, serta kemungkinan kemunculan semula kes-kes COVID-19 di seluruh dunia yang boleh menjejaskan jualan kenderaan baharu serta momentum pertumbuhan ekonomi.

Pasaran buruh dijangka terus kukuh pada 2023, disokong oleh momentum ekonomi domestik yang positif serta pengembangan sederhana sektor luaran. Kadar pengangguran di Malaysia dijangka terus menurun kepada 3.5% pada 2023 dan seterusnya kembali ke tahap pra-pandemik pada 3.3% pada 2024. Selain itu, kerajaan menjangkakan bahawa momentum pemulihan pasca pandemik akan berterusan dan semua sektor ekonomi akan terus berkembang, lantas memerlukan lebih ramai pekerja.

Melangkah ke tahun 2023, ekonomi Malaysia dijangka akan bertumbuh sederhana. Sistem perbankan dijangka kekal stabil dan mencatatkan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi, yang dipacu oleh permintaan perniagaan dan pelanggan. Selain itu, peningkatan pasaran buruh dijangka akan membantu pasaran domestik untuk kekal berdaya tahan pada 2023, selain beberapa faktor lain. Walau bagaimanapun, risiko ke atas ekonomi domestik kekal, khususnya akibat pertumbuhan global yang lemah, kemunculan semula gangguan rantaian bekalan, dan keadaan kewangan global yang tidak menentu.

On the property sector, the property sales momentum is expected to sustain in 2023. Analysts remain upbeat on developers targeting mid-market and affordable properties as buying interest is strong amid a normalising interest rate environment. Indeed, many developers are turning more confident in the property market based on their aggressive pipeline of launches and sales targets. This is also evident in BNM's monthly data: since 2H20, household loan applications and approvals have increased, probably due to the accumulation of savings where the spared liquidity has been channelled towards property purchases. Given the unpredictable external environment, the property market performance is expected to grow in line with the moderately lower economic growth projected for 2023. Even with this, the property sector is expected to benefit from accommodating policies, ongoing government support, effective implementation of all planned measures outlined in the revised Budget 2023, and proper implementation of strategies and initiatives under RMK-12.

The Malaysian Automotive Association (MAA) forecasts lower vehicle sales with total industry volume (TIV) to decrease to 650,000 units in 2023 after surpassing the 700,000 mark in 2022 due to the expiration of the sales tax exemption and higher than-expected interest rate. However, the introduction of various new models with the latest technology advancements and many new electric vehicles at affordable and competitive prices will entice and sustain buying interest among consumers. Meanwhile, the critical risk and challenges surrounding the automotive industry continue, such as shortage of semiconductors chips, uncertainties in geopolitical tension and the possible resurgence of COVID-19 cases worldwide which may affect the sales of new vehicles and economic growth momentum.

The labour market is likely to strengthen further in 2023, supported by continued positive domestic economic momentum and modest external sector expansion. Malaysia's unemployment rate is expected to decline further to 3.5% in 2023 and return to pre-pandemic levels at 3.3% in 2024. In addition, the government anticipates the post-pandemic recovery momentum to continue and all economic sectors to expand further, demanding more workers.

Looking into 2023, the Malaysian economy is expected to grow moderately. In addition, the banking system is expected to remain stable and to record higher loan growth, driven by demand from both businesses and consumers. Besides that, the improvement in labour conditions is expected to help domestic market to remain resilient in 2023, besides other factors. However, downside risk to the domestic economy remains, stemming mainly from weaker world growth, re-emergence of supply chain disruptions and volatile global financial conditions.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

1 29 Januari 2022/29 January 2022

Program BSN Komuniti Mikro dan Kemudahan Perbankan di Sg. Lembing, Balai Polis Sg. Lembing, Pahang

Program BSN Komuniti Mikro dan Kemudahan Perbankan di Sg. Lembing telah diadakan bagi memberi manfaat kepada penduduk daripada 8 buah kampung di sekitar kawasan tersebut. Selain membuka kaunter dan membuat penyerahan sumbangan kepada penduduk setempat, BSN turut menawarkan perkhidmatan Mesin Teler Automatik (ATM) yang merupakan satu-satunya ATM di Sg. Lembing. Sebelum ini, para penduduk perlu melakukan urusan pengeluaran duit dan transaksi perbankan lain di Kuantan yang mengambil jarak sehingga 50 kilometer.

Turut diadakan di majlis tersebut adalah penyerahan sumbangan kotak makanan bernilai RM100 kepada 180 keluarga terjejas akibat banjir di bawah program BSN Care.

BSN Micro Community and Banking Facility Programme at Sg. Lembing, Balai Polis Sg. Lembing, Pahang

This programme was held to benefit the constituents of 8 villages within the area. On top of opening a counter and handing over donations to the constituents, BSN also provides the sole Automated Teller Machine (ATM) in Sg. Lembing. Prior to this, the constituents had to journey 50 kilometers to withdraw money and perform other banking transactions in Kuantan.

Under the BSN Care programme, the ceremony also saw the handing over of food boxes worth RM100 each to 180 families affected by floods.



2 4 April 2022/4 April 2022



Majlis Pelancaran BSN Dana Wakaf, Al-Ikhlas, Auditorium Wisma BSN, Kuala Lumpur

Permodalan Bank Simpanan Nasional Berhad (PBSN), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh BSN dengan kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) melancarkan produk wakaf tunai 'BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas' yang memberi peluang kepada orang ramai melabur sambil beramal. Melalui produk berkenaan, pelabur berpeluang menyumbang separuh atau 50 peratus daripada jumlah agihan pendapatan dalam inisiatif wakaf tertentu. Pelancaran produk ini bertujuan menyemarakkan lagi amalan berwakaf khususnya dalam kalangan pelabur dan dapat dimanfaatkan untuk pembangunan sosio-ekonomi ummah. Produk ini turut ditawarkan di cawangan-cawangan BSN seluruh Malaysia.

Launching of BSN Dana Wakaf, Al-Ikhlas, Auditorium Wisma BSN, Kuala Lumpur

Permodalan Bank Simpanan Nasional Berhad (PBSN), a unit trust management company wholly owned by BSN, had launched, in collaboration with Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), a cash waqf product 'BSN Dana Waqf Al-Ikhlas' which enables the general public the opportunity to invest while contributing to charity. Through this product, investors can contribute half or 50 percent of the total income distribution within certain waqf initiatives. The launch of this product is aimed at boosting the practice of waqf especially among investors for the benefit of the ummah's socio-economic development. This product is also offered at BSN branches throughout Malaysia.



3 7, 11, 14 & 21 April 2022/7, 11, 14 & 21 April 2022



BSN Care Ramadan/Raya Program – “Geng Rider Berbuka Apa Tu?” Bersama foodpanda, seluruh Malaysia

BSN menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), BSN Care bekerjasama dengan foodpanda Malaysia Sdn. Bhd. bersempena bulan Ramadan dengan berkongsi rezeki bersama komuniti penghantar makanan melalui program ‘Geng Rider, Berbuka Apa tu?’. Sebanyak 7,800 pek juadah berbuka puasa telah diedarkan kepada penghantar makanan foodpanda di seluruh Malaysia. Melalui program ini, BSN dapat sedikit sebanyak memudahkan urusan berbuka puasa serta memberi keceriaan kepada mereka dalam bulan Ramadan.

BSN Care Ramadan/Raya Programme – “Geng Rider Berbuka Apa Tu?” With foodpanda, throughout Malaysia

BSN via its Corporate Social Responsibility (CSR) initiative, i.e., BSN Care collaborated with foodpanda Malaysia Sdn Bhd for the month of Ramadan in the ‘Geng Rider, Berbuka Apa tu?’ programme. A total of 7,800 ‘buka puasa’ packs were distributed to foodpanda riders throughout Malaysia. Through this programme, BSN had managed to help the riders in breaking their fast on top of bringing joy to their Ramadan.

4 12-16 Mei 2022/12-16 May 2022



Festival Hari Guru Peringkat Kebangsaan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan

BSN terus menghargai golongan pendidik negara dengan menjadi penaja utama sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 2022. Sebanyak RM180,000 telah ditaja oleh BSN sebagai hadiah utama di peringkat kebangsaan dan peringkat negeri yang telah diadakan pada 17 Mei 2022 bertempat di Universiti Malaysia Kelantan.

National Teacher’s Day Festival, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan

BSN continues to show appreciation to the nation’s educators by becoming the main sponsor of the National Teacher’s Day Celebration in 2022. BSN had sponsored RM180,000 as the main prize for the national and state level celebrations held on 17 May 2022 at Universiti Malaysia Kelantan.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

5 9 Jun 2022/9 June 2022

Majlis Anugerah BSN SGSP 2021, Palm Garden Hotel, Putrajaya

BSN terus menyokong hasrat kerajaan dalam membentuk masyarakat celik kewangan melalui program 'Skim Galakan Simpanan Pelajar' (SGSP). Seramai 206 pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia telah diraikan di Majlis Anugerah BSN SGSP bagi tahun 2021 serta membawa pulang hadiah berjumlah RM295,400. Hadiah tersebut telah disampaikan oleh YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Bin Md Jidin, Menteri Pendidikan Malaysia diiringi oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN.

BSN SGSP Award Ceremony 2021, Palm Garden Hotel, Putrajaya

BSN continues to support the government's objective of developing a financially literate society via the 'Skim Galakan Simpanan Pelajar' (SGSP) programme. A total of 206 primary and secondary school students in Malaysia were celebrated at the BSN SGSP Award Ceremony for 2021 and of whom brought home prizes worth RM295,400. The prizes were presented by YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Bin Md Jidin, the Minister of Education, accompanied by Encik Jay Khairil, Chief Executive of BSN.

6 24-25 Jun 2022/24-25 June 2022

Hari Terbuka Kementerian Kewangan Bersama Pelanggan, Dewan Besar, Paya Besar, Pahang

BSN serta agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan telah menyertai Hari Terbuka Kementerian Kewangan yang diadakan di Paya Besar, Kuantan, Pahang. Para pengunjung turut berpeluang untuk mendapatkan maklumat berkaitan kewangan dan produk-produk BSN termasuklah nasihat kewangan, kaunseling, permohonan pembiayaan, semakan dan banyak lagi.

Ministry of Finance Open Day, Dewan Besar, Paya Besar, Pahang

BSN and agencies under the Ministry of Finance participated in the Ministry of Finance Open Day held at Paya Besar, Kuantan, Pahang. Visitors to the event were able to obtain information about BSN's products including financial advice, counselling, financing application, reviews and many more.



7 7 Julai 2022/7 July 2022



Perlawanan Bola Sepak Persahabatan antara BSN dan Kementerian Pendidikan Malaysia, Stadium Pusat Pembelajaran BSN Bangi, Selangor

BSN dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengadakan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan bagi mempereratkan lagi jalinan kerjasama yang telah terjalin. YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Bin Md Jidin, Menteri Pendidikan Malaysia telah mengetuai barisan pemain bola sepak KPM manakala Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN pula mengetuai barisan pemain bola sepak BSN.

Friendly Football Tournament between BSN and the Ministry of Education Malaysia, Stadium Pusat Pembelajaran BSN Bangi, Selangor

BSN and the Ministry of Education (KPM) held a Friendly Football Tournament to foster a closer partnership. YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Bin Md Jidin, the Minister of Education, led the football team for KPM while Encik Mujibburrahman Abd Rashid, BSN Chief Business Officer led the team for BSN.

8 1 Ogos 2022/1 August 2022

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara pihak BSN dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Hotel W, Kuala Lumpur

BSN dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memeterai 'Memorandum Persefahaman (MoU) Panel Kemudahan Pembiayaan Perumahan' melalui Skim Penyumberluaran (Outsourcing) Pembiayaan Perumahan khas untuk kakitangan SSM. MoU tersebut telah ditandatangani oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN dan Yang Berbahagia Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

Melalui jalinan kerjasama ini, kakitangan SSM dapat menikmati skim pembiayaan perumahan yang menarik seperti margin pembiayaan 110% termasuk yuran guaman dan yuran penilaian, kadar pembiayaan rendah berserta subsidi.

Signing of a Memorandum of Understanding between BSN and the Companies Commission of Malaysia (SSM), Hotel W, Kuala Lumpur

BSN and the Companies Commission of Malaysia (SSM) signed a Memorandum of Understanding (MoU) for the Home Financing Facility Panel via the Home Financing Outsourcing Scheme for the employees of SSM. The MoU was signed by Encik Jay Khairil, Chief Executive of BSN and Yang Berbahagia Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Chief Executive Officer of SSM.

Through this partnership, SSM employees would be able to enjoy attractive home financing schemes including a 110% financing margin inclusive of legal fees and valuation fees, low financing rates, and subsidies.



9 26 Ogos 2022/26 August 2022

Tayangan Filem Mat Kilau, seluruh Malaysia

Sempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke 65, BSN telah mengadakan program menonton tayangan filem patriotik – Mat Kilau bersama kakitangannya. Tayangan serentak di seluruh Malaysia ini telah disertai oleh 1,336 warga BSN.

Screening of Mat Kilau, throughout Malaysia

In conjunction with the 65th National Day Celebration, BSN held a screening of the patriotic movie, Mat Kilau, for its employees. The simultaneous screening throughout Malaysia was attended by 1,336 BSN employees.

10 30 Ogos 2022/30 August 2022



Majlis Memorandum Persefahaman BSN MulaNiaga bersama TERAS, Hotel Perdana, Kuala Lumpur

BSN dan Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) telah berkolaborasi bagi program melibatkan usahawan mikro. Tujuan program BSN MulaNiaga ini adalah untuk memperkasakan usahawan mikro dan meningkatkan kemampuan ekonomi dalam kalangan asnaf dan B40. Bagi program ini, peserta menerima bantuan geran serta latihan-latihan keusahawanan sepenuhnya daripada BSN. Semoga usaha ini dapat membantu semua peserta membina kehidupan yang lebih baik.

Memorandum of Understanding Ceremony between BSN MulaNiaga and TERAS, Hotel Perdana, Kuala Lumpur

BSN and Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) collaborated in a programme for micro entrepreneurs. The BSN MulaNiaga programme aims at empowering micro entrepreneurs and elevating the economic capability of the asnaf and B40 segment. The programme participants received aid in the form of grants and training fully provided by BSN, with the hopes that they would be able to build a better life.

LAPORAN AKTIVITI
ACTIVITY REPORT

11 1 September 2022/1 September 2022

**BSN Hulur Bantuan Kotak Makanan Kepada Komuniti
Memerlukan, Gua Musang, Kelantan**

BSN menerusi jenama Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), BSN Care telah menyumbang sejumlah 183 kotak makanan kepada komuniti di Kuala Lah dan Tokong Swee Nyet Kampung Pulai, Gua Musang. Sumbangan ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan I dan Fazli Ibrahim, pemangku Pengarah Negeri BSN Kelantan. Kotak makanan tersebut bernilai RM100 setiap satu, mengandungi bahan makanan termasuk beras, minyak masak, gula, makanan dalam tin serta biskut.

**BSN Contributes Food Box to Disadvantaged Community,
Gua Musang, Kelantan**

BSN through its Corporate Social Responsibility (CSR) initiative, BSN Care, contributed 183 food boxes to the community in Kuala Lah and Tokong Swee Nyet Kampung Pulai, Gua Musang. The contributions were presented by YB Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah, Deputy Finance Minister I and Fazli Ibrahim, acting State Director for BSN Kelantan. The food box was worth RM100 each, containing rice, cooking oil, sugar, canned food, and biscuits.

12 3 September 2022/3 September 2022

**Majlis Memorandum Persefahaman antara BSN
Bersama Elokai Sdn Bhd Desamall@KPLB, Stadium
Darul Aman, Kedah**

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) telah diadakan antara Elokai Sdn Bhd bersama rakan strategik termasuk BSN. MoU ini disaksikan oleh YB Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Kerjasama ini merupakan inisiatif memperkasakan usahawan luar bandar supaya seiring dengan pemasaran globalisasi, bertepatan dengan mandat BSN untuk memperkasakan rangkuman kewangan dengan menyediakan perkhidmatan perbankan kepada masyarakat di luar bandar.

**Memorandum of Understanding Ceremony between
BSN and Elokai Sdn Bhd Desamall @ KPLB,
Stadium Darul Aman, Kedah**

A memorandum of understanding (MoU) was signed between Elokai Sdn Bhd and its strategic partners including BSN. The ceremony was witnessed by YB Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid, Minister of Rural Development.

The partnership is an initiative to empower rural entrepreneurs to keep up with global marketing, consistent with BSN's mandate to empower financial inclusivity by providing banking services to rural communities.

13 29 September 2022/29 September 2022

Majlis Menandatangani Kerjasama Strategik antara BSN dan Takaful Ikhlas, Hotel W, Kuala Lumpur

BSN dan Takaful Ikhlas, anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad melancarkan kerjasama strategik bancatakaful lima (5) tahun untuk memacu penyelesaian kewangan Islam kepada masyarakat. Kerjasama strategik ini dilancarkan oleh Dato' Rudy Rodzila Che Lamin, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas General Berhad dan Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN.

Strategic Partnership Signing Ceremony between BSN and Takaful Ikhlas, Hotel W, Kuala Lumpur

BSN and Takaful Ikhlas, a full subsidiary of MNRB Holdings Berhad launched a strategic five (5) year bancatakaful partnership to drive Islamic financial solutions. The strategic partnership was officiated by Dato' Rudy Rodzila Che Lamin, President & Chief Executive Officer of Takaful Ikhlas General Berhad and Encik Jay Khairil, Chief Executive of BSN.



14 17 Oktober 2022/17 October 2022



Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bulanan BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP), Auto Bavaria, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

Majlis penyampaian hadiah bagi para pemenang Cabutan Bulanan BSN SSP 2022 yang memenangi kereta mewah BMW 320-i M Sport (2022) Runout Edition telah diadakan. Majlis dihadiri oleh Encik Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN; Mr Chin Hsu Yee, Ketua Operasi Auto Bavaria; Rudy Ng, Ketua Jualan Korporat Malaysia, BMW Malaysia; Encik Mujibburrahman Abdul Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN dan 4 orang pemenang dari Kedah, Selangor, Kuala Lumpur dan Sarawak.

Prize Giving Ceremony for BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) Monthly Draw, Auto Bavaria, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

This ceremony was held for the winners of the luxury car BMW 320-i M Sport (2022) Runout Edition. The ceremony was attended by Encik Jay Khairil, Chief Executive of BSN; Mr Chin Hsu Yee, Chief of Operations for Auto Bavaria; Rudy Ng, Head of Corporate Sales Malaysia, BMW Malaysia; Encik Mujibburrahman Abdul Rashid, Chief Business Officer of BSN, and the 4 winners from Kedah, Selangor, Kuala Lumpur and Sarawak.

15 Oktober - November 2022/October - November 2022

Jelajah Celik Kewangan, seluruh Malaysia

Program ini melibatkan penyertaan daripada 44 buah sekolah dan hampir 10,000 pelajar dari seluruh Malaysia. Program ini turut mendapat kelulusan dan pengiktirafan pemarkahan 'Khidmat Sumbang' (Peringkat Sekolah) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekaligus melayakkan murid-murid yang terlibat mendapat markah 'Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan, & Kokurikulum' (PAJSK).

Antara aktiviti yang dianjurkan termasuklah Celik Kewangan berdasarkan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM), Kuiz Celik Kewangan dan juga pembukaan kaunter promosi BSN. Semoga program tersebut dapat memberi manfaat kepada murid-murid yang mengambil bahagian terutamanya dalam pengurusan kewangan harian mereka.

Financial Literacy Roadshow, throughout Malaysia

This programme was participated by 44 schools and approximately 10,000 students from all over Malaysia. The programme was also approved and acknowledged as 'Khidmat Sumbang' (School Level) by the Ministry of Education Malaysia (KPM), hence qualifying the participating students to attain scores for 'Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan, & Kokurikulum' (PAJSK).

Among the activities held are Financial Literacy based on the guidelines of Bank Negara Malaysia (BNM), Financial Literacy Quiz, and the opening of BSN's promotional counters. It is hoped that the programme had been beneficial for the participating students especially for their daily financial management.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

16

15 Oktober 2022/15 October 2022

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BSN dan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAKK), Kuala Selangor, Selangor

Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAKK) menerusi BSN telah menghulurkan bantuan berjumlah lebih RM100,000 kepada penduduk di Kuala Selangor melalui program Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR).

Program ini telah dikelolakan oleh BSN selaku tuan rumah bagi tahun 2022 dan telah dihadiri oleh YB. Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia; Yang Bahagia Datin Rashidah Binti Mohd Sies, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan); Jay Khairil, Ketua Eksekutif BSN; ketua-ketua agensi serta Jawatankuasa MKSAKK yang lain.

Melalui program ini, sumbangan berjumlah RM28,500 daripada MKSAKK telah diserahkan kepada salah seorang penduduk di Tanjong Keramat, Kuala Selangor bagi membiayai kos membaiki pulih rumahnya. BSN juga telah menyerahkan sumbangan tambahan sebanyak RM15,500 bagi tujuan yang sama.

Selain itu, program CSR MKSAKK turut membiayai kos membaiki kerosakan gelanggang futsal di Arena Pasir Tuntong berjumlah RM24,000 serta bantuan wang tunai kepada 100 orang penerima B40 di Kuala Selangor, masing-masing menerima wang tunai RM300 setiap seorang.

BSN's Corporate Social Responsibility (CSR) Programme with Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAKK), Kuala Selangor, Selangor

Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAKK) through BSN contributed more than RM100,000 to the constituents of Kuala Selangor through its CSR programme.

This programme was organised by BSN as the host for 2022, and was attended by YB. Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz, Minister of Finance Malaysia; Yang Bahagia Datin Rashidah Binti Mohd Sies, Deputy Secretary General of Treasury (Management); Jay Khairil, Chief Executive BSN; agency heads and other MKSAKK committees.

Through this programme, a contribution amounting to RM28,500 from MKSAKK was presented to one of the constituents of Tanjong Keramat, Kuala Selangor to finance the cost of his house repair. BSN contributed an additional RM15,500 for the same purpose.

The MKSAKK CSR programme also financed the cost for repairing damages to the futsal court at Arena Pasir Tuntong totaling RM24,000 and contributed cash aid of RM300 each to 100 B40 recipients in Kuala Selangor.



17

8 November 2022/8 November 2022



Majlis Perjanjian Kerjasama antara BSN dan Felda Travel Sdn Bhd (Felda Travel), Hotel Concorde, Kuala Lumpur

BSN dan FGV Holdings Berhad (FGV), melalui anak syarikatnya, Felda Travel Sdn Bhd (Felda Travel) telah memeterai perjanjian kerjasama untuk melancarkan fasiliti pembiayaan peribadi patuh syariah baharu, untuk tujuan Umrah, Haji dan pakej pelancongan.

Perjanjian kerjasama itu ditandatangani oleh Amirul Hadi Azlan, Ketua Pegawai Eksekutif Felda Travel dan Norainah Mohamad Zakuan, Ketua Perbankan Runcit BSN. Majlis tersebut disaksikan oleh Azman Ahmad, Pengarah Bahagian Logistik & Perniagaan Sokongan Kumpulan FGV, dan Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN.

Partnership Agreement Signing Ceremony between BSN and Felda Travel Sdn Bhd (Felda Travel), Hotel Concorde, Kuala Lumpur

BSN and FGV Holdings Berhad (FGV), through its subsidiary, Felda Travel Sdn Bhd (Felda Travel) signed a partnership agreement to launch a new Shariah-compliant personal financing facility for the purpose of Umrah, Hajj and travel package.

The partnership agreement was signed by Amirul Hadi Azlan, Chief Executive Officer of Felda Travel and Norainah Mohamad Zakuan, Head of Retail Banking for BSN. The ceremony was witnessed by Azman Ahmad, Director of Logistics & Business Support for the FGV Group, and Mujibburrahman Abd Rashid, Chief Business Officer of BSN.

18

22 November 2022/22 November 2022

Majlis Jalinan Kerjasama antara BSN dan Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd, Perdana Hotel, Kuala Lumpur

BSN dan Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd telah memeterai perjanjian kerjasama bagi melancarkan pakej pembiayaan peribadi patuh syariah untuk tujuan ibadah Haji, Umrah dan Ziarah. Pakej pembiayaan peribadi ini bertujuan untuk membantu pelanggan BSN yang berkemampuan serta mengalakkan golongan muda menunaikan haji dan umrah pada usia muda.

Perjanjian kerjasama itu ditandatangani oleh Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN dan Hajah Ida Riswana Binti Idris, Pengarah dan Penasihat Undang-Undang Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd. Sementara itu, Norainah Mohamad Zakuan, Ketua Perbankan Runcit BSN dan Ustaz Dato' Haji Md Daud Bin Che Ngah, Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd pula menandatangani perjanjian kerjasama tersebut selaku saksi. Turut hadir dan menyaksikan upacara perjanjian kerjasama ini ialah YB Senator Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Partnership Agreement Ceremony between BSN and Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd, Perdana Hotel, Kuala Lumpur

BSN and Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd signed a partnership agreement initiating the launch of a Shariah-compliant personal financing package for the purpose of Hajj, Umrah and Ziarah. This package is aimed at helping BSN customers who are capable and the youths to perform their hajj and umrah.

The agreement was signed by Mujibburrahman Abd Rashid, Chief Business Officer of BSN and Hajah Ida Riswana Binti Idris, Director and Legal Advisor of Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd. Meanwhile, Norainah Mohamad Zakuan, Head of Retail Banking for BSN and Ustaz Dato' Haji Md Daud Bin Che Ngah, Executive Chairman of Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd signed the agreement as witnesses. Also in attendance was YB Senator Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.



LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

19 Sepanjang Tahun 2022/Throughout the Year 2022



Majlis Cabutan BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) 2022

Sejak ganjaran RM1 juta BSN SSP diperkenalkan sehingga Disember 2022, BSN telah melahirkan 83 orang jutawan daripada seluruh Malaysia. Selepas 45 tahun pengenalnya, produk ini terus mendapat sambutan positif daripada rakyat Malaysia dengan jumlah simpanan direkodkan hampir RM5 bilion sehingga Disember 2022.

Secara keseluruhannya, sebanyak tujuh (7) kategori ditawarkan tahun 2022 berbanding hanya enam (6) kategori pada tahun 2021. Ini adalah komitmen berterusan BSN untuk menggalakkan rakyat Malaysia menyimpan termasuklah kategori Cabutan Istimewa yang mana pemenang berpeluang membawa pulang BSN SSP RM1 juta setiap bulan. BSN SSP turut menawarkan kebaikan 3 dalam 1; menyimpan, menang hadiah dan peroleh kadar keuntungan simpanan menarik sehingga 1.9% setahun melalui BSN SSP Special Edition (BSN SSP SE).

BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) 2022 Prize Drawing Ceremony

Since the introduction of the RM1 million BSN SSP until December 2022, BSN had produced 83 millionaires all over Malaysia. After 45 years since its introduction, this product continues to gain positive reception from Malaysians with total recorded savings of almost RM5 billion as at December 2022.

In general, seven (7) categories were offered in 2022 compared to only six (6) in 2021. This exemplifies BSN's unwavering commitment in encouraging the savings habit among Malaysians. The monthly Special Draw category enables the winner to bring home a BSN SSP of RM1 million. BSN SSP also offers a 3-in-1 benefit: saving, winning, and attaining a savings profit rate of up to 1.9% per annum through the BSN SSP Special Edition (BSN SSP SE).

20 Sepanjang Tahun 2022/Throughout the Year 2022

Jelajah Bajet 2023 bersama Kementerian Kewangan Malaysia

BSN terus menyokong program anjuran kerajaan termasuklah Program Jelajah #Bajet2023. Program ini telah berjaya dijalankan di beberapa buah negeri termasuklah di Sabah, Perak, Pulau Pinang dan Kelantan.

BSN memberikan kerjasama sepanjang pengendalian program tersebut serta memberikan komitmen penuh dalam memastikan program berjalan dengan lancar. Program ini turut berjaya menerima input dan maklum balas daripada pihak berkepentingan dalam penyediaan #Bajet2023.

2023 Budget Roadshow with the Ministry of Finance Malaysia

BSN continues to support government-led programmes including the #Bajet2023 Roadshow Programme which was successfully held in several states including Sabah, Perak, Pulau Pinang and Kelantan.

BSN gave its full cooperation and commitment throughout the programme, which received positive input and feedbacks from the stakeholders in the preparation of #Bajet2023.

21 Sepanjang Tahun 2022/Throughout the Year 2022

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia merupakan satu lagi karnival anjuran kerajaan yang diadakan di seluruh negara sepanjang tahun 2022. Karnival yang melibatkan agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan ini turut disertai oleh BSN. Para pengunjung berpeluang untuk mendapatkan maklumat berkaitan kewangan termasuklah nasihat kewangan, kaunseling, permohonan pembiayaan, semakan dan banyak lagi.

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia

The 'Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia' programme is a carnival organised by the government and held nationwide throughout 2022. It was participated by agencies under the Ministry of Finance, including BSN. Visitors to the carnival were able to obtain financial-related information including financial advice, counselling, financing application, reviews, and many others.

BSN CARE

BSN CARE



PENDIDIKAN/EDUCATION

INISIATIF PENDIDIKAN

Bank Simpanan Nasional (BSN) menerusi BSN Care telah menyumbangkan lebih daripada RM130,000 di bawah teras Pendidikan bagi menyokong badan bukan kerajaan (NGO), sekolah, dan organisasi-organisasi yang membantu pelajar-pelajar daripada kalangan keluarga berpendapatan rendah atau B40 untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti.

Sumbangan ini adalah sebagai sokongan berterusan yang merangkumi pelbagai inisiatif pendidikan dalam usaha BSN bagi memastikan generasi muda terus berpeluang menerima pendidikan berkualiti dan dapat memenuhi potensi kecemerlangan dalam pendidikan walaupun menghadapi cabaran akibat kesan pandemik COVID-19.

Melalui teras Pendidikan ini, manfaat diberikan kepada pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, pelajar berkeperluan khas seperti masalah penglihatan, dan juga pelajar di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak.

Selain itu sebanyak RM63,520.00 telah disumbangkan kepada lebih 62 buah sekolah di seluruh negara sepanjang tahun 2022. Sumbangan ini antara lain adalah bagi membantu sekolah-sekolah tersebut dalam menaik taraf infrastruktur sekolah dan pelbagai keperluan lain seperti sumbangan kepada murid golongan B40, televisyen untuk bilik media, penghawa dingin, peralatan bilik multi sensori dan lain-lain.

Usaha BSN dalam memberi sumbangan di bawah inisiatif ini merupakan bukti nyata komitmen BSN dalam membantu mewujudkan masa depan yang lebih cerah kepada semua melalui pendidikan.

EDUCATION INITIATIVE

Bank Simpanan Nasional (BSN) through its BSN Care has contributed more than RM130,000 under the Education pillar to support non-governmental organisations (NGOs), schools, and organisations that help students from low-income families or B40 to receive quality education.

This contribution is a continuous support that includes various educational initiatives in an effort of BSN to ensure that the younger generation continues to have the opportunity to receive quality education and to meet the potential for excellence in education despite the challenges of the COVID-19 pandemic.

The Education pillar provides benefits to students from low-income families, students with special needs, such as vision problems, and students in rural areas, such as Sabah and Sarawak.

In addition, BSN donated RM63,520.00 to more than 62 schools throughout the country in 2022. This donation is intended to help schools upgrade their infrastructure and meet various needs, such as donations to B40 students, televisions for media rooms, air conditioner, multi-sensory room equipment, and others.

BSN's commitment to contributing under this initiative is a testament of our dedication to helping create a brighter future for everyone through education.

BSN CARE
BSN CARE

KESIHATAN & KESELAMATAN/HEALTH & SAFETY

PROGRAM KESEDARAN KEBAKARAN

Dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang pencegahan kebakaran dan meningkatkan kemahiran pengurusan krisis di rumah kebajikan kanak-kanak dan rumah anak-anak yatim di seluruh negara, BSN telah bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerusi Program BSN Care - *Fire Awareness Programme*.

Di bawah program ini, BSN telah turut menyumbang 260 alat pemadam api kepada 65 rumah kebajikan kanak-kanak dan rumah anak yatim di seluruh Malaysia. Sumbangan ini bertujuan untuk melengkapkan rumah-rumah kebajikan dan rumah anak-anak yatim ini dengan kemudahan peralatan pencegahan kebakaran yang diperlukan bagi menangani kemungkinan kejadian kebakaran dan sebagai langkah-langkah penjagaan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

FIRE AWARENESS PROGRAMME

In an effort to increase awareness on fire prevention and improve crisis management skills in children's welfare homes and orphanages, BSN has partnered with Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) through BSN Care - *Fire Awareness Programme*.

Under this programme, BSN has donated 260 fire extinguishers to 65 children's welfare homes and orphanages across Malaysia. This contribution aims to equip these facilities with the necessary tools to handle potential fire incidents and promote the safety and well-being of the children under their care.



KOMUNITI/COMMUNITY

BSN CARE - BAKUL MAKANAN UNTUK KOMUNITI ORANG ASLI DI POS KUALA LAH, GUA MUSANG, KELANTAN

BSN Care - Program Bakul Makanan untuk Komuniti Orang Asli di Pos Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan dilaksanakan bersempena Program Jelajah Bajet 2023, sebuah inisiatif yang dipimpin oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) bertujuan mengumpulkan idea bagi pelaksanaan bajet tahun 2023.

BSN Care komited dalam menghasilkan impak positif dan memberi sumbangan bagi kesejahteraan masyarakat. Melalui program tersebut, BSN telah menyumbang 200 kotak barang-barang keperluan bertujuan membantu komuniti Orang Asli di Gua Musang. Barang-barang tersebut adalah seperti makanan kering, beras, minyak masak dan lain-lain barangan keperluan asas bagi kegunaan harian. Usaha ini bertujuan membantu meringankan beban yang dihadapi oleh komuniti ini dan bagi membantu menyediakan keperluan asas yang diperlukan.

BSN CARE - FOOD BASKET FOR ORANG ASLI COMMUNITY AT POS KUALA LAH, GUA MUSANG, KELANTAN

BSN Care - Food Basket Programme for Orang Asli Community at Pos Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan is organised in conjunction with *Jelajah Bajet 2023* programme, an initiative led by the Ministry of Finance (MoF) to gather ideas for the implementation of 2023 budget.

BSN Care remains committed to creating a positive impact and contributing to the well-being of society. Through this programme, BSN Care was able to provide 200 boxes of essential items to assist the Orang Asli community in Gua Musang. Items included were dry food, rice, cooking oil, and other necessities that are essential for their daily lives. Our efforts aimed to help alleviate some of the challenges faced by this community and support their basic needs.

SUMBANGAN UNTUK UBAH SUAI DAN BAIK PULIH RUMAH DI TANJONG KERAMAT, KUALA SELANGOR

BSN bekerjasama dengan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAKK) dalam melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bertujuan memulihkan dan membaik pulih kediaman Encik Mohammad Subri bin Haji Zainudin.

Encik Mohammad Subri, seorang individu kurang upaya (OKU) yang kehilangan sebelah kakinya akibat kemalangan, menghadapi batasan fizikal yang menyukarkannya untuk mendapatkan pekerjaan tetap. Untuk menampung kehidupan, dia menjual barangan terpakai di komuniti setempatnya dan juga bertanggungjawab menjaga abangnya yang juga seorang OKU cacat mental.

DONATION FOR HOUSE REFURBISHMENT AND RESTORATION IN TANJONG KERAMAT, KUALA SELANGOR

BSN collaborated with Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAKK) to undertake a corporate social responsibility (CSR) initiative aimed at restoring and refurbishing the home of Encik Mohammad Subri bin Haji Zainudin.

Encik Mohammad Subri, a disabled individual who lost one of his legs due to an accident, faced physical limitations that made it difficult for him to secure permanent employment. To make ends meet, he sells second-hand goods in his local community and was also responsible for taking care of his mentally disabled brother.



KOMUNITI/COMMUNITY



Lawatan BSN ke rumah mereka mendapati bahawa keadaan hidup mereka adalah dalam keadaan yang sangat memerlukan bantuan pembaikan dan pembersihan segera. BSN mengenal pasti Encik Mohammad Subri sebagai penerima inisiatif CSR dan bekerjasama bersama MKSACK untuk membaik pulih kediaman mereka. Kerja-kerja pembaikan, termasuk pembersihan, pemulihan dan hiasan tambahan, bertujuan untuk memberikan mereka ruang kediaman yang selamat dan selesa.

Kerjasama antara BSN dan MKSACK adalah sebahagian daripada komitmen BSN terhadap tanggungjawab sosial korporat dan usahanya untuk membantu mereka yang memerlukan dalam komuniti tempatan. Inisiatif ini menandakan dedikasi BSN bagi mewujudkan impak positif dalam masyarakat dan komitmennya untuk menyumbang kepada peningkatan kehidupan rakyat.

BSN's visit to their home revealed that their living conditions were in dire need of urgent repair and cleaning assistance. BSN identified Encik Mohammad Subri as the recipient for the CSR initiative and worked alongside MKSACK to restore and refurbish their home. The repair works, including additional cleaning, restoration, and decoration, aimed to provide them with a safe and comfortable living space.

The collaboration between BSN and MKSACK was part of BSN's commitment to corporate social responsibility and its efforts to help those in need in local communities. This initiative demonstrated BSN's dedication to creating a positive impact in society and its commitment to contributing to the betterment of people's lives.

SUMBANGAN UNTUK MASYARAKAT RUMAH PANJANG UMA UKIT, SG. KOYAN, BELAGA, SARAWAK

Pada tahun 2022, BSN dengan sukacitanya telah terlibat dalam Program Jelajah Bajet 2023, sebuah inisiatif yang dipimpin oleh Kementerian Kewangan (MoF) untuk mengumpulkan idea bagi pelaksanaan Bajet 2023. Ini memberikan platform bagi BSN untuk menunjukkan komitmennya terhadap tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Melalui program ini, BSN menunjukkan dedikasinya dalam menyokong komuniti tempatan dengan menyumbangkan RM100.00 kepada setiap daripada 79 keluarga yang tinggal di Rumah Panjang Uma Ukit, sebuah rumah panjang 79 pintu di Sg. Koyan, Belaga, Sarawak. Jumlah keseluruhan yang disumbangkan oleh BSN adalah sebanyak RM7,900.00. Kebanyakan penduduk Rumah Panjang Uma Ukit bekerja sebagai petani dan komuniti tersebut mempunyai akses kemudahan perbankan yang terhad.

Melalui sumbangan ini, BSN dapat membantu meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh komuniti rumah panjang tersebut dan mempromosikan kepentingan simpanan di kalangan penduduknya. BSN akan terus memberi impak positif kepada kehidupan komuniti rumah panjang dan akan terus berusaha untuk memperkasakan komuniti tempatan.

DONATION FOR COMMUNITY OF RUMAH PANJANG UMA UKIT, SG. KOYAN, BELAGA, SARAWAK

In 2022, BSN was honored to participate in the Jelajah Bajet 2023 programme, an initiative led by the Ministry of Finance (MoF) to gather ideas for the implementation of Budget 2023. This provided a platform for BSN to showcase its commitment to corporate social responsibility (CSR).

As part of this programme, BSN demonstrated its dedication to supporting the local community by contributing RM100.00 to each of the 79 families residing in Rumah Panjang Uma Ukit, a 79-door longhouse in Sg. Koyan, Belaga, Sarawak. The total amount contributed by BSN was RM7,900.00. The residents of Rumah Panjang Uma Ukit primarily work as farmers and have limited access to banking facilities.

Through this contribution, BSN was able to alleviate some of the financial burdens faced by the longhouse community and promote the importance of savings among its residents. BSN is proud to have made a positive impact on the lives of these individuals and will continue to strive towards empowering local communities.

BSN CARE
BSN CARE

KOMUNITI/COMMUNITY

BSN CARE - SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR DI KELANTAN DAN TERENGGANU

Pada Disember 2022, negeri Kelantan dan Terengganu telah dilanda banjir teruk yang menjejaskan sebilangan besar penduduk setempat. Prihatin dengan situasi ini, BSN Care, inisiatif tanggungjawab sosial korporat Bank Simpanan Nasional (BSN), melancarkan kempen sumbangan bagi membantu mangsa banjir di negeri Kelantan dan Terengganu. BSN Care menyumbangkan barangan keperluan asas bernilai RM100 setiap satu kepada 900 buah keluarga yang terjejas di Kelantan dan Terengganu.

Keperluan asas yang disumbangkan adalah termasuk makanan retort, tuala wanita, tuala, makanan kering dan barangan keperluan lain. Bakul makanan itu diagihkan kepada keluarga terbabit melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), yang bertanggungjawab mengurus pusat pemindahan sementara.

BSN Care komited untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan dan berbesar hati dapat menyumbang kepada mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu.

Sumbangan BSN Care kepada mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu adalah contoh komitmen BSN untuk menyokong masyarakat pada masa yang memerlukan. BSN tetap berdedikasi untuk memberi impak positif kepada masyarakat dan akan terus menyokong inisiatif tersebut pada masa hadapan.

BSN CARE RAMADHAN - ABANG RIDER BERBUKA APA TU?

Program BSN Care Ramadhan/Raya 2022 bertujuan untuk menghargai dan meraikan para penghantar makanan yang merupakan sebahagian daripada barisan hadapan semasa pandemik COVID-19.

Bagi merealisasikan hasrat murni ini, BSN telah bekerjasama dengan foodpanda untuk mengedarkan makanan berbuka puasa kepada para penghantar foodpanda di seluruh negara.

Pengedaran makanan berbuka puasa dijalankan serentak di cawangan BSN yang terpilih di 13 negeri. Setiap negeri diperuntukkan dengan 600 pek makanan iaitu 7,800 pek keseluruhannya dengan jumlah sumbangan bernilai RM78,000 untuk diedarkan kepada para penghantar makanan.

Sumbangan ini adalah di bawah teras Komuniti, menunjukkan komitmen BSN untuk memberi balik kepada masyarakat dan menyokong keperluan golongan yang kurang bernasib baik.

BSN sangat berbangga dapat bekerjasama dengan foodpanda dalam memberikan sumbangan kepada para penghantar makanan yang memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan asas semasa pandemik. Melalui program ini, kami berharap dapat menyampaikan penghargaan dan terima kasih kami di atas kerja keras dan dedikasi mereka.

BSN CARE - DONATION TO FLOOD VICTIMS IN KELANTAN AND TERENGGANU

In December 2022, Kelantan and Terengganu were hit by a severe flood that had affected a large number of people. In response to this situation, BSN Care, a corporate social responsibility (CSR) initiative of Bank Simpanan Nasional (BSN), launched a donation campaign to help the flood victims in Kelantan and Terengganu. BSN Care donated RM100 each worth of basic necessities to 900 affected families in Kelantan and Terengganu.

The basic necessities included retort food, sanitary pads, towels, dry food, and other essential items. The food basket was distributed to the affected families through Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), who was in charge of managing the temporary evacuation centers.

BSN Care is committed to providing assistance to those in need and is honored to have contributed to the relief efforts for the flood victims in Kelantan and Terengganu.

BSN Care's contribution to the flood victims in Kelantan and Terengganu is an example of our commitment to supporting communities in times of need. We remain dedicated to making a positive impact on society and will continue to support such initiatives in the future.

BSN CARE RAMADHAN - ABANG RIDER BERBUKA APA TU?

BSN Care Ramadhan/Raya Programme 2022 aimed to recognise and honor the remarkable efforts of food delivery riders who served as frontliners during the COVID-19 pandemic.

To achieve this goal, BSN collaborated with foodpanda to distribute breaking fast food to foodpanda riders across the country.

The breaking fast food distribution was conducted simultaneously at selected BSN branches in 13 states, with each state receiving 600 packed meals. In total 7,800 amounting RM78,000 were distributed to the riders.

This contribution demonstrates BSN's commitment to the community pillar, which is focused on giving back to the society and supporting the needs of the less fortunate.

We are proud to have partnered with foodpanda and contributed to the well-being of the food delivery riders, who played a crucial role in providing essential services during the pandemic. Through this programme, we hope to express our gratitude and appreciation for their hard work and dedication.

PROGRAM BSN CARE - SUMBANGAN KEPADA PENGUSAHA PATIN SUNGAI SEMANTAN, TEMERLOH, PAHANG

Pada tahun 2022, Program BSN Care meneruskan komitmennya untuk menyokong pelbagai inisiatif sosial dan memberi kembali kepada masyarakat. Salah satu fokus utama BSN pada tahun ini adalah dengan memberi bantuan kepada komuniti yang terjejas akibat bencana alam dan menyokong mata pencarian mereka.

Salah satu inisiatif penting ke arah fokus ini ialah sumbangan kepada Persatuan Pengusaha Patin Sungai Semantan, Pahang bagi membolehkan mereka membaiki sangkar ikan patin yang musnah akibat banjir. Ini telah menjejaskan sumber pendapatan penduduk kampung.

Kerja-kerja pembaikan sangkar ikan patin ini telah banyak membantu mereka dalam mengekalkan pendapatan bulanan mereka kerana kebanyakan daripada penduduk kampung ini bergantung semata-mata kepada perniagaan ini untuk mencari rezeki. Inisiatif ini menunjukkan komitmen BSN dalam menyokong komuniti yang memerlukan.

BSN CARE PROGRAMME - DONATION TO PENGUSAHA PATIN SUNGAI SEMANTAN, TEMERLOH, PAHANG

In 2022, the BSN Care Programme continued its commitment to supporting various social causes and giving back to the community. One of our primary focuses for the year was providing relief to communities affected by natural disasters and supporting their livelihoods.

One of the significant initiatives towards this focus was the donation to Persatuan Pengusaha Patin Sungai Semantan, Pahang to enable them to repair the ikan patin cages which had destroyed by the floods. This had badly affecting the villagers' source of income.

The reparation works of the ikan patin cages has helped them tremendously in sustaining their monthly income as most of them are depending solely on this business to make a living. This initiative demonstrated BSN's commitment to supporting communities in need.



SUKAN/SPORT

PROGRAM SUKAN

Sebagai sebahagian daripada nilai-nilai teras BSN Care untuk mempromosi ke arah masyarakat yang lebih sihat dan aktif, BSN terus menyokong program sukan yang memupuk gaya hidup sihat. Antara program komuniti adalah seperti Program Larian Maya Keluarga Malaysia 2022 dan Program *Fun Ride* dan Kembara Yayasan Terengganu.

Melalui sokongan ini, BSN berhasrat untuk menggalakkan aktiviti fizikal dan menggalakkan tabiat sihat yang menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan individu dan komuniti. BSN percaya bahawa dengan menggalakkan gaya hidup sihat dan penglibatan komuniti, BSN boleh mewujudkan masyarakat yang lebih bertenaga dan positif.

SPORTS PROGRAMMES

As part of BSN Care's pillar to promoting a healthier and more active society, BSN continued its support for sports programmes that cultivate a healthy lifestyle. Some of the community programmes such as Programme Larian Maya Keluarga Malaysia 2022 and Programme *Fun Ride* dan Kembara Yayasan Terengganu.

Through this support, BSN aimed to encourage physical activity and promote healthy habits that contribute to the overall well-being of individuals and communities. BSN believes that by promoting a healthy lifestyle and community involvement, we can create more vibrant and positive society.

SOROTAN MEDIA MEDIA HIGHLIGHTS



607,180

Facebook Fans



2,172

Facebook Postings

46,852

Instagram Followers



484

Instagram Postings

ngnyai menawarkan pelbagai kemudahan sesuai serta memenuhi keperluan pengguna. k ketinggalan apabila, menawarkan kempen tandingan Berganda'.

sandar menjangkan dua (2) kali ganda tandingan produk Pembiayaan Peribadi BSN

emahan pembiayaan peribadi dengan kadar j) memearangi hadiah berupa BSN Siji 100.

an yang terawal dengan jumlah sehingga 30 Jun 2022.

amanangi hadiah Cabutan BSN SSP setiap

CBB BSN beri manfaat kepada penduduk Bingkor dan sekitarnya: Robert

KENDUANG: Perkhidmatan Cawangan Bank Bergolak (CBB) BSN sedi temporer di Pekan Bingkor harmful kebajikan bagi menambatkan urusan perkhidmatan produk-produk temporer.

Terdapat diumumkan ialah perkhidmatan perkhidmatan seperti transaksi pengiraan wang tunai melalui Mesin Telex Automatik (DTM), pemindahan akaun, pembiayaan bil-bil utiliti, transaksi kegunaan orang tua dan sebagainya.

Perkhidmatan Menteri Kerja Raya Berik Robert Tawak sangat baik bagi bilahi menambatkan bagi menambatkan sendiri.

BSN taja RM180,000 Hari Guru 2022

oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA 17 Mei

PERINGKAT KERANGSA "Guru Tunjangan"

YB DATI MENTERI

RM180,000

Guru Sekolah

SHAH ALAM - Bank Simpanan Nasional (BSN) telah menaja RM180,000 bagi Anugerah Tokoh Kepimpinan Guru Kebangsaan sempena Hari Guru 2022.

Secara keseluruhan, sebanyak RM100,000 peringkat kebangsaan, manakala RM80,000 peringkat negeri.

Menurut Ketua Eksekutif BSN, Jay Khoo merupakan tanda sokongan pihak kerajaan negara dalam membentuk pembudayaan berbudaya tinggi.

"Syabas diucapkan kepada semua penerima anugerah ini kerana mereka bukanlah mudah dan para pendidik yang berdedikasi. Semoga Hari Guru tahun ini," kata dalam satu kenyataan.

...ia pembiayaan umrah dan haji
2022 @ 1:45pm



...ur jutawan Cabutan Istimewa BSN SSP 2022
2022 @ 1:17pm



...u Tunjang
h SEJAHTERA

...al (BSN) menaja hadiah penghargaan berjumlah
...mpinan Pendidikan Kebangsaan dan Anugerah
...mbutan Hari Guru 2022.

...0,000 telah diperuntukkan bagi sambutan di
...0,000 lagi bagi peringkat negeri.

...airil, penyampalan kedua-dua anugerah tersebut
... kepada pendidik serta institusi pendidikan
...an generasi muda yang berkemahiran dan

...menang. Sesungguhnya tanggungjawab ini
...ewajarinya dihargai dan diraikan sempena Hari
...ataan pada Selasa.



BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas galak perkasa instrumen wakaf



BSN dekati masyarakat menerusi literasi kewangan



BSN financing scheme helps restore MSMEs' capabilities



The financing allocated under Budget 2022 with a fund of RM500 million aims to help Malaysians recover from the Covid-19 pandemic

by AURA MARDIAH / pic by THE FILE

BSN (Bank Simpanan Nasional) has launched the BSN Mikro2 (SemarakKedua Financing Scheme) under the Semarak Kedua Keluarga Malaysia Programme.

The financing allocated under Budget 2022 with a fund of RM500 million aims to continuously help Malaysians, especially micro, small and medium enterprises (MSMEs) recover from the Covid-19 pandemic. BSN CEO Jay Khairi Jemmy Abdullah said BSN encourages small entrepreneurs to obtain the financing scheme to help generate income as well as restore the capability and resilience of their businesses.

The BSN Mikro2 SemarakKedua Financing Scheme is a continuation of several previous facilities which saw BSN assisting more than 50,000 customers with a total financing of RM1.4 billion. The scheme offers a total financing of up to RM75,000 at a rate of 4% (fixed base rate) for a financing period of up to 5.5 years including a moratorium (payment break) for the first six months on monthly instalment payments.



EKONOMI

BSN SSP BANTU CAPAI SIMPANAN LEBIH RM4.78 BILION SEHINGGA JUN 2022



206 pemenang Anugerah BSN SGSP terima ganjaran berjumlah RM295,400

...LA BAHAWA MING BERSERI 10 Jun 2022 06:30am Masa membaca: 3 minit



PUTRAJAYA - Bank Simpanan Nasional (BSN) merayakan 206 pemenang Anugerah Bank Simpanan Nasional (BSN) Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) tahun 2021 yang menerima ganjaran wang tunai keseluruhan berjumlah RM295,400.



BSN berkongsi rezeki, rai penghantar makanan foodpanda

...lah NORSHAHZURA MAT ZUWI 08 April 2022 04:55pm Masa membaca: 2 minit



PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional (Lembaga Pengarah) komited untuk mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus korporat dengan memperjuangkan akauntabiliti, kebertanggungjawaban dan integriti secara berterusan dalam pengendalian perniagaan dan hal ehwal BSN, selaras dengan Dasar Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Tadbir Urus Korporat untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan yang Ditetapkan (Dokumen Dasar BNM).

A. LEMBAGA PENGARAH

Saiz dan Komposisi Lembaga Pengarah

Komposisi Lembaga Pengarah mengikut kehendak yang ditetapkan dalam Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146). Komposisi ini juga memenuhi syarat untuk memiliki majoriti pengarah bebas seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Dasar BNM. Ketua Eksekutif adalah satu-satunya Pengarah Eksekutif di Lembaga Pengarah, sementara satu (1) Bukan Eksekutif Bukan Bebas merupakan wakil Kementerian Kewangan Malaysia. Lembaga Pengarah komited dalam memastikan kepelbagaian dan penyertaan dalam komposisi dan proses membuat keputusan. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah mempertimbangkan kepelbagaian dari beberapa aspek yang berbeza, termasuk jantina, umur, latar belakang pendidikan, pengalaman profesional, kemahiran, pengetahuan dan jangka masa perkhidmatan.

Kemahiran dan pengalaman ahli-ahli Lembaga Pengarah merangkumi yang berikut:

- Perbankan
- Pelaburan Kerajaan
- Pegangan Pelaburan
- Undang-undang dan Pematuhan
- Tadbir Urus Korporat
- Audit

Lembaga Pengarah kini dianggotai lapan (8) orang Pengarah yang terdiri daripada satu (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, enam (6) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan satu (1) Pengarah Eksekutif. Pengarah Eksekutif merupakan Ketua Eksekutif BSN. Kesemua Pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing dan telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Profil setiap Pengarah juga disertakan dalam laporan ini pada muka surat 27 sehingga 35.

Pelantikan kesemua Pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam Dokumen Dasar BNM.

Tempoh Perkhidmatan Pengarah

Selaras dengan Dokumen Dasar BNM dan sepertimana yang termaktub di dalam Piagam Lembaga BSN, tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tidak boleh melebihi jangka waktu kumulatif selama sembilan (9) tahun, kecuali dalam situasi luar biasa atau sebahagian dari pengaturan peralihan ke arah pelaksanaan rancangan penggantian Bank sepenuhnya.

The Board of Directors of Bank Simpanan Nasional (the Board) is committed to uphold the principles of corporate governance by continuously advocating accountability, responsibility and integrity in the conduct of the business and affairs of BSN, in line with the Bank Negara Malaysia Policy Document on Corporate Governance for prescribed Development Financial Institutions (BNM Policy Document).

A. BOARD OF DIRECTORS

Board Size and Composition

The composition of the Board follows the requirement stipulated in the Bank Simpanan Nasional Act 1974 (Act 146). The composition also meets the requirement of having a majority of independent directors as set out in the BNM Policy Document. The Chief Executive is the only Executive Director on the Board, while one (1) Non-Independent Non-Executive Director is a representative of the Ministry of Finance, Malaysia. The Board is committed in ensuring diversity and inclusion in its composition and decision-making process. In this regard, the Board considers diversity from a number of different aspects, including gender, age, educational background, professional experience, skills, knowledge and length of service.

The skills and experience of the Board members include the following:

- Banking
- Government Investments
- Investment Holding
- Legal and Compliance
- Corporate
- Audit

The Board currently has eight (8) members, comprising of one (1) Non-Independent Non-Executive Director, six (6) Independent Non-Executive Directors and one (1) Executive Director. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. All Directors possess the necessary skills and experience in their respective fields of expertise and have contributed significantly to the progress and development of BSN. The profile of each Director is briefly described on pages 27 to 35 of this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under the BNM Policy Document.

Tenure of Directors

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

FALSAFAH PENGURUSAN RISIKO

"Risiko" ditakrifkan sebagai "kesan ketidaktentuan terhadap objektif" dan pengurusan risiko di BSN ditakrifkan seperti berikut: "Proses yang berterusan, proaktif dan sistematik dalam memahami, mengenal pasti, mengurus dan menyampaikan risiko yang membentuk perspektif keseluruhan bagi syarikat. Lanya bagi memudahkan pihak Bank dalam membuat keputusan, menyumbang kepada pencapaian keseluruhan objektif Bank." Falsafah asas pengurusan risiko Bank adalah bahawa semua aktiviti harus berusaha mencapai keseimbangan optimum seiring dengan peranan mandat Bank, dan tujuan pertumbuhan/pulangan terhadap risiko yang berkaitan. Pada masa yang sama, hubungan risiko-ganjaran juga haruslah selaras dengan struktur, tadbir urus dan amalan terbaik industri serta mematuhi keperluan kawal selia dan Syariah dan mencapai objektif yang disasarkan oleh Bank. Di samping itu, operasi dan aktiviti Bank haruslah dipandu dan ditadbir terutamanya oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang diterima pakai, dan di mana berkenaan, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dan keperluan kawal selia lain oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Berdasarkan pada falsafah asas ini, Bank telah mengamalkan konsep "tiga barisan pertahanan", di mana risiko diuruskan secara kolektif oleh semua jabatan dan fungsi berdasarkan peranan masing-masing.

MEMBANGUNKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO YANG LESTARI

Penentu utama kejayaan dalam pengurusan risiko ialah memastikan budaya kelestarian yang kukuh dan kesedaran risiko meresap dalam setiap kakitangan Bank. Pihak Bank akan memberikan sokongan penuh untuk melaksanakan proses pengurusan risiko dengan struktur organisasi yang bersesuaian dan akan memastikan kebertanggungjawaban ditakrifkan dengan jelas dan disampaikan di semua peringkat. Ini akan membolehkan maklumat risiko disampaikan melalui struktur pelaporan yang jelas dan mantap.

SELERA RISIKO

Selera risiko Bank mentakrifkan sempadan dan pertimbangan perniagaan selaras dengan strategi korporat, pelan perniagaan, dan kapasiti serta keupayaan teknologi Bank, dengan pertimbangan sewajarnya kepada kapasiti pengambilan risiko dan had toleransi Bank. Ia mewujudkan pendekatan bersepadu yang memanfaatkan tadbir urus risiko dengan meletakkan tumpuan dan penekanan yang sama kepada risiko kewangan dan bukan kewangan jangka pendek dan jangka panjang, dengan jangkaan pengawalseliaan yang diserapkan, dalam menyampaikan hasil yang ketara dengan cara yang kos efektif. Selera risiko memudahkan pihak berkepentingan dalam merumuskan hala tuju perniagaan strategik dan taktikal serta membuat keputusan operasi harian dengan mewujudkan asas untuk mengukur, memantau dan menyesuaikan, jika perlu, kedudukan risiko sebenar berbanding selera risiko yang dinyatakan. Hasil selera risiko juga membentuk asas di mana pihak berkepentingan Bank boleh menimbulkan isu risiko dan kebimbangan lain berkaitan Bank dan memastikan pengurusan risiko sejajar dengan keperluan dan jangkaan kawal selia.

RISK MANAGEMENT PHILOSOPHY

"Risk" is defined as the "effect of uncertainty on objective" and risk management in BSN is defined as, "A continuous, proactive and systematic process to understand, identify, manage and communicate risk from an enterprise-wide perspective. It is about facilitating the Bank in making its decisions, contributing to the achievement of the Bank's overall objectives." The basic philosophy of the Bank's risk management is that all of its activities must strive for optimal balance between the Bank's mandated roles, and growth/return goals against the related risks. At the same time, the risk-reward relationship must also be in line with the industry's best structure, governance and practices while adhering to regulatory and Shariah requirements and achieve its targeted objectives. In addition, the Bank's operation and activities must be guided and principally governed through the accepted Risk Governance and where applicable, the Shariah Governance Framework, and other regulatory requirements by the relevant authorities. Based on this basic philosophy, the Bank adopts the concept of "three lines of defence", where risks are collectively managed by all departments and functions based on their respective roles.

DEVELOPING SUSTAINABLE RISK MANAGEMENT CULTURE

The key determinant of success in risk management is ensuring that a strong sustainable culture and awareness of risk permeates across every employee of the Bank. The Bank shall provide full support to implement the risk management processes with an appropriate organisational structure and shall ensure that accountabilities are clearly defined and communicated at all levels. This will enable risk information to be communicated through a clear and robust reporting structure.

RISK APPETITE

The Bank's risk appetite defines the boundaries and business considerations in accordance with the Bank's corporate strategy, business plan, and technological capacity and capability, with due consideration to the Bank's risk-taking capacity and tolerance limit. It establishes an integrated approach that capitalises on the risk governance by placing an equal focus and emphasis on the short-term and long-term financial and non-financial risks, with embedded regulatory expectations, in delivering tangible results in a cost effective manner. The risk appetite facilitates stakeholders in formulating strategic and tactical business directions and daily operational decision-making by establishing a basis for measuring, monitoring and adjusting, when necessary, the actual risk positions against the expressed risk appetite. The risk appetite outcomes also form the basis by which the Bank's stakeholders may raise risk issues and other relevant concerns across the Bank and ensures that the management of risks are aligned with the regulatory requirements and expectations.

Fokus Masa Nyata Real Time Focus	Barisan Pertahanan Pertama First Line of Defence	<ul style="list-style-type: none"> • Menerapkan rangka kerja pengurusan risiko/dasar dan amalan pengurusan risiko yang mantap ke dalam prosedur operasi standard. • Embedding risk management framework/policies and sound risk management practices into standard operating procedures. • Bertanggungjawab memantau dan menilai risiko dan kawalan. • Responsible and accountable for monitoring and assessing risks and controls. • Memastikan kakitangan mempunyai kemahiran dan latihan yang sesuai. • Ensuring staff have the appropriate skills and trainings. • Bertanggungjawab ke atas pengurusan harian risiko operasi dalam bidang kuasa mereka dengan menerapkan dasar, prosedur, proses, sistem dan sumber untuk mengurus risiko operasi yang dilaksanakan oleh fungsi tersebut. • Responsible for the day-to-day management of operational risks within their purview by embedding policies, procedures, processes, systems and resources to manage operational risks undertaken by the function. • Bertanggungjawab mengenalpasti, menilai, mengurangkan, mengawal dan memantau risiko dan kawalan sebagai sebahagian daripada operasi harian mereka. • Responsible for identifying, assessing, mitigating, controlling and monitoring risk and controls as part of their day-to-day operations. • Semua fungsi perniagaan dan sokongan bertanggungjawab melantik Wakil Risiko (RR) untuk menyokong pelaksanaan aktiviti pengurusan risiko operasi. • All business and support functions are responsible to designate Risk Representatives (RR) to support the implementation of operational risk management activities. • Proaktif dan reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. • Proactive and reactive to changes in the risk environment. 	Unit Perniagaan/ Unit Sokongan Business Units/ Support Units
Fokus Kajian & Masa Nyata Real Time & Review Focus	Barisan Pertahanan Kedua Second Line of Defence	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, dasar, sistem, proses dan alatan, termasuk mengesahkan dan mencabar penilaian aktiviti pengurusan risiko untuk pengurusan dan pengukuran risiko yang berkesan dan konsisten di seluruh Bank. • Develop risk management framework, policies, system, processes and tools, including validating and challenging the assessment of the risks management activities for effective and consistent management and measurement of risks across the Bank. • Menyokong unit-unit pada barisan pertahanan pertama dalam menerapkan budaya pengurusan risiko di Bank. • Support units in the 1st line of defence in embedding the risk management culture in the Bank. • Proaktif dan reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. • Proactive and reactive to changes in the risk environment. 	Jabatan Pengurusan Risiko/ Jabatan Pematuhan Risk Management Department/ Compliance Department
Fokus Kajian Review Review Focus	Barisan Pertahanan Ketiga Third Line of Defence	<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula keberkesanan amalan pengurusan risiko. • Review the effectiveness of risk management practices. • Mengesahkan tahap pematuhan. • Verify the level of compliance. • Mengesyorkan penambahbaikan dan tindakan pembetulan, jika perlu. • Recommend improvements and corrective actions, where necessary. 	Jabatan Audit Dalam Internal Audit Department

Rajah 2: Model Pengurusan Risiko Tiga Barisan Pertahanan

Figure 2: Risk Management Three Lines of Defence Model

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT


PROSES PENGURUSAN RISIKO/RISK MANAGEMENT PROCESS



Rajah 3: Proses Pengurusan Risiko
Figure 3: Risk Management Process

Proses pengurusan risiko dalam Bank melibatkan pengenalpastian, penilaian/pengukuran, mitigasi, pemantauan, komunikasi dan pelaporan bagi mengoptimalkan pulangan ke atas aktiviti pembiayaan dan pengambilan risiko. Proses-proses ini diamalkan dalam mengurus risiko kredit, pasaran, operasi dan ketidakpatuhan Syariah di semua jabatan dan fungsi Bank melalui pembentukan dasar, garis panduan, prosedur dan had risiko yang sesuai. Pengurusan risiko adalah tertumpu kepada bidang-bidang utama berikut:

The risk management process within the Bank involves the identification, assessment/measurement, mitigation, monitoring, communicating and reporting to optimise returns on financing and risk-taking activities. These processes are practiced in managing credit, market, operational and Shariah non-compliance risks across various departments and functions of the Bank via appropriate risk policies, guidelines, procedures and limits. Risk management concentrates on the following key areas:



RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

1. Risiko Perusahaan

Risiko Perusahaan ialah proses merancang, mengatur, memimpin dan mengurus aktiviti organisasi untuk meminimumkan kesan risiko ke atas modal dan pendapatan organisasi. Pengurusan Risiko Perusahaan membolehkan organisasi menangani ketidakpastian dengan berkesan serta risiko dan peluang yang berkaitan, meningkatkan kapasiti Bank untuk mencapai keseimbangan optimum antara matlamat pertumbuhan dan pulangan serta risiko yang berkaitan. Pengurusan Risiko Perusahaan di BSN adalah berdasarkan prinsip yang digariskan dalam ISO31000:2009.

2. Risiko Operasi

Risiko Operasi merujuk kepada risiko kerugian yang timbul daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau daripada peristiwa luaran yang termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko perundangan dan ketidakpatuhan Syariah. Risiko operasi wujud dalam semua aktiviti, produk dan perkhidmatan Bank dan boleh merangkumi pelbagai aktiviti dan bahagian perniagaan di dalam Bank. Ia termasuk spektrum luar risiko heterogen seperti penipuan, kerosakan fizikal, gangguan perniagaan, kegagalan urus niaga, pelanggaran undang-undang dan peraturan serta kesihatan dan keselamatan kakitangan dan ketidakpatuhan Syariah.

Risiko Operasi boleh mengakibatkan kesan kewangan dan bukan kewangan seperti kesan yang timbul daripada liabiliti undang-undang, kehilangan rekursu, pengembalian, penurunan nilai, gangguan perniagaan dan kerosakan reputasi.

Bank mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko operasi yang berkesan, yang merangkumi set piawaian, proses, dasar dan struktur yang menyediakan asas untuk melaksanakan kawalan dalaman di seluruh organisasi. Kunci kepada ini adalah penubuhan struktur tiga (3) barisan pertahanan yang terdiri daripada fungsi perniagaan dan sokongan, Pengurusan Risiko dan Audit Dalaman, dengan pengawasan yang teguh oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah. Tahap pelaksanaan pendekatan tiga (3) barisan pertahanan adalah setimpal dengan sifat, saiz, dan kerumitan operasi perniagaan Bank.

3. Risiko Kredit

Risiko Kredit ditakrifkan sebagai potensi kehilangan pendapatan yang timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) untuk memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang dijadualkan. Pendedahan Bank kepada risiko kredit adalah terutamanya daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan runcit, perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan sekuriti pasaran lain juga akan mendedahkan Bank kepada risiko kredit. Berpandukan kepada selera risiko perniagaan di seluruh Bank, fungsi Jabatan Pengurusan Risiko adalah untuk menguruskan pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan bagi memastikan pulangan terlaras risiko dimaksimumkan ketika beroperasi berpandukan selera risiko dan tahap toleransi Bank. Untuk memastikan risiko kredit dikurangkan, prestasi kualiti aset sentiasa dipantau dan diawasi.

RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

1. Enterprise Risk

Enterprise Risk is the process of planning, organising, leading and managing the activities of the organisation in order to minimise the effects of risk on the organisation's capital and earnings. Enterprise Risk Management enables the organisation to effectively deal with uncertainty and associated risks and opportunities, enhancing the Bank's capacity to achieve an optimal balance between growth and return goals and related risks. Enterprise Risk Management in BSN is aligned with the principles outlined in ISO31000:2009.

2. Operational Risk

Operational Risk refers to the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems, or from external events, which include but is not limited to, legal and Shariah non-compliance risks. Operational risk is inherent in all activities, products and services of the Bank and can transverse multiple activities and business lines within the Bank. It includes a wide spectrum of heterogeneous risks such as fraud, physical damage, business disruption, transaction failures, legal and regulatory breaches as well as employee health and safety hazards and Shariah non-compliance.

Operational Risk may result in both financial and non-financial impacts such as the impact arising from legal liability, loss of recourse, restitution, write downs, business interruption and reputational damage.

The Bank maintains an effective operational risk management framework, which encompasses a set of standards, processes, policies and structures that provide the basis for carrying out internal controls across the organisation. Key to this is the establishment of a three (3) lines of defence structure consisting of the business and support functions, Risk Management and Internal Audit, with robust oversight by Management and the Board. The degree of implementation of the three (3) lines of defence approach commensurates with the nature, size and complexity of the business operations of the Bank.

3. Credit Risk

Credit Risk is defined as the potential loss of income arising from failure of customers or counterparties (from financing and investment activities) to fulfil their obligations as scheduled. The Bank's exposure to credit risk is primarily from its lending/financing activities to retail customers, micro, small and medium-sized enterprises. Investment in equities, bonds, and other marketable securities will also expose the Bank to credit risk. Guided by the Bank-wide risk appetite, the Risk Management Department's function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-à-vis the Bank's capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite and its tolerance level. To ensure that credit risk is being mitigated, performance on the asset quality is constantly monitored and tracked.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Satu lagi bidang yang ditadbir di bawah bidang Risiko Kredit ialah penggunaan model untuk pelbagai tujuan berkaitan kredit (contohnya peruntukan kredit di bawah MFRS9) yang mendedahkan Bank kepada Risiko Model. Risiko Model ditakrifkan sebagai risiko model yang dibangunkan tidak mencapai prestasi yang memuaskan seperti mana objektif, tujuan dan jangkannya, yang mungkin berpotensi mengakibatkan kerugian kewangan, keputusan perniagaan yang tidak wajar, salah nyata pendedahan kewangan atau kerosakan reputasi. Untuk mengurus risiko model dengan betul, Bank telah mewujudkan proses tadbir urus, pengawasan dan pemantauan yang wajar untuk memastikan model yang digunakan kekal sesuai untuk digunakan.

Sebagai sebahagian daripada tadbir urus model, pengesahan model dilaksanakan untuk menilai sama ada model yang dibangunkan berfungsi mengikut jangkaan. Ia dilaksanakan bebas daripada fungsi pembangunan model dan pengguna model sebelum pelaksanaan model serta selepas pelaksanaan secara berkala. Selain itu, pemantauan berkala perlu dilakukan oleh pemilik model untuk memastikan model berfungsi seperti yang dijangkakan, dan andaian yang digunakan dalam pembangunan model kekal wajar. Kedua-dua proses disemak secara bebas oleh Audit Dalaman.

4. Risiko Aset dan Liabiliti

Risiko Aset dan Liabiliti ialah potensi kerugian dalam nilai aset bersih Bank akibat dari perubahan dalam pemboleh ubah risiko pasaran. Pada dasarnya, ianya adalah risiko yang timbul daripada komposisi dan dinamik kunci kira-kira, khususnya kesannya terhadap kecairan, pendapatan dan kecukupan modal. Ia terdiri daripada ketidakpadanan kedudukan antara aset dan liabiliti buku perbankan pada kunci kira-kira. Ia juga melibatkan kesan struktur penentuan harga aset dan liabiliti terhadap margin kasar Bank termasuk struktur penentuan harga semula dan kematangan aset dan liabiliti serta kesannya ke atas kadar pulangan.

5. Risiko Pasaran

Risiko Pasaran ditakrifkan sebagai risiko kerugian ekoran perubahan dalam nilai aset dan liabiliti akibat turun naik dalam faktor risiko seperti kadar faedah, kadar pertukaran asing & harga saham, perubahan dalam harga ekuiti/harga komoditi dan risiko kerugian akibat perubahan dalam pendapatan yang dijana daripada aset & liabiliti.

6. Risiko Syariah

Risiko Syariah ditakrifkan sebagai risiko akibat daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Syariah. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BSN (BSNSGF) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGFIFI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Another area governed under Credit Risk's ambit is the utilisation of models for various credit related purposes (e.g. credit provisioning under MFRS9) which exposes the Bank to model risk. Model Risk is defined as the risk of a developed model not performing adequately to its objectives, purposes and expectations, which may potentially result in financial loss, inappropriate business decisions, misstatement of financial disclosures, or damage to the reputation. In order to properly managed the model risk, the Bank has established proper governance, oversight and monitoring process to ensure the models used remain fit-for-use.

As part of model governance, model validation is performed in order to assess whether the developed models are performing according to expectations. It is performed independently from the model development function and model users before model implementation as well as periodically post-implementation. Additionally, periodic monitoring is required to be carried out by the model owners to ensure that the models are performing as expected, and that the assumptions used in model development remain appropriate. Both processes are reviewed independently by Internal Audit.

4. Asset and Liability (ALM) Risk

ALM Risk is the potential loss of the Bank's net asset value as a result of changes in market risk variables. In essence, it is the risks that arise from the composition and dynamics of the balance sheet, specifically their impact on liquidity, earnings and ultimately adequacy of capital. It comprises the mismatched position between banking book assets and liabilities on the balance sheet. It also involves the impact of pricing structure of assets and liabilities towards the Bank's gross margin including the re-pricing and maturity structure of assets and liabilities and its impact on the rate of return.

5. Market Risk

Market Risk is defined as the risk of loss resulting from changes in the value of assets and liabilities due to fluctuations in risk factors such as interest rates, foreign exchange rates & stock prices, changes in equity prices/commodity prices and the risk of loss resulting from changes in earnings generated from assets & liabilities.

6. Shariah Risk

Shariah risk is the risk that arises from the Bank's failure to comply with the Shariah rules and principles as determined by the Shariah Committee (SC) of BSN and relevant Shariah Authorities (SA). BSN Shariah Governance Policy (BSNSGP) is established in line with the Shariah Governance Policy Document (SGPD) issued by Bank Negara Malaysia (BNM).

Objektif utama BSNSGF adalah untuk memperkukuhkan jangkaan keberkesanan aturan tadbir urus Syariah yang terangkum dalam strategi-strategi perniagaan dan risiko Bank berkaitan operasi, perniagaan, hal ehwal, dan aktiviti Perbankan Islam. Bank pada setiap masa harus memastikan pematuhan penuh terhadap keputusan-keputusan SA dalam melaksanakan operasi harian dan urusan perniagaan selain mempromosikan budaya pematuhan risiko Syariah yang kukuh dalam Bank.

7. Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan ialah rangka kerja untuk mengenalpasti risiko pendedahan organisasi kepada ancaman dalaman dan luaran dan untuk membangunkan pelan tindak balas yang berkesan. Objektif utama Pengurusan Kesenambungan Perniagaan adalah untuk meningkatkan daya ketahanan organisasi terhadap gangguan perniagaan seperti wabak penyakit, bencana alam atau pencerobohan data, gangguan bekalan elektrik dan meminimumkan kesan gangguan tersebut. Skop aktiviti BCM termasuk pengurusan risiko, analisis impak perniagaan, pengurusan krisis, pelan kesinambungan perniagaan, dan pemulihan bencana.

8. Teknologi Maklumat dan Risiko Keselamatan Siber

Risiko IT merupakan salah satu risiko perniagaan berkaitan penggunaan, pemilikan, operasi, penglibatan, pengaruh, dan gunapakai IT di dalam Bank. Risiko IT mungkin timbul daripada ketidakcekapan sistem IT, aplikasi, platform atau infrastruktur termasuk ancaman atau pendedahan kepada rangkaian luar atau internet, yang mungkin menyebabkan kerugian kewangan dan gangguan kepada perkhidmatan kewangan atau operasi Bank. Terdapat tiga kategori risiko IT iaitu risiko manfaat IT/pengupayaan nilai, risiko program IT dan penyampaian projek, serta risiko operasi IT dan penyediaan meja perkhidmatan.

Risiko keselamatan siber adalah risiko perniagaan berkaitan kemungkinan ancaman dan serangan siber seperti penggodaman, perisian hasad, pancingan data, dan kejuruteraan sosial yang menjejaskan kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan sistem maklumat dan data Bank. Risiko keselamatan siber boleh menyebabkan kerugian kewangan, kerosakan reputasi, ketidakpatuhan kawal selia, serta liabiliti perundangan. Justeru, adalah kritikal untuk Bank menyediakan langkah-langkah pengurusan keselamatan siber yang mantap bagi mengurangkan dan mengurus risiko keselamatan siber. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaksanaan kawalan keselamatan siber yang kukuh seperti "firewall", penilaian keselamatan lazim seperti Pentest, penyediaan latihan kesedaran keselamatan siber untuk kakitangan, serta pembangunan dan ujian pelan-pelan tindakbalas insiden bagi memastikan tindakbalas yang berkesan dan tepat pada masanya.

The primary objective of BSNSGP is to strengthen the expectations for effective Shariah governance arrangements that are well integrated with business and risk strategies of the Bank in relation to Islamic Banking operations, business, affairs and activities. The Bank shall at all times ensure full compliance with the SA's decisions in carrying out the day-to-day operations and business dealings as well as promoting a strong Shariah compliance risk culture within the Bank.

7. Business Continuity Management (BCM)

Business Continuity Management (BCM) is a framework for identifying the Bank's risk of exposure to internal and external threats and for developing effective response plans. The key objectives of BCM are to increase the Bank's operational resilience with the ability to respond to threats such as disease outbreaks, natural disasters or data breaches, power outages, etc and minimise the impact of such disruptions. The scope of BCM activities include risk management, business impact analysis, crisis management, business continuity planning and disaster recovery.

8. Information Technology and Cybersecurity Risk

IT risk is one of the business risks specifically associated with the use, ownership, operation, involvement, influence, and adoption of IT within the Bank. IT risk may arise from the non-performance of IT systems, applications, platforms or infrastructures including threats or vulnerabilities exposure to external network or internet, which could result in financial loss, disruption of financial services or the operations of the Bank. IT risk can be categorised into three (3) different categories namely IT benefits/value enablement risk, IT programme and project delivery risk and IT operations and service desk delivery.

Cybersecurity risk is a specific type of business risk that involves the potential for cyber threats and attacks, such as hacking, malware, phishing, and social engineering, which compromise the confidentiality, integrity, and availability of the Bank's information systems and data. Cybersecurity risk can result in financial loss, reputational damage, regulatory non-compliance, and legal liability. Therefore, it is critical for the Bank to have robust cybersecurity management measures in place to mitigate and manage cybersecurity risk. This includes but not limited to implementing robust cybersecurity controls such as firewall, conducting regular security assessments such as Pentest, providing cybersecurity awareness training to employees, and developing and testing incident response plans to ensure a timely and effective response to cybersecurity incidents.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

KOMITMEN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), BSN komited dalam menerapkan amalan-amalan baik ESG dalam perniagaan dan operasi kami bagi menyokong visi kami iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia Ketinggalan'. Kami menyedari akan peranan kami untuk mewujudkan masa hadapan yang lestari untuk semua, dan dalam hal ini, kami terus berusaha memahami keperluan pelbagai pihak berkepentingan kami di samping memberi perhatian kepada kesan tindakan kami ke atas komuniti di mana kami beroperasi. Kami sentiasa menilai cara untuk menerapkan amalan kelestarian agar kami dapat menguruskan risiko kami dengan wajar dalam usaha kami memperkasakan pertumbuhan ekonomi dan masyarakat selaras dengan Pelan Strategik Korporat BSN, "Melangkah Ke Hadapan. Bersama-sama. Melakukan Apa yang Kami Lakukan Dengan Baik. Lebih Baik".

Komponen-komponen ESG diterapkan dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh BSN seperti yang diperincikan di bawah.

Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat memastikan proses membuat keputusan dilakukan secara bertanggungjawab demi menjaga kepentingan BSN dan pihak berkepentingannya. Ini memastikan kami memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dan melaksanakan mandat kami untuk kelestarian, sekaligus mengurangkan risiko dalam perniagaan kami. Oleh itu, ia merupakan aspek penting dalam meletakkan kami sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang berwibawa dan boleh dipercayai. Dasar dan amalan yang wajar mengukuhkan budaya integriti dan ketelusan yang sihat di seluruh BSN. Kelestarian tadbir urus yang baik diterapkan dalam Nilai-Nilai Teras dan Kod Etika serta penginstitutionan sasaran dan petunjuk-petunjuk prestasi utama BSN.

Dalam melaksanakan tugas fidusiari dan fungsi kepemimpinannya, Lembaga Pengarah mentadbir dan menetapkan hala tuju strategik BSN sambil melaksanakan pengawasan yang berkesan terhadap pihak pengurusan. Lembaga Pengarah tidak terlibat dalam operasi perniagaan harian BSN. Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah berperanan mewujudkan ketidakberpihakan/kesaksamaan dalam hal-hal yang mungkin menimbulkan percanggahan dan kepentingan diri bagi pihak-pihak berkaitan. Di samping itu, Pengarah Bebas memainkan dua peranan dalam penciptaan nilai dan pemeliharaan nilai, dengan sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik pihak berkepentingan Bank.

Ketelusan dan Pelaporan

Ketelusan membina kepercayaan, keterlibatan dan komitmen pihak berkepentingan kami terhadap visi dan misi BSN. Kami sentiasa membincangkan dan mempertimbangkan tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pelaporan merentasi pelbagai fungsi BSN. Ini menyumbang secara positif kepada peningkatan kualiti pelaporan kami, dari segi penyampaian maklumat secara seimbang, bermakna dan tepat kepada pelbagai pihak berkepentingan kami.

BANK SIMPANAN NASIONAL'S (BSN) ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE (ESG) COMMITMENT

As a Development Financial Institution (DFI), BSN is committed to ensure good ESG practices are embedded in our business and operations in support of our vision of 'No Malaysian Left Behind'. We are aware of the role we can play in creating a sustainable future for all, and in this regard, we continuously seek to understand the needs of our different stakeholders, while remaining attentive to the implications of our actions on the communities we serve. We continue to assess how we can further embed sustainability considerations, so that we can manage our risks appropriately even as we help facilitate economic and societal growth in line with BSN's Corporate Strategy Plan of "Step Forward. Together. Doing what we do well. Better".

Components of ESG are embedded in various activities undertaken by the Bank as detailed below.

Corporate Governance

Corporate governance ensures accountable decision-making in the interest of the Bank and its stakeholders. It ensures that we are meeting stakeholder expectations and carrying out our mandate for sustainability, while also mitigating the risks in our business. Hence, it is a fundamental aspect in positioning us as a trusted and credible financial services provider. Appropriate policies and practices reinforce a healthy culture of integrity and transparency throughout BSN. Sustainability of good governance is embedded in the Bank via our Core Values and Code of Ethics as well as institutionalisation of targets and KPIs.

In discharging its fiduciary duties and leadership functions, the Board governs and sets the strategic direction of the Bank while exercising effective oversight on management. The Board shall not be involved in day-to-day business operations of the Bank. Independent Directors of the Board serve to establish impartiality on matters of possible conflict and vested interests of related parties. In addition, Independent Directors play a dual role in value creation as well as value preservation, by always acting in the best interests of the Bank's stakeholders.

Transparency and Reporting

Transparency builds trust, engagement and commitment of our stakeholders to the vision and mission of the Bank. We continuously discuss and deliberate on the level of transparency and accountability in reporting across various functions of the Bank. This positively contributes to improving the quality of our reporting, in terms of presenting information in a balanced, meaningful and accurate manner to our various stakeholders.

Kelestarian Kewangan

Dalam memberi keutamaan kepada kepentingan terbaik pelanggan dan kelestarian jangka panjang, aktiviti pembiayaan kami adalah sejajar dengan Garis Panduan Bank Negara mengenai Pembiayaan Bertanggungjawab dan Dokumen Dasar mengenai Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan. Pembiayaan kepada pihak-pihak yang berkait ditadbir oleh Dasar Dalaman Pembiayaan kepada Pihak-Pihak Berkait BSN untuk memastikan bahawa semua urusan niaga dilaksanakan secara telus dan setaraf.

Melalui dasar kami yang mengutamakan unsur Islam, amalan pemberian pinjaman kami dipertingkatkan oleh prinsip Syariah di mana kami mengelak dari memberi pinjaman di sektor yang dilarang. Pengawasan risiko yang berkaitan dengan aktiviti pembiayaan kami adalah berdasarkan parameter Syariah, yang memberikan panduan kepada proses dan amalan kami untuk memastikan urusan niaga dilaksanakan selaras dengan keperluan Syariah. Risiko ketidakpatuhan Syariah dikurangkan melalui pemantauan rapi terhadap ketidakpatuhan Syariah dalam semua aspek kitaran hayat produk.

Tanggungjawab Produk dan Perkhidmatan

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), BSN bukan sahaja bertanggungjawab untuk membangunkan dan menyampaikan perkhidmatan kewangan yang mencipta nilai untuk Bank tetapi juga untuk menyokong matlamat sosial dan ekonomi yang lebih luas. Dengan meningkatkan penggunaan teknologi, mendorong inovasi dan penambahbaikan berterusan terhadap produk dan perkhidmatan kami, BSN menyokong pelanggan dan komuniti kami sambil memacu pertumbuhan yang lestari.

Piagam Layanan Adil Pelanggan BSN menyatakan komitmen kami untuk menyampaikan piawaian kesaksamaan yang tertinggi dalam semua urusan kami demi melindungi kepentingan dan kesejahteraan kewangan pelanggan kami. Kami komited dalam memberikan nasihat yang jelas dan jujur dan untuk memastikan produk kewangan yang kami tawarkan adalah sesuai untuk pelanggan kami. Kami percaya bahawa memberikan hasil yang adil dan saksama kepada pelanggan akan membantu kami membina dan menjalin hubungan jangka panjang dengan pelanggan kami.

Amalan Perolehan Bertanggungjawab

Proses, dasar dan tatacara dalaman kami menyediakan panduan bagi memastikan amalan perolehan kami beretika dan bertanggungjawab, mematuhi prinsip keadilan dan mempertimbangkan semua kriteria yang wajar secara menyeluruh apabila memilih pembekal. Semua keputusan pembelian mesti dibuat berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dan demi kepentingan terbaik Bank.

Tadbir urus dan tatacara dalaman yang mantap, termasuk Dasar Tanpa Hadaiah BSN, menyediakan panduan bagi semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan ke arah memastikan tingkah laku beretika dan mencegah situasi konflik kepentingan. Semua sebut harga dan tender yang dikemukakan oleh pembekal dinilai berdasarkan kualiti barangan dan perkhidmatan, latar belakang, pengalaman dan rekod prestasi pembida dan daya saing harga.

Oleh itu, komitmen kami terhadap menegakkan ketelusan, kerahsiaan dan keadilan dalam semua urusan kami memastikan bahawa semua pembekal kami dilayan secara adil dan saksama.

Financial Sustainability

In putting our customers' best interest and long-term sustainability at the forefront, our financing activities are aligned with Bank Negara's Guideline on Responsible Financing and Policy Document on Fair Treatment of Financial Consumers. Financing to connected parties are governed by BSN's internal Financing to Connected Parties Policy to ensure that all such transactions are conducted in a transparent and arms-length basis.

Through our Islamic-first policy, our lending practices are enhanced by Shariah principles and we refrain from lending in prohibited sectors. Oversight of the risks associated with our financing activities is based on Shariah parameters, which guide our processes and practices to ensure that transactions are carried out in accordance with Shariah requirements. Shariah non-compliance risks are mitigated through rigorous monitoring of Shariah non-compliance in all aspects of the product life-cycle.

Products and Services Responsibility

As a DFI, BSN is responsible not only for designing and delivering financial services that create value for the Bank but to also support wider social and economic goals. By deepening the utilisation of technology, driving innovation and constant enhancement to our products and services, BSN supports our customers and communities while driving sustainable growth.

BSN's Treat Customers Fairly Charter specifies our commitment to provide the highest standards of fairness in all our dealings to protect the interests and financial well-being of our customers. We are committed in providing clear and honest advice and to ensure that the financial products we offer are suitable for our customers. We believe that providing fair outcomes for customers helps us to build and foster long-term relationships with our customers.

Responsible Procurement Practices

Our internal processes, policies and procedures guide us in ensuring that our procurement practices are ethical and responsible, adhere to the principles of fairness and consider all appropriate criteria thoroughly when selecting suppliers. All purchasing decisions must be based on good governance practices and in the best interest of the Bank.

Robust internal governance and procedures, including the Bank's No-Gift Policy, guide all those involved in the procurement process towards ensuring ethical conduct and preventing situations of conflicts of interest. All quotations and tenders submitted by suppliers are evaluated on the basis of quality of goods and services, background, experience and track record of the bidders and competitiveness of price.

Hence, our commitment to transparency, confidentiality and fairness in all our dealings ensures that all our suppliers can expect to be treated fairly and equally.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Pertumbuhan dan Pengekalan Kakitangan

Warga kerja kami dan bakat mereka adalah sangat penting untuk pertumbuhan kami. Di BSN, kami menggalakkan kepelbagaian di tempat kerja yang mendorong modal insan berbakat untuk membangunkan potensi mereka sepenuhnya. Cara kerja dan tindakan kami adalah berlandaskan nilai-nilai teras kami iaitu C.A.R.E (Komited, Cerdas, Menghormati dan Beretika).

Persekitaran perniagaan masa kini memerlukan warga kerja kami untuk dilengkapi dengan kemahiran yang akan mempersiapkan mereka untuk menguruskan risiko operasi perniagaan semasa dan yang bakal muncul. Kami percaya bahawa pengurusan perolehan, pertumbuhan dan pekekalan bakat yang berkesan dan cekap dapat menjamin kesinambungan, produktiviti, prestasi dan daya saing perniagaan.

Hubungan Komuniti

Kami percaya bahawa penglibatan dalam pelbagai inisiatif komuniti akan memupuk rasa tanggungjawab di kalangan warga kerja kami terhadap pelbagai isu sosial dan alam sekitar. Ini juga mengukuhkan kepercayaan terhadap peranan penting mereka dalam membuat perubahan positif menerusi penyelesaian yang lestari.

Sejak dahulu lagi kami telah memberi perkhidmatan kepada seluruh lapisan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, bangsa dan kedudukan sosial. Sejalan dengan visi Bank iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia Ketinggalan', Bank komited untuk menjalinkan hubungan yang lestari dan bermakna dengan pelanggannya melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR), yang bertujuan memberi impak positif kepada komuniti. CSR BSN adalah sejajar dengan janji jenamanya untuk memberi masyarakat, terutamanya yang kurang mendapat perkhidmatan, peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di samping memperjuangkan mandat kami untuk menyediakan rangkuman kewangan kepada semua. BSN akan memastikan semua program CSR melengkapinya nilai-nilai terasnya.

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Penglibatan sistematik merupakan asas untuk memahami keperluan pihak berkepentingan. Maklum balas dan input pihak berkepentingan kami adalah sangat berharga dan kami berhubung dengan mereka secara berkala melalui pelbagai platform sebagai kelaziman dalam perniagaan kami. Adalah penting untuk menganalisis, memahami dan bertindak balas terhadap jangkaan, keperluan, dan isu-isu pihak berkepentingan yang kian berkembang untuk memacu prinsip-prinsip dan program-program yang akan meningkatkan kesedaran dan mendorong sokongan untuk tindakan yang berkesan ke arah mencapai pembangunan yang lestari.

Risiko Iklim

BSN mengiktiraf bahawa perubahan iklim memberi kesan yang besar kepada masyarakat, ekonomi dan sistem kewangan. Bank menggunakan Taksonomi Perubahan Iklim dan Berasaskan Prinsip (CCPT) yang dikeluarkan oleh Bank Negara di dalam model dan amalan perniagaan secara keseluruhannya termasuk menyepadukan pertimbangan kelestarian ke dalam strategi dan operasinya, dan menyediakan sokongan berterusan di mana berkenaan ke arah agenda kelestarian Kerajaan dalam menyokong aktiviti pengurangan dan penyesuaian perubahan iklim.

Employee Growth and Retention

Our people and their talent are fundamental to our growth. At BSN, we encourage a workplace with full diversity which attracts talented human capital to develop their fullest potential. We work and behave by our core values of C.A.R.E (Committed, Agile, Respectful & Ethical).

Today's business environment requires our people to be equipped with skills that will prepare them to manage present and emerging risks of our business operations. We believe that effective and efficient management of talent acquisition, growth and retention can ensure business continuity, productivity, performance and competitiveness.

Community Relations

We believe that involvement in various community initiatives helps instill a sense of responsibility in our employees towards various social and environmental issues. It also reinforces belief in their critical role in bringing about positive change through sustainable solutions.

We have a long-standing tradition of serving Malaysians from all walks of life regardless of background, race and social standing. In line with the Bank's vision of 'No Malaysian Left Behind', the Bank is committed to achieve sustainable and meaningful relationships with its customers through corporate social responsibility (CSR) programmes, which will bring positive impact to the community. BSN's CSR is aligned with its brand promise to provide society, especially the underserved, the opportunity to enjoy a better life by championing our mandated roles in providing financial inclusion to all. BSN shall ensure that all CSR programmes complement its core values.

Stakeholder Engagement

Systematic engagement is fundamental to understanding stakeholders' needs. Our stakeholders and their inputs are valuable to us and we seek to reach out to them regularly through various platforms as part of the usual course of our business. It is crucial to analyse, understand and respond to the evolving expectations, needs, and issues of our stakeholders to advocate principles and programmes that will raise awareness and activate support to enable meaningful actions towards sustainable development.

Climate Risks

BSN recognises that climate change has a significant impact on the society, economy and financial system. The Bank adopts the Climate Change and Principle Based Taxonomy (CCPT) as issued by Bank Negara where applicable into its overall business practices and models including but not limited to integrating sustainability considerations into its strategy and operations, and shall also provide continuous support where applicable towards the Government sustainability agenda to support climate change mitigation and adaptation activities.

KENYATAAN AUDIT DALAMAN

INTERNAL AUDIT STATEMENT

Jabatan Audit Dalaman (IAD) melapor secara bebas kepada Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan (BAC) dan ia adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan serta unit sokongan yang lain. IAD secara berkala akan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan BSN.

Skop audit IAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan termasuk anak-anak syarikat. Pengenalpastian unit-unit untuk diaudit secara keseluruhannya adalah berdasarkan rangka kerja IAD yang berasaskan faktor risiko yang diluluskan oleh BAC. Pelan audit tahunan dirangka berdasarkan penilaian risiko, pendedahan dan strategi BSN. Bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko tinggi adalah tertakluk kepada audit tahunan, manakala bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko sederhana tinggi, sederhana atau rendah adalah tertakluk kepada audit "cycle" yang diluluskan.

Walaupun berasaskan penilaian risiko, pelan audit juga mengambil kira bahagian yang akan diaudit secara tahunan mengikut keperluan kawal selia dan kriteria-kriteria lain seperti kejadian penipuan terkini, penarafan audit yang menurun sebelumnya serta faktor-faktor lain yang berkaitan. IAD juga menjalankan siasatan kes disyaki penipuan oleh kakitangan, pelanggan atau pihak ketiga dan mencadangkan penambahbaikan yang sesuai untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang dan tindakan diambil.

IAD mempunyai akses tanpa had kepada pihak BAC dan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kerja pengauditan, yang mana asasnya termasuk mengenalpasti risiko yang boleh memberi impak negatif kepada prestasi BSN dan/atau menghalang BSN daripada mencapai matlamat korporatnya. Pihak BAC juga akan memastikan bahawa pihak pengurusan memahami risiko dan proaktif dalam pengawasan ke atas resolusi dan mitigasi mengikut keperluan.

Laporan Audit menyediakan skop audit yang dilaksanakan, penilaian ke atas sistem kawalan dalaman berserta dengan pemerhatian audit yang terperinci, tindakan mitigasi oleh pihak pengurusan, ulasan dan cadangan IAD untuk penambahbaikan. BAC menyemak dan membincangkan pengecualian atau ketidakpatuhan yang diutarakan dan memastikan bahawa sekiranya perlu dan berkaitan, pihak BAC mengarahkan pihak Pengurusan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu berkaitan dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperkuatkan sistem kawalan dalaman berdasarkan cadangan-cadangan audit tersebut.

BAC terdiri daripada empat Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ia adalah satu Jawatankuasa yang berwakilkan Lembaga Pengarah yang menyediakan pengawasan ke atas laporan kewangan, pendedahan, pematuhan peraturan undang-undang, pengurusan risiko, amalan tadbir urus dan pemantauan proses kawalan dalaman BSN. BAC memanfaatkan kerja-kerja IAD dan Laporan Audit yang dibentangkan kepada BAC. Semua penemuan-penemuan ketara dan penting oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak pengawalseliaan akan dilaporkan kepada BAC untuk semakan dan perbincangan. Dalam hal ini, BAC memastikan pelan mitigasi dilaksanakan oleh pihak pengurusan kanan untuk melindungi kepentingan BSN dan untuk memastikan tadbir urus yang wajar. Pengurusan unit perniagaan dan sokongan yang diklasifikasikan 'Tidak Memuaskan' oleh pihak IAD akan diberi nasihat yang sewajarnya oleh BAC.

The Internal Audit Department (IAD) reports independently to the Board Audit Committee (BAC) and is independent of the activities and operations of the business and other support units. IAD regularly evaluates the adequacy, efficiency and effectiveness of risk management, control, and governance processes implemented by the Management of BSN.

IAD scope of coverage encompasses all business and support units, including subsidiaries. The identification of the auditable units and the audit universe are based on a risk based IAD framework that is approved by BAC. The annual audit plan is developed based on assessment of risks, exposures, and strategies of BSN. Areas that are assessed to be high risk are subject to an annual audit while those that are assessed to be medium high, medium or low risk are subject to a cyclical audit.

Notwithstanding the risk assessment, the annual audit plan will include areas that will be audited annually due to regulatory requirements, and other established criteria such as recent incidence of fraud, previous adverse audit rating or other pertinent considerable factors. IAD also undertakes investigations into alleged frauds by staff, customers or third parties, and recommends appropriate improvements to prevent recurrence and actions to be taken.

IAD has unrestricted access to BAC and information required in the course of its work, which fundamentally involves identifying risks that could negatively impact the performance of the Group and/or keep it from achieving its corporate goals. The BAC ensures that Management fully understands the risks and proactively provide the required oversight for resolution and mitigation, where necessary.

The Audit Report provides the scope of audit work performed, a general evaluation of the system of internal control together with detailed audit observations, management mitigation actions, comments and IAD recommendations for improvement. The BAC reviews and deliberates exceptions or non-compliances raised and ensures that where required and applicable, the BAC directs Management to take cognisance of the issues and establish necessary steps to strengthen the system of internal controls based on audit recommendations.

BAC comprises four (4) Independent Non-Executive Directors. It is a Board-delegated committee that provides oversight on financial reporting, disclosure, regulatory compliance, risk management, governance practices and monitoring of internal control processes in BSN. BAC leverages on the work of the IAD and the Audit Report that is presented to the BAC. All significant and material findings by the internal auditors, external auditors and regulators are reported to the BAC for review and deliberation. In this regard, the BAC ensures that mitigation plans are implemented by senior management to safeguard the interests of BSN and to upkeep proper governance. Management of business and support units that are rated 'Unsatisfactory' by IAD are counselled by the BAC.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

SHARIAH COMMITTEE REPORT

JAWATANKUASA SYARIAH (JKS)

Sebagai sebuah Perniagaan Perbankan Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank Simpanan Nasional (Bank), yang merangkumi penubuhan JKS selari dengan keperluan Bahagian IV Penggal 2 Seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dan pelaksanaan Tadbir Urus Syariah oleh organ-organ utama di dalam Bank berdasarkan kepada Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah Bank Negara Malaysia 2019. Secara umum, JKS bertanggungjawab untuk memberikan nasihat kepada Bank untuk memastikan tujuan dan operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti kegiatannya mematuhi Syariah.

Untuk memastikan keberkesanan pengawasan dan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah oleh Bank secara keseluruhannya, JKS dibantu oleh fungsi-fungsi kawalan di bawah Tadbir Urus Syariah iaitu Bahagian Risiko Syariah Jabatan Pengurusan Risiko, Seksyen Semakan Syariah Jabatan Pematuhan dan Bahagian Audit Syariah Jabatan Audit Dalaman, manakala sokongan operasi bagi keberkesanan fungsi JKS dilaksanakan oleh Bahagian Syariah Jabatan Perbankan Islam.

KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Keanggotaan JKS adalah terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam dan undang-undang transaksi Islam. Di Bank Simpanan Nasional, JKS terdiri daripada enam (6) orang ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, tiga belas (13) mesyuarat JKS termasuk mesyuarat khas telah diadakan sepanjang dua belas (12) bulan dengan kehadiran ahli-ahli JKS adalah seperti berikut:

Bil/No	Ahli Jawatankuasa Syariah/ Shariah Committee Members	Kehadiran/ Attendance
1	Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria	13/13
2	Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh (tamat tempoh lantikan pada 31 Mei 2022/term ended on 31 May 2022)	6/6
3	Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin	13/13
4	Dr. Asma Hakimah Ab Halim	13/13
5	Dr. Razli Ramli	13/13
6	Tuan Haji Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib	13/13

SHARIAH COMMITTEE (SC)

As an Islamic Banking Business, a Shariah governance framework has been put in place as a distinct feature in the organisational structure of Bank Simpanan Nasional (the Bank), which includes establishment of the SC in line with the requirement of Part IV Division 2 Section 30 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) and implementation of Shariah Governance by key organs of the Bank in accordance with 2019 BNM Policy Document on Shariah Governance. In general, the SC has the responsibility to provide advice to the Bank to ensure that its aims and operations, business, affairs and activities are in compliance with Shariah.

In ensuring the oversight and effective management of the Bank's overall Shariah non-compliance risk, the SC is assisted by the control functions under the Shariah Governance namely Shariah Risk Division of Risk Management Department, Shariah Review Division of Compliance Department and Shariah Audit Division of Internal Audit Department, while the operational support for the effective functioning of the SC is provided by the Shariah Division of Islamic Banking Department.

COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE

Members of the SC are scholars who have the qualifications and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence and Islamic commercial laws. In Bank Simpanan Nasional, the SC consists of six (6) members with diverse backgrounds in terms of qualifications, experience and knowledge.

SHARIAH COMMITTEE MEETING

For the financial year ended 31 December 2022, thirteen (13) SC meetings including special meeting were held during the twelve (12) months with the attendance of the SC members are as follows:

IMBUHAN REMUNERATION

OBJEKTIF & PRINSIP IMBUHAN

Imbuan di BSN bertujuan untuk menarik, memotivasi dan mengekalkan kakitangan untuk mencapai objektif dan mandat jangka panjangnya dengan jayanya. BSN mengguna pakai pendekatan imbuan yang berpandukan prinsip-prinsip berikut:

Menyokong mandat dan strategi perniagaan BSN yang diukur melalui skorkad korporat

Menggalakkan pengambilan risiko yang berhemat dan tingkah laku yang diinginkan

- Tahap penekanan yang bersesuaian diberikan kepada mandat BSN dengan mengaitkan imbuan dengan skorkad korporat.
- Hasil yang dijangkakan mengenai pencapaian mandat digabungkan ke dalam skorkad korporat.
- Imbuan dikaitkan dengan prestasi keseluruhan skorkad korporat yang mana pencapaian mandat adalah salah satu elemen utama.
- Sistem imbuan dikaitkan dengan pengurusan prestasi kakitangan yang menggalakkan pengambilan risiko yang berhemat, hasil pematuhan dan tingkah laku yang diinginkan.
- Imbuan Tidak Tetap ditangguhkan dan/atau dilucut hakkan dalam kes pengambilan risiko yang tidak wajar, ketidakpatuhan dan salah laku berdasarkan keputusan tindakan tatatertib.

Menyelaraskan imbuan dengan prestasi

Menyediakan imbuan yang berdaya saing dengan pasaran

- Sistem imbuan direka bentuk untuk memastikan ganjaran adalah berdasarkan prestasi korporat dan individu.
- Prestasi individu akan diukur berdasarkan pencapaian KPI, kompetensi, hasil pengambilan risiko dan pematuhan serta kelakuan.
- Penangguhan pembayaran dan pelucuthakan Imbuan Tidak Tetap dikenakan ke atas kes ketidakpatuhan dan salah laku yang melibatkan kesan yang negatif.
- Penanda aras imbuan dijalankan terhadap industri dan pasaran di mana Bank beroperasi dengan mengambil kira kelestarian kewangan jangka panjang Bank.
- Peruntukan untuk Imbuan Tidak Tetap adalah berdasarkan prestasi keseluruhan dan kedudukan kewangan Bank, trend pasaran serta keadaan ekonomi.

REMUNERATION OBJECTIVES & PRINCIPLES

Remuneration at BSN is aimed to attract, motivate and retain employees to deliver its long term objectives and mandates successfully. BSN applies a remuneration approach that is guided by the following principles:

Support BSN mandates and business strategies measured through corporate scorecard

Promote prudent risk-taking and desired conduct

- An appropriate level of emphasis is given to BSN's mandates through the linkage between corporate scorecard and remuneration.
- The expected outcomes on mandates delivery are incorporated into the corporate scorecard.
- Remuneration is connected to the overall performance of corporate scorecard in which mandates delivery is one of the key elements.
- The remuneration system is linked to employee performance management that encourages prudent risk taking, desired compliance outcomes and conduct.
- Variable pay is deferred and/or forfeited in cases of improper risk-taking, non-compliance and misconduct based on the consequence management outcomes.

Align pay with performance

Provide market-competitive pay

- The remuneration system is designed to ensure that reward is measurably linked to corporate and individual performance.
- The individual performance will be measured based on KPI achievements, competencies, risk and compliance outcomes as well as conduct.
- Payment deferment and forfeiture of variable pay are applied to non-compliance and misconduct involving material adverse outcomes.
- Remuneration benchmarking is conducted against the industry and market where the Bank operates taking into account long term financial sustainability of the Bank.
- The pool for the variable pay is determined by the overall Bank's performance and financial standing, market trends and economic conditions.

IMBUHAN REMUNERATION

KOMPONEN IMBUHAN

Jumlah pampasan adalah fokus utama imbuhan dalam konteks ini melibatkan dua (2) komponen utama iaitu, Imbuhan Tetap dan Imbuhan Tidak Tetap.

REMUNERATION COMPONENTS

The total compensation is the key focus of the remuneration in this context involving two (2) main components namely, fixed pay and variable pay.

	Apa/What	Kenapa/Why	Bagaimana/How
Imbuhan Tetap/ Fixed Pay	Gaji/ Salary	<ul style="list-style-type: none"> Menarik dan mengekalkan bakat dengan memastikan Imbuhan Tetap kami berdaya saing dengan institusi yang setanding dengan mengambil kira kelestarian kewangan jangka panjang Bank. Attract and retain talent by ensuring our fixed pay is sufficiently competitive with comparable institution taking into consideration the Bank's long term financial sustainability. 	<ul style="list-style-type: none"> Menetapkan imbuhan pada tahap yang sesuai dengan mengambil kira keadaan pasaran, kemahiran, pengalaman, tanggungjawab, akauntabiliti dan/atau prestasi kerja. Bayaran tersebut dibayar kepada kakitangan secara bulanan dan boleh diselaraskan setiap tahun atau apabila perlu. Set at an appropriate pay level by taking into account market conditions, skills, experience, responsibilities, accountability and/or performance of the employee. The payment is paid to employees on a monthly basis and may be reviewed annually or as and when needed.
Imbuhan Tidak Tetap/ Variable Pay	Bonus prestasi/ Performance bonus	<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan bayaran untuk prestasi. Promote pay for performance. Membantu menumpukan kakitangan kepada pencapaian objektif Bank dan memenuhi mandatnya. Help to focus employees on the achievement of the Bank's objectives and fulfilment of its mandates. Menggalakkan tingkah laku yang betul dan kelakuan beretika melalui penangguhan bonus dan pengaturan pelucuthakan. Encourage the right behaviours and ethical conduct through bonus deferment and forfeiture arrangement. 	<ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan prestasi Bank dan prestasi individu kakitangan. Based on the performance of the Bank and the employee's individual performance. Diukur berdasarkan skorkad korporat, KPI dan sasaran yang dipersetujui pada awal setiap tahun. Measured against the corporate scorecard, KPIs and targets agreed at the beginning of each year. Peruntukan bonus adalah berdasarkan pencapaian keseluruhan skorkad korporat dan prestasi kewangan Bank tertakluk kepada persetujuan Lembaga Pengarah dan kelulusan Kementerian Kewangan. The bonus pool is determined based on the overall corporate scorecard achievement and the Bank's financial performance subject to the Board of Directors' endorsement and the Ministry of Finance's approval.

IMBUHAN UNTUK PEGAWAI KANAN UTAMA, SETIAUSAHA SYARIKAT DAN PENGAMBIL RISIKO UTAMA LAIN

Imbuan Pegawai Kanan Utama (meliputi Ketua Pegawai dan Ketua Fungsi Kawalan), Setiausaha Syarikat dan Pengambil Risiko Utama Lain dikemukakan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan untuk persetujuan dan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Imbuan Pegawai Kanan Utama dan Pengambil Risiko Utama Lain BSN pada TK2022 adalah diringkaskan dalam jadual di bawah:

REMUNERATION FOR KEY SENIOR OFFICERS, COMPANY SECRETARY AND OTHER MATERIAL RISK TAKERS

The remuneration of Key Senior Officers (covering Chief Officers and Heads of Control Functions), Company Secretary and Other Material Risk Takers (OMRTs) is submitted to the Board Nomination and Remuneration Committee for endorsement and to the Board for approval. The remuneration of BSN's Key Senior Officers and OMRTs in FY2022 is summarised in the table below:

Jumlah Nilai Imbuan (RM)/ Total Value of Remuneration (RM)	Pegawai Kanan Utama & Setiausaha Syarikat/ Key Senior Officers & Company Secretary	Pengambil Risiko Utama Lain/ OMRTs
Imbuan Tetap/ Fixed Pay	RM3,715,847	RM1,837,239
Imbuan Tidak Tetap/ Variable Pay	RM810,125	RM351,375
Definisi/ Definition	<p>Pegawai Kanan Utama ditakrifkan sebagai Ketua Pegawai Perniagaan, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Pematuhan, Ketua Juruaudit Dalaman, Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Pegawai Integriti & Tadbir Urus.</p> <p>Key Senior Officers are defined as Chief Business Officer, Chief Operating Officer, Chief Financial Officer, Chief Compliance Officer, Chief Internal Auditor, Chief Risk Officer and Chief Integrity & Governance Officer.</p>	<p>Pengambil Risiko Utama Lain ditakrifkan sebagai kakitangan yang boleh mengawal sejumlah besar sumber Bank atau yang mana tindakan mereka berkemungkinan mempunyai kesan ketara ke atas profil risiko Bank atau mereka di kalangan pegawai yang diberikan ganjaran paling tinggi. Jawatan yang termasuk di bawah takrifan Pengambil Risiko Utama Lain disemak semula oleh Lembaga Pengarah setiap tahun.</p> <p>OMRTs are defined as the employees who can materially commit or control significant amounts of the Bank's resources or whose actions are likely to have a significant impact on its risk profile or those among the most highly remunerated officers. The positions that fall under the definition of OMRTs are reviewed by the Board of Directors annually.</p>

Nota: Imbuan Ketua Eksekutif dan para pengarah dinyatakan secara berasingan di bawah Penyata Kewangan, di muka surat 188 sehingga 190.

Notes: The remuneration of the Chief Executive and directors are disclosed separately under Financial Statement, on pages 340 to 342.



PENYATA KEWANGAN

- 106 Sijil Ketua Audit Negara
- 111 Penyata Ahli Lembaga Pengarah
- 112 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab
- 113 Laporan Pengarah
- 115 Laporan Jawatankuasa Syariah BSN
- 118 Penyata Kedudukan Kewangan
- 119 Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain
- 120 Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan
- 121 Penyata Perubahan Ekuiti
- 122 Penyata Aliran Tunai
- 125 Nota Kepada Penyata Kewangan



BSN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK SIMPANAN NASIONAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 5 hingga 188.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Pekeliling Perbendaharaan dan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Syariah.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Pekeliling Perbendaharaan dan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Syariah. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Bank Simpanan Nasional atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain


Berdasarkan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [*Akta 146*], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan Syariah, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Bank Simpanan Nasional hendaklah meningkatkan usaha menambah baik kawalan dalaman terhadap sistem maklumat bagi memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan data dari aspek berikut:

- i. akses keselamatan merangkumi akses pengguna yang telah berhenti, pengurusan akaun, keselamatan konfigurasi dan peranan *public* pada pangkalan Data Oracle serta penambahbaikan proses bagi Pusat Data dan Rangkaian Operasi; dan
- ii. maklumat yang dijana berkaitan dengan item Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan bagi memastikan ketepatan pelaporan kewangan.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Simpanan Nasional berdasarkan keperluan Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Syariah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(PATIMAH BINTI RAMUJI)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
PUTRAJAYA
23 MAC 2023



PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** yang merupakan dua daripada Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 28 Februari 2023

Bagi pihak Lembaga,



JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 28 Februari 2023

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB

KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL

Kami, **MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** sebagai Pengarah dan Ketua Eksekutif, masing-masing yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini bersama dengan nota-nota Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun 1960.




MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR



JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 28 Februari 2023

Di hadapan saya,



43A-1-11, JALAN 1/48A,
SENTUL PERDANA
BANDAR BARU SENTUL
51000 KUALA LUMPUR

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti dinyatakan dalam Nota 8 dan 9 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	BANK RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	397,981	416,365
Belanja cukai dan zakat	(122,623)	(127,401)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	275,358	288,964
Keuntungan bersih pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:		
Pemilik Bank	271,506	288,964
Kepentingan tak mengawal	3,852	—
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	275,358	288,964

Keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Semasa akhir tahun kewangan 31 Disember 2022, dividen tunai yang dibayar oleh Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah RM30 juta.

Berkenaan dengan tahun kewangan semasa, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen tunai sebanyak RM30 juta. Dividen yang dicadangkan akan diiktiraf pada tahun kewangan berikutnya setelah diluluskan oleh pihak luar yang berkenaan.

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas dan pada tarikh laporan ini ialah:

Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir (dilantik pada 4 Disember 2022)
 Haji Selamat Bin Sirat
 Datin Zaimah Binti Zakaria
 Ahmad Lutfi Bin Abdull Mutalip @ Talib
 Dato' Mohd Rizal Bin Mohd Jaafar
 Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah
 Rossana Annizah Binti Ahmad Rashid (meletakkan jawatan pada 31 Januari 2023)
 Dr Mastura Binti Abdul Karim (meletakkan jawatan pada 3 Disember 2022)
 Dato' Haji Amirudin Bin Haji Abdul Halim (meletakkan jawatan pada 8 Ogos 2022)

Kesemua para Pengarah adalah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah. Kesemua para Pengarah adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

LAPORAN PENGARAH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada antara para Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang imbuhan (selain daripada imbuhan yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang telah diterima atau patut dan belum diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 32 dalam penyata kewangan) dibawah kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana para Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana para Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Sepanjang tempoh dan pada akhir tahun kewangan tiada sebarang perjanjian yang mengatakan Bank merupakan pihak yang mana Pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pembelian saham atau debentur dalam Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya:

- i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan
- ii) untuk memastikan aset-aset semasa yang mana nilai bukannya, mungkin tidak dapat direalisasi dalam rekod perakaunan dalam urusaniaga biasa perniagaan, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

- i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk atau peruntukan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dalam penyata Kumpulan dan Bank tidak mencukupi dengan ketaranya; atau
- ii) nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan; atau
- iii) tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau
- iv) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak bersesuaian.


Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; atau
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank selepas berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank yang boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh merosotnilaikan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusaniaga atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusaniaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah:



MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR
PENGARAH



JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
PENGARAH

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Penyayang
Segala Puji-Pujian Hanya kepada Allah SWT dan Selawat serta Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW,
kaum keluarga dan sahabat Baginda.

PENGENALAN

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional (Bank) sepertimana digariskan di dalam Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan juga sebagai mematuhi surat pelantikan, kami dengan ini mengemukakan laporan kami bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Pengurusan Bank pada setiap masa bertanggungjawab memastikan operasi Bank dan perniagaan berkaitan Perbankan Islam dijalankan selaras dengan prinsip Syariah, dan adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyatakan pendapat secara bebas berdasarkan semakan kami ke atas operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti produk-produk patuh Syariah Bank serta menghasilkan laporan ini.

PERLAKSANAAN TANGGUNGJAWAB

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami, kami membentuk pendapat berdasarkan maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Syariah termasuk meneliti, berdasarkan ujian bagi setiap jenis transaksi, dokumentasi dan prosedur berkaitan yang diguna pakai oleh Bank adalah tidak melanggar hukum dan prinsip Syariah.

Tadbir urus Syariah yang berkesan turut disokong oleh Sekretariat Jawatankuasa Syariah dan Fungsi Kawalan Syariah yang terdiri daripada Pengurusan Risiko Syariah, Semakan Syariah dan Audit Syariah.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa Sekretariat Jawatankuasa Syariah telah memberi sokongan operasi terhadap keberkesanan fungsi Jawatankuasa Syariah dan kami telah menugaskan kerja dan kuasa tanggungjawab kepada Bahagian Syariah berdasarkan kepada skop mandat yang telah dipersetujui di mana kerja, pertimbangan utama dan keputusan berkaitan perkara yang ditugaskan tersebut serta laporan-laporan lain yang berkaitan telah dilaporkan kepada kami semasa mesyuarat bagi tujuan perbincangan, kelulusan, persetujuan dan kami.

Sementara itu, Fungsi Kawalan ini memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang efektif dalam Bank. Kami telah menilai laporan yang dihasilkan oleh Risiko Syariah, Semakan Syariah dan Audit Syariah yang merangkumi kemaskini berkala, memeriksa, pada asas ujian sampel, setiap jenis transaksi, operasi, dokumentasi dan prosedur berkaitan yang diguna pakai oleh Bank yang dibentangkan kepada kami.

PENGURUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Pada tahun 2022, kami telah mengadakan tiga belas (13) mesyuarat termasuk satu (1) mesyuarat khas di mana kami telah menyemak, membincangkan, mengesahkan dan meluluskan produk-produk baharu Perbankan Islam, variasi dan program yang berkaitan, perkhidmatan, isu-isu/keimbangan Perbankan Islam yang telah timbul dalam operasi, polisi, manual dan dokumentasi lain.

Kami mengesahkan telah memenuhi jangkaan pengawalselia berkaitan pengurusan mesyuarat termasuk kehadiran ahli, kuorum ahli yang mempunyai latar belakang Syariah dan bukan Syariah serta keputusan atau nasihat yang telah diputuskan oleh kami.

Secara umumnya, kontrak-kontrak Syariah yang telah diluluskan bagi produk-produk patuh Syariah adalah Tawarruq (digunakan untuk Pembiayaan perumahan Islamik, Pembiayaan Peribadi Islamik, Pembiayaan Perniagaan Mikro Islamik, Deposit Tetap Islamik, Sijil Simpanan Premium Edisi Khas, Akaun Simpanan dan e-Semasa Islamik), Al-Ijarah Thumma Al-Bai' "AITAB" (Pembiayaan Kenderaan Islamik), Mudarabah (Sijil Simpanan Premium) dan Ujrah (Kad Kredit Islamik). Kami juga telah meluluskan produk akaun emas patuh Syariah baharu yang menggunakan kontrak Syariah Bai' Musawamah dan Wakalah.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

PENGAWASAN LEMBAGA PENGARAH TERHADAP PERIHAL SYARIAH

Selaras dengan usaha untuk memberikan sokongan ke atas fungsi pengawasan Lembaga Pengarah serta untuk membina komunikasi yang berkesan antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah, kertas kerja khusus berkenaan ringkasan keputusan dan perbincangan penting semasa mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dan perhatian, sebagai tambahan kepada edaran Minit Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang disahkan kepada mesyuarat Lembaga Pengarah.

Sebagai salah satu inisiatif untuk mengukuhkan interaksi antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah, dua (2) sesi libat urus telah dianjurkan di mana ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah berkumpul untuk membincangkan perkara yang dikenal pasti dan terpilih.

PEMBANGUNAN KAPASITI & KESEDARAN

Dengan matlamat untuk membangunkan dan mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman tentang kewangan Islam di kalangan pihak-pihak berkepentingan, Bank telah menganjurkan latihan secara berterusan mengikut Pelan Hala Tuju Perbankan Islam & Latihan Syariah yang telah diluluskan di mana semua pihak berkepentingan mengambil bahagian dalam program, latihan atau kursus dalaman atau luaran yang ditetapkan atau dikenalpasti oleh Bank.

Ke arah memantapkan profesionalisme dan meningkatkan keupayaan Jawatankuasa Syariah, kami telah mendaftar dalam program persijilan berstruktur iaitu *Certified Shariah Advisor (CSA)* dan *Certified Shariah Practitioner (CSP)* di bawah anjuran Persatuan Penasihat-Penasihat Syariah Dalam Kewangan Islam (ASAS).

Tambahan, kami juga telah menghadiri dan menyertai program atau seminar berkaitan kewangan Islam dan Syariah untuk membolehkan kami mengikuti perkembangan terkini dalam industri. Ini juga termasuk dua (2) program latihan dalaman yang telah dikendalikan oleh penceramah luar yang dilantik meliputi topik "*The Implementation of Shariah Governance in Islamic Banking*" dan "*The Beauty of Islamic Finance*" yang telah diadakan masing-masing pada 5 Julai 2022 dan 16 Disember 2022.

Kami juga mengakui bahawa siri latihan dan kesedaran mengenai Perbankan Islam dan Syariah telah diadakan secara dalaman bagi mengukuhkan lagi keupayaan kakitangan Bank. Bank juga amat komited dalam memantapkan tahap kefahaman dan pengetahuan dalam bidang Syariah dengan melantik kakitangan terpilih untuk mengikuti pelbagai latihan dan kursus luar perbankan dan Kewangan Islam.

INSIDEN KETIDAKPATUHAN SYARIAH

Sepanjang tahun kewangan, terdapat satu (1) insiden ketidakpatuhan Syariah yang dikategorikan sebagai *non-material* telah dilaporkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah yang melibatkan penawaran kemudahan pembiayaan mikro Islamik kepada pelanggan yang menjalankan perniagaan tidak patuh Syariah. Walau bagaimanapun, tiada sebarang amaun pendapatan tidak patuh Syariah kepada Bank. Insiden tersebut bersama pelan pembetulan telah dibentangkan kepada kami dan Lembaga Pengarah untuk pengesahan dan kemudiannya dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia mengikut proses pelaporan dan tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kami juga memantau Bank dalam menangani insiden ketidakpatuhan Syariah yang berlaku pada tahun-tahun kewangan sebelum ini dengan tindakan pembetulan telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH BSN

PENDAPAT MENGENAI PEMATUHAN BANK TERHADAP SYARIAH

Bersandarkan kepada perkara di atas, kami berpendapat bahawa:

1. Kontrak, transaksi dan urusan yang digunakan oleh Bank pada tahun berakhir 31 Disember 2022 yang telah kami semak, mematuhi prinsip dan peraturan Syariah;
2. Kami percaya bahawa apa yang telah dibentangkan untuk perhatian Jawatankuasa Syariah yang melibatkan operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti Bank adalah tidak terlibat dengan sebarang ketidakpatuhan Syariah;
3. Pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip dan peraturan Syariah;
4. Segala pendapatan yang telah terhasil daripada sumber atau melalui cara yang dilarang oleh prinsip Syariah sebagaimana yang diluluskan oleh kami, telah disalurkan bagi tujuan kebajikan; dan
5. Pengiraan zakat bagi Perniagaan Perbankan Islam dilakukan berdasarkan kaedah Modal Berkembang sepertimana yang telah disahkan oleh pihak berkuasa Zakat yang dibayar kepada semua Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri berdasarkan pecahan yang telah diluluskan oleh Bank, adalah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, setakat kemampuan terbaik kami, dengan ini mengesahkan bahawa selain daripada perkara yang didedahkan sebelum ini, bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dijalankan mengikut prinsip dan peraturan Syariah.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah:



PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA
PENGERUSI JAWATANKUASA SYARIAH



PROF. MADYA DR. KAMARUZAMAN NOORDIN
TIMBALAN PENGERUSI JAWATANKUASA SYARIAH

Kuala Lumpur, Malaysia
23 Februari 2023

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		BANK	
		2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	3	1,273,699	1,544,948	1,202,241	1,636,050
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain		190,766	178,581	–	–
Pelaburan sekuriti	4	9,408,193	8,216,032	9,003,702	8,069,789
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	5	34,874,231	32,444,350	34,874,231	32,444,350
Aset-aset lain	7	668,912	564,006	442,833	208,442
Pelaburan dalam subsidiari	8	–	–	53,000	53,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	129,037	150,100	145,877	145,877
Hartanah, loji dan peralatan	10	460,313	474,915	433,130	449,109
Aset hak-kegunaan	11	150,353	157,438	87,207	87,592
Pelaburan hartanah	12	61,062	62,430	61,062	62,430
Bayaran pajakan prabayar	13	85,651	86,897	84,200	85,429
Aset tak ketara	14	248,184	243,300	95,218	96,791
Cukai diperolehi semula	24	15,237	–	931	–
Aset cukai tertunda	25	156,075	181,572	130,845	181,510
Aset dana takaful keluarga	42	5,714,514	5,443,097	–	–
Jumlah aset		53,436,227	49,747,666	46,614,477	43,520,369
LIABILITI DAN EKUITI					
Deposit daripada pelanggan	15	27,770,011	29,307,649	27,774,611	29,539,473
Akaun pelaburan oleh pelanggan	16	3,711,466	3,621,936	3,711,466	3,621,936
Deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	17	6,893,079	2,606,924	6,893,079	2,606,924
Sukuk	18	754,577	754,393	754,577	754,393
Pendapatan tertunda	19	1,979,086	1,376,183	1,979,086	1,376,183
Obligasi manfaat persaraan	20	366,304	676,335	366,304	676,335
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	21	300,676	303,406	300,676	303,406
Liabiliti pajakan	22	152,394	157,548	82,793	83,048
Liabiliti-liabiliti lain	23	1,713,335	1,452,016	1,109,980	961,983
Peruntukan untuk cukai dan zakat	24	4,454	92,407	4,454	93,402
Liabiliti dana takaful keluarga	42	594,832	704,269	–	–
Liabiliti dana pemegang polisi takaful keluarga	42	5,119,682	4,738,828	–	–
Jumlah liabiliti		49,359,896	45,791,894	42,977,026	40,017,083
EKUITI					
Perolehan tertahan		1,845,799	1,736,679	1,694,816	1,568,238
Rizab-rizab lain		1,944,560	1,936,973	1,942,635	1,935,048
Jumlah rizab		3,790,359	3,673,652	3,637,451	3,503,286
Kepentingan tak mengawal terkumpul		285,972	282,120	–	–
Jumlah ekuiti		4,076,331	3,955,772	3,637,451	3,503,286
Jumlah liabiliti dan ekuiti		53,436,227	49,747,666	46,614,477	43,520,369
KOMITMEN DAN LUAR JANGKA	37	3,068,205	3,270,489	3,064,253	3,265,595

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN		BANK	
		2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Hasil	26	3,115,724	2,979,804	2,111,967	1,976,923
Pendapatan faedah	27	520,083	492,350	517,006	491,665
Perbelanjaan faedah	28	(74,372)	(71,560)	(79,006)	(81,238)
Pendapatan faedah bersih		445,711	420,790	438,000	410,427
Pendapatan fi dan komisen	29	988,778	940,154	91,852	79,975
Pendapatan operasi lain	30	160,461	244,358	56,707	102,341
Perbelanjaan operasi lain	31	(48,887)	(44,025)	(45,556)	(40,482)
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	41	935,506	920,567	935,506	920,567
Jumlah pendapatan bersih		2,481,569	2,481,844	1,476,509	1,472,828
Perbelanjaan kakitangan	32	(811,312)	(812,185)	(688,976)	(694,827)
Overhed lain	33	(1,279,653)	(1,226,246)	(399,608)	(382,084)
Keuntungan operasi sebelum elau rosotnilai		390,604	443,413	387,925	395,917
Masuk kira semula rosotnilai bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	34	28,440	9,547	28,440	9,547
Elaun bagi rosotnilai atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	(4,730)	(5,329)	–	–
Keuntungan operasi selepas elau rosotnilai		414,314	447,631	416,365	405,464
Bahagian (kerugian)/keuntungan selepas cukai bagi syarikat bersekutu	9	(16,333)	10,802	–	–
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat		397,981	458,433	416,365	405,464
Perbelanjaan cukai	35	(118,321)	(145,562)	(124,401)	(110,575)
Zakat	24	(4,302)	(5,825)	(3,000)	(3,000)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		275,358	307,046	288,964	291,889
Keuntungan bersih bagi tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		271,506	302,072	288,964	291,889
Kepentingan tak mengawal	8	3,852	4,974	–	–
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		275,358	307,046	288,964	291,889
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain, selepas cukai dan cukai tertunda:					
Item yang tidak akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:					
Pengukuran semula obligasi manfaat ditentukan		12,097	–	12,097	–
Item yang mungkin akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:					
Perubahan bersih dalam nilai saksama bagi pelaburan sekuriti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		(136,896)	(247,251)	(136,896)	(247,251)
Kerugian komprehensif lain pada tahun semasa, selepas cukai dan cukai tertunda		(124,799)	(247,251)	(124,799)	(247,251)
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		150,559	59,795	164,165	44,638
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		146,707	54,821	164,165	44,638
Kepentingan tak mengawal	8	3,852	4,974	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		150,559	59,795	164,165	44,638

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

KUMPULAN	Milik pemegang ekuiti Bank									
	Tidak boleh diagih					Boleh diagih				
Nota	Rizab Am* RM'000	Rizab Modal** RM'000	Rizab Saksama RM'000	Rizab Nilai Pematuhan*** RM'000	Rizab Penilaian Semula RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000	Kepentingan Mengawal RM'000	Tak	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2021	100,000	1,494,087	310,984	131,283	1,925	1,601,552	3,639,831	277,146		3,916,977
Keuntungan bersih pada tahun semasa	-	-	-	-	-	302,072	302,072	4,974		307,046
Kerugian komprehensif lain pada tahun semasa	-	-	(247,251)	-	-	-	(247,251)	-		(247,251)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif pada tahun semasa	-	-	(247,251)	-	-	302,072	54,821	4,974		59,795
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	(21,000)	(21,000)	-		(21,000)
Pindahan ke rizab modal	-	145,945	-	-	-	(145,945)	-	-		-
Pada 31 Disember 2021	100,000	1,640,032	63,733	131,283	1,925	1,736,679	3,673,652	282,120		3,955,772
Pada 1 Januari 2022	100,000	1,640,032	63,733	131,283	1,925	1,736,679	3,673,652	282,120		3,955,772
Keuntungan bersih pada tahun semasa (Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa	-	-	-	-	-	271,506	271,506	3,852		275,358
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif pada tahun semasa	-	-	(136,896)	-	-	12,097	(124,799)	-		(124,799)
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	283,603	146,707	3,852		150,559
Pindahan ke rizab modal	-	144,483	-	-	-	(30,000)	(30,000)	-		(30,000)
Pada 31 Disember 2022	100,000	1,784,515	(73,163)	131,283	1,925	1,845,799	3,790,359	285,972		4,076,331

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2021: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 40(b)(vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

BANK	Nota	Milik pemegang ekuiti Bank					Jumlah Rizab RM'000
		Tidak boleh diagih			Boleh diagih		
		Rizab Am* RM'000	Rizab Modal** RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Pematuhan*** RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2021		100,000	1,494,087	310,984	131,283	1,443,294	3,479,648
Keuntungan bersih pada tahun semasa		–	–	–	–	291,889	291,889
Kerugian komprehensif lain pada tahun semasa		–	–	(247,251)	–	–	(247,251)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif pada tahun semasa		–	–	(247,251)	–	291,889	44,638
Dividen dibayar	43	–	–	–	–	(21,000)	(21,000)
Pindahan ke rizab modal		–	145,945	–	–	(145,945)	–
Pada 31 Disember 2021		100,000	1,640,032	63,733	131,283	1,568,238	3,503,286
Pada 1 Januari 2022		100,000	1,640,032	63,733	131,283	1,568,238	3,503,286
Keuntungan bersih pada tahun semasa		–	–	–	–	288,964	288,964
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa		–	–	(136,896)	–	12,097	(124,799)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif pada tahun semasa		–	–	(136,896)	–	301,061	164,165
Dividen dibayar	43	–	–	–	–	(30,000)	(30,000)
Pindahan ke rizab modal		–	144,483	–	–	(144,483)	–
Pada 31 Disember 2022		100,000	1,784,515	(73,163)	131,283	1,694,816	3,637,451

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2021: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 40(b)(vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	KUMPULAN		BANK	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Untung sebelum cukai dan zakat	397,981	458,433	416,365	405,464
Pelarasan untuk:				
Pelunasan premium bersih	(23,660)	(18,887)	(23,660)	(18,887)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	64,743	63,874	61,679	60,433
Susut nilai aset hak-kegunaan	26,358	27,907	20,381	20,696
Susut nilai pelaburan hartanah	1,368	1,358	1,368	1,358
Pelunasan pembayaran pajakan prabayar	1,246	1,233	1,229	1,216
Pelunasan aset tak ketara	47,515	46,885	32,492	31,757
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	647	234	602	165
Aset tak ketara dihapus kira	399	41	–	–
Keuntungan bersih ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(90)	(106)	(95)	(106)
Keuntungan bersih ke atas penyahiktirafan aset hak-kegunaan	(3,286)	(2,425)	(3,286)	(2,425)
Peruntukan kerugian kredit dijangka bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(58,735)	(30,533)	(58,735)	(30,533)
Masuk kira semula rosotnilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	4,730	5,329	–	–
Hutang lapuk dihapus kira	61,476	50,791	61,476	50,791
Bahagian kerugian/(keuntungan) selepas cukai bagi dalam syarikat bersekutu	16,333	(10,802)	–	–
Keuntungan bersih daripada pelaburan sekuriti	(13,544)	(74,720)	(13,532)	(82,097)
Keuntungan perbelanjaan bagi sukuk	26,864	5,314	26,864	5,314
Kos kewangan ke atas liabiliti pajakan	6,522	6,720	3,159	3,178
Kos kewangan ke atas kos baik pulih	320	353	351	352
Manfaat perubatan selepas persaraan	10,053	9,871	10,053	9,871
Manfaat persaraan gratuiti	(4,278)	35,248	(4,278)	35,248
Manfaat persaraan cuti terkumpul	3,107	1,841	3,107	1,841
Pendapatan dividen	(792)	(3,086)	(50)	(1,085)
Penggunaan geran kerajaan	(6,711)	(8,876)	(6,711)	(8,876)
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	558,566	565,997	528,779	483,675
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	(12,185)	(34,683)	–	–
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(2,430,660)	(2,677,857)	(2,430,660)	(2,677,857)
Perubahan dalam aset-aset lain	3,464	(175,328)	(126,021)	(19,957)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	(1,537,638)	1,525,409	(1,764,862)	1,753,509
Perubahan akaun pelaburan oleh pelanggan	89,530	49,682	89,530	49,682
Perubahan dalam deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	4,286,155	(56,999)	4,286,155	(56,999)
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	262,209	145,749	146,729	(4,498)
Aliran tunai dihasilkan daripada operasi	1,219,441	(658,030)	729,650	(472,445)
Cukai dibayar	(157,258)	(143,249)	(124,729)	(104,244)
Bayaran balik cukai	130	5,000	–	5,000
Zakat dibayar	(3,776)	(5,530)	(2,474)	(2,705)
Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar	(2,824)	(2,141)	(2,824)	(2,141)
Manfaat persaraan gratuiti dibayar	(292,525)	(16,488)	(292,525)	(16,488)
Manfaat persaraan cuti terkumpul dibayar	(7,647)	(1,277)	(7,647)	(1,277)
Tunai bersih dihasilkan/(digunakan dalam) daripada aktiviti operasi	755,541	(821,715)	299,451	(594,300)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	KUMPULAN		BANK	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	(18,000)	–	(18,000)
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	1,281	416	365	324
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(52,379)	(24,108)	(46,972)	(23,331)
Pembelian hartanah pelaburan	–	(2,301)	–	(2,301)
Pembelian pembayaran pajakan prabayar	–	(3,451)	–	(3,451)
Pembelian aset tak ketara	(54,665)	(63,094)	(30,919)	(24,740)
Pembelian bersih pelaburan sekuriti	(1,335,085)	(878,201)	(1,076,849)	(930,323)
Dividen diterima	792	3,086	50	1,085
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(1,440,056)	(985,653)	(1,154,325)	(1,000,737)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerimaan pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	180	50,000	180	50,000
Pembayaran balik pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	(2,906)	(8,605)	(2,906)	(8,605)
Penerimaan daripada sukuk	–	750,000	–	750,000
Keuntungan perbelanjaan dibayar kepada sukuk	(26,680)	(921)	(26,680)	(921)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(28,798)	(29,211)	(20,999)	(21,531)
Penerimaan geran daripada Kerajaan	501,470	423,600	501,470	423,600
Dividen dibayar kepada Kerajaan	(30,000)	(21,000)	(30,000)	(21,000)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	413,266	1,163,863	421,065	1,171,543
PENURUNAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(271,249)	(643,505)	(433,809)	(423,494)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	1,544,948	2,188,453	1,636,050	2,059,544
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1,273,699	1,544,948	1,202,241	1,636,050
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Tunai dan dana jangka pendek	1,273,699	1,544,948	1,202,241	1,636,050

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

PERUBAHAN LIABILITI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:

KUMPULAN	1 Januari 2022 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2022 RM'000
Sukuk	754,393	(26,680)	26,864	754,577
Pendapatan tertunda	1,376,183	501,470	101,433	1,979,086
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	303,406	(2,726)	(4)	300,676
Liabiliti pajakan	157,548	(28,798)	23,644	152,394
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	2,591,530	443,266	151,937	3,186,733

	1 Januari 2021 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2021 RM'000
Sukuk	–	749,079	5,314	754,393
Pendapatan tertunda	958,680	423,600	(6,097)	1,376,183
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	264,790	41,395	(2,779)	303,406
Liabiliti pajakan	159,231	(29,211)	27,528	157,548
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	1,382,701	1,184,863	23,966	2,591,530

BANK	1 Januari 2022 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2022 RM'000
Sukuk	754,393	(26,680)	26,864	754,577
Pendapatan tertunda	1,376,183	501,470	101,433	1,979,086
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	303,406	(2,726)	(4)	300,676
Liabiliti pajakan	83,048	(20,999)	20,744	82,793
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	2,517,030	451,065	149,037	3,117,132

	1 Januari 2021 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2021 RM'000
Sukuk	–	749,079	5,314	754,393
Pendapatan tertunda	958,680	423,600	(6,097)	1,376,183
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	264,790	41,395	(2,779)	303,406
Liabiliti pajakan	81,741	(21,531)	22,838	83,048
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	1,305,211	1,192,543	19,276	2,517,030

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ("Bank") ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan berpangkalan di Malaysia. Pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan Bank adalah di Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 terdiri daripada Bank dan subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai "Kumpulan") dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 tidak termasuk entiti lain.

Aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan masing-masing di Nota 8 dan 9.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah pada 28 Februari 2023.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") yang telah diubahsuai oleh Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"), Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 ("DFIA"), Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") dan keperluan Syariah, di mana berkenaan.

Penyata kewangan bagi syarikat subsidiari Bank telah disediakan menurut MFRSs, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Bank terima pakai kesemua Pindaan kepada MFRS yang telah dilakukan oleh MASB yang berkaitan dengan operasi dan berkuat kuasa untuk tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022.

Pindaan telah berkuat kuasa untuk tempoh tahunan semasa

- Pindaan kepada MFRS 1, *Penggunaan MFRS Kali Pertama (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Penggabungan Perniagaan – Rujukan kepada Konsep Rangka Kerja*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada Contoh Ilustrasi yang mengiringi MFRS 16, *Pajakan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan – Perolehan sebelum Penggunaan Yang Dikenalpasti*
- Pindaan kepada MFRS 137, *Peruntukan, Liabiliti LuarJangka dan Aset LuarJangka – Kontrak yang Sukar – Kos Memenuhi Kontrak*
- Pindaan kepada MFRS 141, *Pertanian (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*

Berikut adalah piawaian perakaunan dan pindaan MFRS yang telah dikeluarkan oleh MASB tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Bank.

MFRS dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*
- Pindaan kepada MFRS 17, *Kontrak Insurans – Penggunaan awal MFRS 17 dan MFRS 9 – Maklumat Perbandingan*
- Pindaan untuk MFRS 101, *Pembentangan Penyata kewangan – Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa dan Pendedahan Dasar Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 108, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Ralat – Definisi Anggaran Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan – Cukai Tertunda yang berkaitan dengan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Transaksi Tunggal*

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

(a) Penyata pematuhan (Sambungan)

Pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

- Pindaan kepada MFRS 16, *Pajakan – Liabiliti Pajak dalam Jualan dan Pajak Semula*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan – Liabiliti Bukan Semasa dengan Perjanjian*

Pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata kewangan Disatukan dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Bersekutu atau Usaha Samanya*

Kumpulan dan Bank telah merancang untuk menggunakan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang dinyatakan di atas:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2023 untuk piawaian perakaunan dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2024 untuk piawaian perakaunan dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024.

Penggunaan awal piawaian perakaunan, tafsiran atau pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material kepada penyata kewangan Kumpulan dan Bank kecuali MFRS 17.

MFRS 17 memerlukan liabiliti untuk kontrak insurans yang diukur sebagai jumlah:

- aliran tunai pemenuhan yang terdiri daripada anggaran terbaik nilai semasa bagi aliran tunai masa hadapan dalam tempoh kontrak yang dijangka akan timbul dan pelarasan risiko yang jelas untuk risiko bukan kewangan; dan
- margin perkhidmatan berkontrak yang mewakili penanggungan sebarang keuntungan sehari untuk Pengendali Takaful yang timbul pada pengiktirafan awal.

Kerugian diiktiraf terus ke dalam untung atau rugi. Untuk tujuan pengukuran, kontrak dikumpulkan bersama ke dalam kontrak yang mempunyai risiko yang sama, profil keuntungan dan tahun terbitan, dengan bahagian selanjutnya untuk kontrak yang diuruskan secara berasingan.

Kesan kewangan yang timbul daripada penggunaan piawaian ini masih dinilai oleh Kumpulan.

(b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan berdasarkan kos sejarah, kecuali untuk aset dan instrumen kewangan tertentu yang diukur pada jumlah dinilai semula atau nilai saksama pada akhir tempoh pelaporan, seperti yang dijelaskan dalam Nota 2.

Kos sejarah secara umumnya adalah berasaskan nilai saksama ke atas ganjaran yang diberi di dalam pertukaran aset.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusanniaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran, tidak kira sama ada harga tersebut boleh diperhatikan secara langsung atau dianggarkan dengan menggunakan teknik penilaian lain. Dalam menganggarkan nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan mengambil kira ciri-ciri aset atau liabiliti jika peserta pasaran mengambil kira ciri-ciri tersebut dalam menentukan harga aset atau liabiliti pada tarikh pengukuran. Nilai saksama untuk pengukuran dan/atau untuk tujuan pendedahan di dalam penyata kewangan disatukan ditetapkan atas dasar tersebut kecuali untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang berada di dalam skop MFRS 2, urusanniaga pemajakan yang berada di dalam skop MFRS 16 dan pengukuran yang mempunyai persamaan dengan nilai saksama tetapi bukan dinilai pada nilai saksama, seperti nilai boleh direalisasikan di dalam MFRS 102 atau nilai kegunaan di dalam MFRS 136.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

(b) Asas Pengukuran (Sambungan)

Di samping itu, untuk tujuan laporan kewangan, pengukuran nilai saksama dikategorikan kepada Tahap 1, 2 atau 3 berdasarkan tahap input kepada pengukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan dan tahap signifikan input kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan yang dihuraikan seperti berikut:

- Input Tahap 1 adalah harga disebut (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama di mana entiti boleh mengaksesnya pada tarikh pengukuran;
- Input Tahap 2 adalah input, selain daripada harga disebut yang termasuk dalam Tahap 1, yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- Input Tahap 3 adalah input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan dan Bank mengenal pasti pemindahan antara hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Bank. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Dalam penyediaan penyata kewangan mengikut MFRS, pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak semula secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan dalam tempoh di mana anggaran itu disemak semula dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang rosotnilai.

Tiada bahagian penting penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang digunakan dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting dalam menentukan jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada seperti berikut:

(i) Kerugian rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank menyemak pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mereka pada setiap tarikh pelaporan pada akhir tempoh pelaporan untuk menilai sama ada kerugian rosot nilai perlu direkodkan dalam penyata pendapatan untung atau rugi. Khususnya, pertimbangan pengurusan diperlukan dalam anggaran jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan apabila menentukan kerugian kemerosotan nilai. Dalam menganggar aliran tunai ini, Kumpulan dan Bank membuat pertimbangan tentang keadaan kewangan peminjam atau pelanggan dan nilai boleh realisasi bersih cagaran. Anggaran ini adalah berdasarkan andaian pada beberapa faktor dan keputusan sebenar mungkin berbeza, menyebabkan perubahan pada masa hadapan kepada elaun.

Kerugian rosotnilai yang dikira berasaskan kepada jangkaan kerugian kredit ("ECL") model adalah output model yang kompleks dengan beberapa andaian asas mengenai pilihan input pemboleh ubah dan kebergantungan mereka. Elemen model ECL yang merupakan pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Kriteria untuk menilai jika terdapat peningkatan yang ketara dalam risiko kredit, yang termasuk penilaian kualitatif, untuk menentukan sama ada peruntukan harus dikira menggunakan dasar ECL sepanjang hayat;
- Segmentasi aset kewangan, apabila ECL mereka dinilai secara kolektif;
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai formula yang diaplikasikan dan pilihan-pilihan input;
- Penentuan kolerasi antara senario makroekonomi, dan input ekonomi atau Pembolehubah Makroekonomi ("MEV"), seperti Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK"), tahap pengangguran, Indeks Harga Pengguna ("IHP") dan nilai cagaran serta kesan ke atas Kebarangkalian Ingkar ("PD"), Kerugian Akibat Kemungkinan ("LGD") dan model Pendedahan Pada Ingkar ("EAD").

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (Sambungan)

(i) Kerugian rosot nilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Sambungan)

Penambahan dan penyesuaian ECL di dalam keadaan COVID-19

Oleh kerana model MFRS 9 semasa tidak dijangka dapat menjana tahap ECL dengan kebolehpercayaan yang mencukupi, memandangkan pandemik COVID-19 belum pernah terjadi sebelumnya dan berterusan, penambahan dan penyesuaian pasca model telah dipakai untuk menentukan tahap ECL keseluruhan yang mencukupi untuk tahun berakhir dan pada 31 Disember 2022.

Penambahan dan penyesuaian pasca model telah diambil bagi mencerminkan pandangan makroekonomi terkini yang tidak tercatat dalam hasil model dan potensi impak terhadap ketidakpastiaan dan kegagalan apabila pelbagai langkah bantuan dan sokongan telah tamat tempoh.

Penambahan dan penyesuaian pasca model ini melibatkan tahap pertimbangan yang ketara dan mencerminkan pandangan pihak pengurusan mengenai kemungkinan akibat daripada pandemik dan jalan pemulihan dalam penilaian ke hadapan untuk tujuan anggaran ECL.

Peminjam atau pelanggan yang telah menerima sokongan pembayaran balik kekal dalam peringkat sedia ada mereka melainkan mereka telah dikenal pasti secara individu sebagai tidak berdaya maju atau dengan penunjuk berikutnya peningkatan ketara dalam risiko kredit daripada setiap status pra-COVID-19 mereka. Tindakan dan pelarasan pasca model biasanya dibuat pada peringkat akaun individu dalam menentukan tahap ECL yang mencukupi disediakan.

Kesan pelarasan pasca model ini dianggarkan adalah RM91 juta untuk kedua-dua Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2022 (2021: RM 118 juta).

(ii) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Apabila nilai saksama instrumen kewangan yang direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak boleh diukur berdasarkan harga disebut harga dalam pasaran aktif, nilai saksamanya diukur menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun, model penentuan harga opsyen dan model penilaian lain yang berkaitan yang diamalkan oleh industri.

Input kepada model ini diambil daripada pasaran yang boleh diperhatikan jika boleh, tetapi jika ini tidak boleh dilaksanakan, tahap pertimbangan diperlukan dalam mewujudkan nilai saksama.

(iii) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf ke atas kerugian cukai belum guna, elaun modal belum diserap dan perbezaan sementara yang boleh ditolak sehingga ke tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan cukai masa hadapan yang mencukupi boleh diperolehi untuk kegunaan cukai belum guna, elaun modal belum diserap dan perbezaan sementara tersebut. Pertimbangan signifikan oleh pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan tempoh masa yang berkemungkinan dan tahap keuntungan boleh cukai hadapan, bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

(iv) Obligasi manfaat persaraan

Nilai semasa pelan manfaat tertakrif dan faedah pekerja jangka panjang lain ditentukan menggunakan penilaian aktuari. Penilaian aktuari melibatkan membuat pelbagai andaian yang mungkin berbeza daripada perkembangan sebenar pada masa hadapan. Ini termasuk penentuan kadar diskaun, kadar inflasi perubatan dan kadar kenaikan gaji. Disebabkan oleh kerumitan penilaian dan sifat jangka panjangnya, obligasi manfaat yang ditentukan adalah sangat sensitif terhadap perubahan dalam andaian ini. Semua andaian disemak pada setiap tarikh terakhir pelaporan.

Dalam menentukan kadar diskaun yang sesuai, pihak pengurusan mempertimbangkan kadar faedah bon kerajaan berkualiti tinggi dalam mata wang masing-masing dan kematangan diekstrapolasi sepadan dengan jangkaan obligasi manfaat yang ditentukan.

Dalam menentukan kadar inflasi perubatan yang sesuai, pihak pengurusan mempertimbangkan kadar aliran berdasarkan andaian yang diterima pakai untuk faedah perubatan selepas persaraan entiti lain yang berdasarkan data yang lebih dipercayai dan boleh dipercayai.

Dalam menentukan kadar kenaikan gaji yang sesuai, pihak pengurusan mempertimbangkan inflasi harga, produktiviti dan promosi untuk mencerminkan tahap peningkatan dalam pendapatan am dan anugerah kenaikan pangkat.

Butiran lanjut tentang andaian yang digunakan, termasuk analisis sensitiviti, didedahkan dalam Nota 20.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (Sambungan)

(v) Opsyen lanjutan dan kadar pinjaman tambahan berhubung dengan pajakan

Kumpulan dan Bank mempunyai pilihan, untuk menanggung beberapa pajakan untuk memajak aset untuk tambahan melanjutkan pajakan tempoh aset seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pada tarikh permulaan pajakan, Kumpulan dan Bank menggunakan pertimbangan dalam menilai sama ada untuk melaksanakan pilihan lanjutan. Iaitu, dengan mempertimbangkan semua faktor berkaitan yang mewujudkan insentif ekonomi untuknya melaksanakan pilihan lanjutan. Selepas tarikh permulaan, Kumpulan dan Bank menilai semula tempoh pajakan jika terdapat peristiwa penting atau perubahan dalam keadaan yang berada dalam kawalannya dan menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan (atau tidak melaksanakan) pilihan lanjutan.

Kumpulan dan Bank telah menilai bahawa adalah semunasabahnya pasti untuk melaksanakan pilihan lanjutan kerana kepentingan aset ini kepada operasi Kumpulan dan Bank dan telah memutuskan untuk terus mengekalkan andaian pada 31 Disember 2022.

Kumpulan dan Bank telah menggunakan pertimbangan dan andaian dalam menentukan kadar pinjaman tambahan bagi pajakan masing-masing. Entiti kumpulan terlebih dahulu menentukan kadar pinjaman tersedia yang terdekat sebelum menggunakan pertimbangan penting untuk menentukan pelarasan yang diperlukan untuk menggambarkan terma, keselamatan, nilai atau persekitaran ekonomi bagi pajakan masing-masing.

(vi) Peruntukan untuk fi wakalah/pembiayaan Akaun Khas Individu ("ISA") and Akaun Unit Perlindungan ("PUA")

Peruntukan untuk fi wakalah

Peruntukan dibuat untuk merekodkan kerugian jangkaan masa hadapan tertentu, jika ada, kepada pengendali takaful yang timbul daripada penyenggaraan kontrak sijil individu dengan peserta.

Peruntukan dianggarkan berdasarkan aliran tunai bersih masa hadapan terdiskaun kepada Pengendali Takaful menggunakan kaedah aktuari yang digunakan untuk rizab bukan unit yang dipanggil metodologi rizab sterling.

Andaian yang digunakan adalah konsisten dengan yang digunakan dalam penilaian dana Tabarru' dan andaian perbelanjaan Pengendali Takaful adalah berdasarkan kajian pengalaman Kumpulan.

Pembiayaan untuk ISA dan PUA

Kumpulan menyediakan pembiayaan kepada peserta untuk menyelesaikan caj Tabarru' tertunggak kepada dana takaful keluarga bagi jumlah yang terkurang dalam dana ISA dan PUA setiap peserta. Bermula pada tahun 2021, caj tabarru' tertunggak akan dibiayai oleh dana tabarru' sebagai penghutang tabarru dalam dana keluarga. Penghutang dagangan ini dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif kemerosotan nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan ke atas jangkaan keupayaan penghutang. Elaun kerugian rosot nilai diiktiraf atas penghutang perdagangan yang berkaitan dengan pembiayaan sijil luput yang berada dalam tempoh pemulihan. Elaun kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan yang berkaitan dengan sijil berkuat kuasa ditentukan dengan menggunakan anggaran nisbah luput. Penghutang dagangan dihapus kira apabila sijil berkaitan melepasi tempoh pemulihan.

(vii) Takaful

Penghutang takaful diiktiraf apabila terhutang dan pengiktirafan awal diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima. Selepas pengiktirafan awal, penghutang takaful diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

Kumpulan mengumpul bukti objektif bagi rosot nilai yang dianggap wujud di mana prinsipal dan faedah atau kedua-duanya bagi penghutang takaful telah tamat tempoh selama lebih daripada 90 hari atau 3 bulan.

(viii) Dana takaful keluarga – Peruntukan untuk tuntutan tertunggak

Bagi perniagaan kumpulan keluarga, peruntukan dibuat bagi kos tuntutan bersama dengan perbelanjaan yang berkaitan dan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan bagi kemalangan dan perlindungan kesihatan pada akhir tempoh pelaporan. Kos muktamad bagi tuntutan tertunggak adalah dianggar dengan menggunakan kaedah Chain Ladder, iaitu iklan teknik unjuran tuntutan aktuari berpiawai yang kemudiannya ditandatangani oleh aktuari bertauliah Kumpulan. Bagi semua unjuran, terdapat unsur-unsur yang tidak menentu maka pengalaman tuntutan masa hadapan mungkin berbeza daripada pengalaman tuntutan sebenar disebabkan tahap ketidakpastian yang terlibat dalam mengunjurkan tuntutan masa hadapan adalah berdasarkan pengalaman tuntutan lepas.

Ketidaktentuan ini berlaku disebabkan perubahan dalam dasar risiko, perubahan dalam penyebaran risiko, masa dan jumlah penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian dalam model unjuran dan asas andaian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (Sambungan)

(ix) Dana takaful keluarga – Rizab aktuari

Pelarasan kepada liabiliti pada setiap akhir tempoh pelaporan adalah direkodkan dalam untung atau rugi. Keuntungan daripada margin sisihan negatif di atas kontrak larian diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang hayat kontrak manakala kerugian diiktiraf sepenuhnya dalam untung atau rugi pada tahun pertama larian.

Liabiliti ini tidak diiktirafkan apabila kontrak luput, ditamatkan atau dibatalkan. Pada akhir tempoh pelaporan, satu penilaian dibuat sama ada liabiliti takaful keluarga yang diiktiraf adalah mencukupi dengan menggunakan ujian kecukupan liabiliti yang sedia ada.

Apa-apa kekurangan direkodkan dalam untung atau rugi dengan penubuhan rizab teknikal bagi kerugian tersebut. Pada tempoh berikutnya, liabiliti bagi suatu blok perniagaan yang telah gagal ujian kecukupan adalah berdasarkan andaian-andaian yang ditubuhkan pada masa pengiktirafan kerugian. Kerugian yang terhasil daripada ujian kecukupan liabiliti boleh ditarik balik dalam tahun-tahun masa hadapan jika rosot nilai tidak lagi wujud.

Sebagaimana dengan semua unjuran, terdapat unsur-unsur ketidakpastian dan oleh itu liabiliti yang diunjurkan mungkin akan berbeza daripada liabiliti yang sebenar disebabkan tahap penting ketidakpastian yang terlibat dalam kadar diskaun yang digunakan dan juga andaian kematian dan kesihatan.

(e) Perubahan dalam keperluan kawal selia

Berdasarkan garis panduan BNM yang disemak mengenai Pelaporan Kewangan untuk Institusi Kewangan Pembangunan, institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan ("DFI") akan membuat pemilihan sekali sahaja pada tahun 2020 untuk menggunakan semakan kepada kadar faedah/keuntungan berkesan asal berkenaan dengan sebarang pengubahsuaian yang dibuat kepada aliran tunai kontrak pinjaman dan pembiayaan. Sekiranya berlaku pemilihan, syarat-syarat tersebut hendaklah terpakai untuk dua tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020 dan berkenaan dengan pinjaman dan pembiayaan yang mana aliran tunai berkontrak diubah suai, termasuk pembayaran yang ditangguhkan di bawah moratorium yang disediakan oleh DFI selama dua tahun kewangan ini. Pengubahsuaian di atas telah dilanjutkan untuk satu tahun lagi pada 2022.

Kumpulan dan Bank telah memilih untuk menerima pakai kaedah perakaunan yang diubah suai pada tahun 2020. Perbandingan kesan kewangan penggunaan kaedah perakaunan mengikut MFRS dan kaedah perakaunan yang diubah suai adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		BANK	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Penyata Kedudukan Kewangan:				
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar (rangka kerja pelaporan yang diubahsuai)	35,581,182	33,211,998	35,581,182	33,211,998
Semakan EIR asal	40,554	35,441	40,554	35,441
Moratorium kerugian pengubahsuaian tertunda	(291,157)	(291,157)	(291,157)	(291,157)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar yang disemak (MFRS 9)	35,330,579	32,956,282	35,330,579	32,956,282
Keuntungan tertahan (rangka kerja pelaporan yang diubahsuai)	1,845,799	1,736,679	1,694,816	1,568,238
Semakan EIR asal	40,554	35,441	40,554	35,441
Moratorium kerugian pengubahsuaian tertunda	(291,157)	(291,157)	(291,157)	(291,157)
Keuntungan tertahan yang disemak (MFRS 9)	1,595,196	1,480,963	1,444,213	1,312,522
Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain:				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat (rangka kerja pelaporan yang diubahsuai)	397,981	458,433	416,365	405,464
Semakan EIR asal pada tahun semasa	5,113	20,497	5,113	20,497
Moratorium kerugian pengubahsuaian tertunda pada tahun semasa	–	(126,252)	–	(126,252)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat yang disemak (MFRS 9)	403,094	352,678	421,478	299,709

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini dan telah digunakan secara konsisten oleh entiti Kumpulan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyatuan

(i) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti, termasuk entiti berstruktur, dikawal oleh Bank. Penyata kewangan anak-anak syarikat dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga tarikh kawalan terhenti.

Kumpulan mengawal entiti apabila ia terdedah, atau mempunyai hak, kepada pulangan berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Hak mengundi berpotensi dipertimbangkan apabila menilai kawalan hanya apabila hak tersebut adalah substantif. Kumpulan juga menganggap ia mempunyai kuasa *de facto* ke atas penerima pelaburan apabila, walaupun tidak mempunyai hak mengundi majoriti, ia mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti penerima pelaburan yang memberi kesan ketara kepada pulangan penerima pelaburan.

Pelaburan dalam anak syarikat diukur pada penyata kedudukan kewangan Bank pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai, melainkan pelaburan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

(ii) Gabungan perniagaan

Gabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pemerolehan dari tarikh pemerolehan, iaitu tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan.

Untuk pengambilalihan baharu, Kumpulan mengukur kos muhibah pada tarikh pengambilalihan sebagai:

- nilai saksama balasan yang dipindahkan; tambah
- amaun diiktiraf bagi mana-mana kepentingan tak mengawal dalam pihak yang diambil alih; tambah
- jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama kepentingan ekuiti sedia ada dalam pihak yang diambil alih; kurang
- amaun bersih diiktiraf (biasanya nilai saksama) bagi aset yang boleh dikenal pasti yang diperolehi dan liabiliti yang diambil alih.

Apabila lebih negatif, keuntungan pembelian murah diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi.

Bagi setiap gabungan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada ia mengukur kepentingan tak mengawal dalam pihak yang diambil alih sama ada pada nilai saksama atau pada bahagian berkadar aset bersih yang boleh dikenal pasti oleh pihak yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan.

Kos urus niaga, selain daripada yang berkaitan dengan terbitan hutang atau sekuriti ekuiti, yang ditanggung Kumpulan berkaitan dengan gabungan perniagaan dibelanjakan apabila berlaku.

(iii) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara, tetapi tak mengawal, ke atas dasar kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian rosot nilai, melainkan ia diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi. Penyata kewangan yang disatukan termasuk bahagian untung atau rugi Kumpulan dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, untuk menyelaraskan dasar perakaunan dengan Kumpulan, dari tarikh pengaruh penting itu bermula sehingga tarikh pengaruh penting itu berhenti.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, jumlah bawaan kepentingan tersebut termasuk sebarang pelaburan jangka panjang dikurangkan kepada sifar, dan pengiktirafan kerugian selanjutnya dihentikan kecuali setakat Kumpulan mempunyai obligasi atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (Sambungan)

(a) Asas penyatuan (Sambungan)

(iii) Syarikat bersekutu (Sambungan)

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu, sebarang kepentingan yang dikekalkan dalam bekas syarikat bersekutu pada tarikh apabila pengaruh penting hilang diukur pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai jumlah bawaan awal aset kewangan. Perbezaan antara nilai saksama mana-mana faedah terkumpul ditambah hasil daripada faedah yang dilupuskan dan jumlah bawaan pelaburan pada tarikh apabila kaedah ekuiti dihentikan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh yang ketara, sebarang kepentingan tertahan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penurunan faedah diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain juga diklasifikasikan semula secara berkadar dengan untung atau rugi jika keuntungan atau kerugian itu perlu diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi atas pelupusan aset atau liabiliti berkaitan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Bank pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai, melainkan pelaburan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan atau pengagihan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

(iv) Kepentingan tak mengawal

Kepentingan tak mengawal pada akhir tempoh pelaporan, sebagai ekuiti dalam anak syarikat yang tidak dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada pemegang ekuiti Bank, dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dan penyata perubahan dalam ekuiti, secara berasingan daripada ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Bank. Kepentingan tak mengawal dalam keputusan Kumpulan dibentangkan dalam penyata untung atau rugi disatukan dan pendapatan komprehensif lain sebagai peruntukan untung atau rugi untuk tahun antara kepentingan tak mengawal dan pemilik Bank.

Kerugian yang dikenakan kepada kepentingan tak mengawal dalam subsidiari diperuntukkan kepada kepentingan tak mengawal walaupun jika berbuat demikian menyebabkan kepentingan tak mengawal mempunyai baki defisit.

(b) Transaksi mata wang asing

Transaksi dalam mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian bagi setiap entiti dalam Kumpulan pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi.

Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul daripada pertukaran semula diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Instrumen Kewangan

Aset kewangan

(i) Tarikh pengiktirafan

Semua aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Ini termasuk cara biasa perdagangan, pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam jangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

(ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya

Semua aset kewangan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya ditambah kos transaksi yang boleh diagihkan secara langsung, kecuali dalam kes aset kewangan yang direkodkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Kumpulan dan Bank mengklasifikasikan semua aset kewangannya berdasarkan model perniagaan untuk mengurus aset dan ciri aliran tunai kontraktual aset.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (Sambungan)

(c) Instrumen Kewangan (Sambungan)

Aset kewangan (Sambungan)

(ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya (Sambungan)

Model perniagaan

Kumpulan dan Bank menentukan model perniagaannya pada tahap yang paling menggambarkan bagaimana kumpulan aset kewangan diuruskan untuk mencapai objektif perniagaannya.

Kumpulan dan Bank tidak menilai model perniagaan berdasarkan instrumen demi instrumen, tetapi pada tahap portfolio terkumpul yang lebih tinggi dan berdasarkan faktor yang boleh diperhatikan seperti:

- Bagaimana prestasi portfolio dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama;
- Risiko yang menjejaskan prestasi model perniagaan (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut) dan, khususnya, cara risiko tersebut diurus;
- Bagaimana pengurus perniagaan diberi pampasan (contohnya, sama ada pampasan adalah berdasarkan nilai saksama aset yang diuruskan atau pada aliran tunai berkontrak yang dikutip); dan
- Jangkaan kekerapan, nilai dan masa jualan juga merupakan aspek penting dalam penilaian Kumpulan dan Bank.

Penilaian model perniagaan adalah berdasarkan senario yang dijangka secara munasabah tanpa mengambil kira senario 'kes terburuk' atau 'kes tekanan'. Jika aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dalam cara yang berbeza daripada jangkaan asal Kumpulan dan Bank, Kumpulan dan Bank tidak mengubah klasifikasi baki aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut, tetapi menggabungkan maklumat tersebut semasa menilai aset kewangan yang baru berasal atau yang baru dibeli pada masa hadapan.

Ujian pembayaran prinsipal dan faedah/keuntungan ("SPPI")

Selepas penentuan model perniagaan, Kumpulan dan Bank akan menilai tempoh kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada ia memenuhi ujian SPPI.

'Prinsipal' untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada pengiktirafan awal dan mungkin berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya, jika terdapat pembayaran balik prinsipal atau pelunasan premium/diskaun).

Unsur-unsur faedah/keuntungan yang paling penting dalam pengaturan pinjaman biasanya pertimbangan untuk nilai masa wang dan risiko kredit. Dalam membuat penilaian SPPI, Kumpulan dan Bank menggunakan pertimbangan dan mempertimbangkan faktor-faktor yang berkaitan seperti mata wang di mana aset kewangan didenominasikan, dan tempoh di mana kadar faedah/keuntungan ditetapkan.

Sebaliknya, terma kontrak yang memperkenalkan pendedahan yang lebih daripada de minimis kepada risiko atau turun naik dalam aliran tunai kontrak yang tidak berkaitan dengan pengaturan pinjaman asas tidak menimbulkan aliran tunai kontrak yang SPPI pada jumlah tertunggak. Dalam kes sedemikian, aset kewangan perlu diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Termasuk dalam aset kewangan adalah seperti berikut:

- Kos terlunas;
- Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain; dan
- Nilai saksama melalui untung atau rugi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (Sambungan)

(c) Instrumen Kewangan (Sambungan)

Aset kewangan (Sambungan)

(ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya (Sambungan)

Ujian pembayaran prinsipal dan faedah/keuntungan ("SPPI") (Sambungan)

(a) Aset kewangan pada kos terlunas

Kumpulan dan Bank mengukur aset kewangan pada kos terlunas jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontrak; dan
- Tempoh kontrak aset kewangan menimbulkan aliran tunai pada tarikh yang ditetapkan iaitu SPPI pada jumlah prinsipal tertunggak.

Pendapatan faedah/keuntungan diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah/keuntungan berkesan ("EIR") kepada jumlah bawaan kasar kecuali untuk aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 2(c)(iii)) di mana EIR digunakan untuk kos terlunas.

Termasuk dalam aset kewangan pada kos terlunas ialah tunai dan dana jangka pendek, deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain, pelaburan sekuriti, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan aset-aset lain seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan masing-masing.

(b) Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain

Instrumen hutang

Kumpulan dan Bank mengukur instrumen hutang di nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain apabila kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Instrumen ini dipegang dalam model perniagaan, yang objektifnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai berkontrak dan menjual aset kewangan; dan
- Syarat kontrak aset kewangan memenuhi ujian SPPI.

Aset kewangan di nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Pendapatan faedah/keuntungan dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam untung atau rugi dengan cara yang sama seperti aset kewangan yang diukur pada kos terlunas. Di mana Kumpulan dan Bank memegang lebih daripada satu pelaburan dalam sekuriti yang sama, mereka dianggap dilupuskan atas dasar masuk dahulu, keluar dahulu. Pada penyahiktirafan, keuntungan dan kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasikan semula daripada OCI kepada untung atau rugi.

Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti biasanya diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Walau bagaimanapun, bagi instrumen ekuiti bukan dagangan, dengan pilihan tidak boleh ditarik balik pada permulaan, Kumpulan dan Bank mengukur perubahan melalui nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (tanpa kitar semula kepada untung atau rugi apabila dinyahiktiraf). Aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi kemudiannya diukur pada nilai saksamanya. Keuntungan atau kerugian bersih, termasuk sebarang faedah atau pendapatan dividen, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Termasuk dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ialah pelaburan sekuriti.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (Sambungan)

(c) Instrumen Kewangan (Sambungan)

Aset kewangan (Sambungan)

(ii) Pengiktirafan awal dan pengukuran seterusnya (Sambungan)

Ujian pembayaran prinsipal dan faedah/keuntungan ("SPPI") (Sambungan)

(c) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset kewangan di nilai saksama melalui untung atau rugi ialah aset yang dipegang untuk dagangan dan sama ada telah ditetapkan oleh pengurusan semasa pengiktirafan awal atau secara mandatori diperlukan untuk diukur pada nilai saksama di bawah MFRS 9. Pengurusan menetapkan instrumen di nilai saksama melalui untung atau rugi selepas pengiktirafan awal apabila salah satu daripada kriteria berikut dipenuhi. Penamaan sedemikian ditentukan berdasarkan instrumen demi instrumen:

- Penamaan menghapuskan atau mengurangkan dengan ketara layanan tidak konsisten yang sebaliknya akan timbul daripada mengukur aset atau liabiliti atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian ke atasnya pada asas yang berbeza; atau
- Aset dan liabiliti adalah sebahagian daripada kumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya, yang diuruskan dan prestasinya dinilai berdasarkan nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko atau strategi pelaburan yang didokumenkan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan yang ditetapkan pada FVTPL direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah kapsyen 'pendapatan operasi lain' dan 'perbelanjaan operasi lain'.

Termasuk dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ialah pelaburan sekuriti.

(d) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dan yang Kumpulan dan Bank tidak berhasrat untuk menjual serta-merta atau dalam tempoh terdekat. Pembiayaan Kumpulan dan Bank terdiri daripada kontrak berasaskan jualan (iaitu Bai' Bithaman Ajil, Bai' Innah dan Tawarruq), kontrak berasaskan pajakan (iaitu Ijarah) dan kontrak Ujrah.

Apabila Kumpulan dan Bank membeli aset kewangan dan pada masa yang sama membuat perjanjian untuk menjual semula aset tersebut (atau aset yang hampir serupa) pada harga tetap pada tarikh hadapan (repo terbalik atau pinjaman saham), perkiraan itu diambil kira sebagai pinjaman atau pendahuluan, dan aset asas tidak diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga langsung tambahan dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah/keuntungan berkesan, kecuali apabila Kumpulan dan Bank memilih untuk membawa pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

(e) Pelaburan sekuriti

Pelaburan sekuriti ialah aset kewangan bukan derivatif dan termasuk:

- instrumen hutang dan ekuiti diukur secara mandatori atau ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi; dan
- instrumen diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah tertakluk kepada penilaian rosot nilai (lihat Nota 2(c)(iii)).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (Sambungan)

(c) Instrumen Kewangan (Sambungan)

Aset kewangan (Sambungan)

(iii) Kemerosotan nilai aset kewangan

Keperluan rosot nilai MFRS 9 adalah berdasarkan model Kerugian Kredit Dijangka ("ECL"). Model ECL terpakai kepada aset kewangan yang diukur pada kos terlunas atau pada FVOCI, komitmen pinjaman/pembiayaan tidak boleh ditarik balik dan kontrak jaminan kewangan, yang termasuk pinjaman, pendahuluan dan sekuriti pembiayaan dan pelaburan yang dipegang oleh Kumpulan dan Bank. Model ECL juga digunakan untuk aset kontrak di bawah MFRS 15 *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan* dan pajakan belum terima di bawah MFRS 16 *Pajakan*.

Pengukuran ECL melibatkan peningkatan kerumitan dan pertimbangan yang termasuk:

(a) Menentukan peningkatan signifikan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal

Penilaian kemerosotan signifikan sejak pengiktirafan awal adalah kunci dalam mewujudkan titik pertukaran antara keperluan untuk mengukur elau berdasarkan ECL 12 bulan dan yang berdasarkan ECL seumur hidup. Penilaian kuantitatif dan kualitatif diperlukan untuk menganggarkan peningkatan signifikan dalam risiko kredit dengan membandingkan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset kewangan pada tarikh terakhir pelaporan dengan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset kewangan pada tarikh pengiktirafan awal.

Kumpulan dan Bank menggunakan pendekatan tiga peringkat berdasarkan perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal:

Pendekatan 3 peringkat	Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
	Berprestasi	Kurang Berprestasi	Tidak Berprestasi
Pendekatan ECL	ECL 12 bulan	ECL Sepanjang Hayat	ECL Sepanjang Hayat
Kriteria	Tiada peningkatan signifikan dalam risiko kredit	Risiko kredit meningkat dengan signifikan	Aset terjejas kredit
Pengiktirafan pendapatan faedah/keuntungan	Pada amaun dibawa kasar	Pada amaun dibawa kasar	Pada amaun dibawa bersih

(b) Pengukuran ECL

